



KHUTBAH SYAMIYAH

**PENAWAR AL-QURAN BAGI PENYAKIT
ZAMANINI**

**© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)**

TAJUK	KHUTBAH SYAMIYAH
ISBN	
KARANGAN	BADIUZZAMAN SAID NURSI
PENTERJEMAH	NORMELISA BINTI MOHD YADI
SENARAI PENYUNTING	KAIRUL ANUAR BIN MOHD NAYAN
	ZAIDI BIN HASSAN
CETAKAN PERTAMA	2025

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
E-mail : emreyasar@yahoo.com
0176626110 (Ali Aydogan) aydogan6366@gmail.com

Website: www.nur-way.com **E-mail :** nurway2024@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkongan Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

KHUTBAH SYAMIYAH



Badiuzzaman Said Nursi



Penterjemah

Normelisa Binti Mohd Yadi



Kandungan Buku

Prakata	7
Siapakah Badiuzzaman Said Nursi	9
Apakah itu Risalah an-Nur?	9
Kata Pengantar Penerbit bagi Khutbah Syamiyah	15
Mukadimah	19
Khutbah Syamiyah	31
Kalimah Pertama: <i>al-Amal</i> (Harapan)	33
Kalimah Kedua: <i>al-Ya's</i> (Putus asa)	54
Kalimah Ketiga: <i>al-Sidk</i> (Kejujuran)	56
Kalimah Keempat: <i>al-Mahabbah</i> (Kasih Sayang).....	62
Kalimah Kelima: Dosa dan Pahala Berlipat Ganda	65
Kalimah Keenam: <i>Syura</i> (Musyawarah Syar'iyah)	70
Lampiran Pertama	74
Bahagian Pertama	74
Bahagian Kedua	84
Bahagian Ketiga	90
Hidup Syariat Islam yang Agung!	90
Hidup Syariat Nabi Muhammad SAW!	93

Peringatan Khas	95
Hakikat.....	95
Suara Kebenaran	97
Menghilangkan Segala Keraguan (Waham)	100
Surat kepada Dervish Vahdeti	110
Seruan kepada Tentera Kami yang Gagah Berani	111
Seruan kepada Para Tentera	112
Peringatan Penting kepada Pertubuhan dan Persatuan	115
Lampiran Kedua: Bahagian Pertama	116
Benih-benih Hakikat	116
Bahagian Kedua	141
Sepucuk Surat: Prinsip-prinsip Al-Quran dalam Menyelamatkan Umat yang Sedar	156

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ﴿٢﴾ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji bagi Allah SWT yang telah mengurniakan taufik dan inayah-Nya sehingga terjemahan dan penyuntingan Khutbah Syamiyah: Penawar al-Quran bagi Penyakit Zaman Ini dapat disempurnakan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada penterjemah dan penyunting yang telah berusaha dengan penuh dedikasi.

Karya agung ini merupakan salah satu daripada bahagian penting dalam khazanah Risalah an-Nur, yang dihasilkan oleh al-Imam Badiuzzaman Said Nursi (1877–1960), seorang tokoh ilmuwan Ahli Sunnah wal Jamaah yang telah melalui fasa kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah serta permulaan era sekular di Turki. Khutbah ini telah disampaikan di Masjid Umayyah, Damsyik, pada tahun 1911 Masihi sebagai satu seruan keinsafan dan harapan buat umat Islam yang sedang bergelut dengan pelbagai krisis rohani dan sosial.

Dengan gaya bahasa yang halus, penuh hikmah dan

hujah yang mendalam, Khutbah Syamiyah ini bukan sahaja mengupas penyakit-penyakit zaman moden, tetapi juga menawarkan penawar Qurani yang menyentuh hati dan meninari akal. Ia membawa pembaca kepada suatu kesedaran tentang peranan iman, amal dan penyatuan ummah dalam menghadapi cabaran zaman.

Diharapkan agar karya terjemahan ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat, membangkitkan semangat keimanan dan memberikan kekuatan kepada umat Islam dalam menghadapi fitnah zaman serta meraih kejayaan yang hakiki, di dunia dan di akhirat.

Dato' Seri Hj. Wan Zahidi Wan Teh

Mufti Negeri Perak

Siapakah Badiuzzaman Said Nursi? Apakah itu Risalah an-Nur?

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan di wilayah timur Turkiye pada tahun 1877 dan wafat pada tahun 1960 dalam usia lapan puluh tiga tahun. Kehidupannya sarat dengan perjuangan, teladan, dan pengorbanan diri demi agama Islam. Beliau ialah seorang alim besar yang menguasai bukan sahaja pelbagai cabang ilmu agama tradisional, malah juga mahir dalam ilmu sains semasa. Disebabkan keunggulan ilmunya yang luar biasa itu, beliau digelar Badiuzzaman, iaitu “Keajaiban Zaman”, sejak zaman mudanya.

Kehidupan Badiuzzaman merangkumi dekad-dekad terakhir Khilafah Uthmaniyyah, kejatuhannya serta perpecahannya selepas Perang Dunia Pertama. Selepas penubuhan Republik Turki pada tahun 1923, beliau hidup selama 37 tahun lagi di bawah pemerintahan yang terkenal dengan dasar menindas Islam. Dalam tempoh awal ini, perjuangan beliau bersifat aktif dan terbuka. Beliau mengajar ramai pelajar, berdebat dan bermuzakarah dengan ulama-ulama besar dari seluruh dunia Islam, malah memimpin sendiri sebuah rejimen sukarelawan melawan pencerobohan Rusia pada tahun 1914. Selepas hampir dua tahun bertempur, beliau ditawan oleh tentera Rusia dan menjadi tahanan perang.

Beliau sentiasa terlibat aktif dalam masyarakat dan

berusaha mengembangkan kepentingan Islam secara terbuka. Namun, peralihan daripada kekhilafahan kepada republik turut menandai peralihan daripada “Said Lama” kepada “Said Baru”. Dalam fasa ‘Said Baru’ ini, beliau dipaksa untuk menarik diri daripada kehidupan awam dan menumpukan sepenuhnya kepada ibadah, pemikiran dan pengajian dengan cabaran baharu yang memerlukan pendekatan yang berbeza.

Walaupun beliau tidak terlibat sama sekali dalam pemberontakan di Timur Turki pada tahun 1925, malah telah menasihatkan para pemimpinnya agar meninggalkan pemberontakan tersebut, Badiuzzaman tetap dibuang daerah ke Anatolia Barat. Sepanjang 25 tahun berikutnya, serta beberapa tahun terakhir hayatnya, beliau terus mengalami pengasingan, terus diasingkan, dipenjara, digangu dan ditindas oleh pihak berkuasa. Namun, dalam keadaan itulah, lahirnya Risalah an-Nur yang tersebar ke seluruh Turkiye.

Untuk memetik kata-kata Badiuzzaman sendiri: “*Pada hari ini aku melihat dengan jelas bahawa kebanyakan kehidupanku telah diarahkan dengan suatu cara, di luar kehendak, keupayaan, kefahaman dan perancanganku sendiri, supaya menghasilkan risalah-risalah ini bagi berkhidmat kepada perjuangan al-Quran. Seakan-akan seluruh kehidupanku sebagai seorang alim telah digunakan sebagai mukadimah kepada risalah-risalah ini, yang memperlihatkan kemukjizatan al-Quran.*”

Badiuzzaman memahami bahawa kemunduran dunia Islam adalah berpunca daripada kelemahan yang sangat

asas, iaitu lemahnya keyakinan terhadap rukun-rukun utama akidah Islam. Serangan yang sangat dahsyat terhadap rukun-rukun iman oleh aliran materialisme dan ateisme pada abad ke-19 dan ke-20 meyakinkan beliau bahawa tugas paling utama umat Islam adalah menguatkan semula asas-asas tersebut, iaitu iman itu sendiri. Beliau telah mencurahkan segala usaha untuk membina kembali binaan Islam bermula dari asasnya, iaitu iman, dan menghadapi serangan-serangan tersebut melalui suatu bentuk perjuangan bukan bersenjata, iaitu perjuangan dengan ilmu, hujah, dan kata-kata.

Ketika di dalam pembuangannya, Badiuzzaman telah menulis karya agung yang dikenali sebagai Risalah an-Nur, yang bertujuan untuk menerangkan dan menghuraikan asas-asas keimanan, iaitu kebenaran al-Quran kepada manusia moden. Pendekatan beliau adalah membuat perbandingan di antara keimanan dan kekufuran serta membuktikan, melalui hujah-hujah yang terang, berdasarkan akal, bahawa bukan sahaja segala kebenaran iman, contohnya seperti kewujudan dan keesaan Allah, kenabian dan kebangkitan jasad boleh dibuktikan secara rasional melalui kaedah al-Quran, bahkan kebenaran-kebenaran ini juga merupakan satu-satunya penjelasan yang rasional terhadap kewujudan manusia dan alam semesta.

Beliau juga membuktikan dalam bentuk kisah-kisah yang mudah difahami melalui perbandingan dan penjelasan, serta menggunakan hujah-hujah berdasarkan akal bahawa kebenaran agama tidak bertentangan dengan sains moden, namun tafsiran materialistik terhadap penemuan-penemuan itulah yang batil dan tidak rasional. Malah, Badiuzzaman

membuktikan dalam Risalah an-Nur bahawa penemuan-penemuan sains yang menakjubkan berkenaan alam sebenarnya menyokong dan mengukuhkan kebenaran agama.

Kepentingan Risalah an-Nur sukar untuk diukur, kerana melalui karyanya ini, Badiuzzaman Said Nursi telah memainkan peranan besar dalam memelihara dan menghidupkan kembali keimanan di Turki, ketika negara itu melalui zaman yang paling gelap dalam sejarahnya. Bahkan, peranan tersebut semakin relevan dan mendesak hingga ke hari ini.

Lebih daripada itu, Risalah an-Nur sesuai secara khusus berbicara bukan sahaja kepada seluruh umat Islam, malah kepada umat manusia seluruhnya. Hal ini demikian kerana, ia ditulis selari dengan pemikiran manusia moden, sama ada muslim atau tidak, khususnya mereka yang telah diserap oleh falsafah kebendaan. Risalah an-Nur menjawab secara khusus segala persoalan, keraguan dan kekeliruan yang timbul daripada falsafah tersebut. Ia juga memberikan jawapan kepada soalan “mengapa” yang selalu berlegar dalam fikiran manusia moden yang banyak bertanya.

Selain itu, Risalah an-Nur menerangkan perkara-perkara akidah yang paling mendalam, yang dahulunya hanya dipelajari dengan terperinci oleh para ulama yang tinggi ilmunya, dalam bentuk yang mudah difahami oleh sesiapa sahaja, hatta mereka yang baru berjinak-jinak dalam perkara ini. Ia ditulis dengan bahasa yang meresap ke hati, tidak membebankan, dan memberi manfaat kerohanian yang

mendalam.

Satu lagi keistimewaan besar Risalah an-Nur adalah kemampuannya dalam menjelaskan hakikat dan tujuan penciptaan manusia serta alam semesta ini. Ia menunjukkan bahawa kebahagiaan sejati, di dunia maupun di akhirat, hanya boleh dicapai melalui iman dan makrifatullah. Sebaliknya, kekufuran membawa kepada penderitaan jiwa yang berat, yang mencederakan roh dan nurani, yang sering tertutup oleh kelalaian dan usaha mlarikan diri daripada kenyataan. Namun, Risalah an-Nur membongkar luka itu dan mengajak manusia kembali kepada perlindungan iman.

Kesimpulannya:

Al-Quran al-Karim bukan sahaja menyeru kepada akal manusia, bahkan juga kepada seluruh kekuatan rohani manusia. Ia mengarahkan manusia supaya memerhatikan alam semesta dan perjalanan sistemnya, agar mengenali hakikat dan tujuannya yang sebenar sebagai makhluk ciptaan Tuhan. Dengan itu, manusia dapat mengenali sifat-sifat Pencipta Yang Maha Esa serta menyedari tugas dan tanggungjawabnya sebagai hamba.

Inilah pendekatan yang dibawa oleh Badiuzzaman dalam Risalah an-Nur. Beliau menjadikan alam semesta sebagai kitab terbuka yang menceritakan tentang Pencipta-Nya, dan membuktikan bahawa setiap rukun iman boleh diterima secara rasional dan menyeluruh.

Apabila pendekatan ini diikuti, seseorang akan mencapai iman yang hakiki; suatu keimanan yang kukuh dan mantap,

mampu bertahan daripada segala keraguan yang mungkin timbul akibat serangan halus dari aliran Materialisme, Naturalisme dan Ateisme. Segala penemuan sains sebenarnya adalah pendedahan terhadap susunan sistem alam yang sangat teratur. Apabila alam dibaca sebagai kiptaan Allah, segala penemuan itu bukan sahaja tidak akan menggugat iman, malah memperkuat, memperdalam dan memperluaskannya.

Keperluan paling asas bagi insan adalah keperluan kepada agama: mengenal dan menyembah Allah Yang Maha Perkasa dengan segala *Asmaul Husna* dan sifat-sifat-Nya, serta mentaati syariat-Nya, sama ada yang tersurat dalam kitab alam semesta atau yang dibawa oleh para rasul-Nya.

Melalui penjelasan terhadap ajaran suci al-Quran, iaitu kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, serta terhadap agama Islam sebagai risalah yang sempurna untuk seluruh umat manusia, Badiuzzaman telah membuktikan bahawa tidak wujud sebarang pertentangan antara sains dan agama. Sebaliknya, kemajuan yang hakiki dan kebahagiaan yang sejati bagi manusia hanya dapat, dan pasti akan, dicapai melalui jalan ini, iaitu jalan al-Quran al-Karim.

Kata Pengantar Penerbit bagi Khutbah Syamiyah

Badiuzzaman Said Nursi telah dijemput oleh para ulama Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyah yang bersejarah pada tahun 1911. Dalam khutbah tersebut, Badiuzzaman menyampaikan berita bahawa pada masa hadapan, Islam dan kebenaran al-Quran akan berkuasa, dan beliau membawakan bukti-bukti yang jelas untuk membuktikan bahawa perkara ini pasti akan berlaku. Beliau bukan sahaja menunjukkan bagaimana dunia Islam dapat menyembuhkan dirinya dengan mengambil ubat dari al-Quran, malah turut menunjukkan beberapa perkembangan yang berlaku di Barat, termasuk kebangkitan terhadap pencarian hakikat kebenaran, sebagai petanda awal penerimaan terhadap Islam yang bakal berlaku. Dengan pandangan jauh yang luar biasa, Badiuzzaman meramalkan bahawa, berdasarkan segala bukti yang ada, Islam akan memperoleh kemenangan dalam masa terdekat. Namun begitu, dua Perang Dunia dan zaman kezaliman yang berlaku di Turki serta beberapa bahagian lain dunia Islam, yang tidak diramalkan oleh beliau, telah melambatkan tercapainya hal tersebut. Maka khutbah ini, bersama penawarnya terhadap penyakit-penyakit utama umat Islam, yang diambil daripada al-Quran, tetap sangat relevan untuk umat Islam hari ini.

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Badiuzzaman, oleh sebab agama Islam berpaksikan akal dan bukti-bukti

rasional, ia adalah agama zaman kini dan masa hadapan, kerana zaman kini adalah zaman sains, teknologi, dan rasionalisme. Hakikat ini kini mula difahami oleh ramai pihak yang menyedari bahawa mereka tidak dapat hidup tanpa agama yang benar dan sempurna. Kemunduran umat Islam serta kelemahan mereka berbanding kuasa Barat bukanlah berpunca daripada ajaran Islam itu sendiri, tetapi kerana kegagalan umat Islam berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan Islam. Islam bukan sahaja menyediakan jalan untuk kemajuan material, bahkan turut menggalakkan serta membimbing ke arah kemajuan rohani dan akhlak. Gabungan antara kemajuan lahiriah dan rohaniah ini adalah asas kepada pembinaan ketamadunan yang hakiki.

Disebabkan tamadun Barat tidak diasaskan atas kebenaran dan keadilan, sebaliknya berteraskan kekuatan, konflik dan penindasan, maka keburukan tamadun itu lebih menonjol daripada kebaikannya. Jika manusia ingin terus hidup dengan sejahtera, mereka pasti akan menerima Islam, kerana kini mereka telah menyedari perlunya suatu tamadun sejati yang dibina di atas asas kebenaran wahyu, al-Quran dan syariat Nabi Muhammad SAW, di mana kemajuan sejati dan manfaat menyeluruh menjadi tunjang kehidupan.

Dalam bentuk “Enam Kalimah,” Badiuzzaman mengetengahkan beberapa prinsip utama Islam yang menjadi penawar kepada penyakit-penyakit berat umat Islam: harapan, keberanian, kejujuran, kasih sayang dan persaudaraan, pengorbanan, serta kesedaran terhadap ikatan nurani antara orang-orang beriman, termasuk juga prinsip musyawarah. Semua ini bukan sekadar sifat perhiasan

ketika berdepan dengan cabaran, bahkan merupakan asas yang tidak boleh diketepikan dalam membina masyarakat Islam yang sejati.

Apabila hakikat kebenaran Islam dan al-Quran semakin nyata di zaman kemajuan sains dan teknologi ini, maka pelajaran dari khutbah Badiuzzaman pada tahun 1911 semakin bertambah nilai dan erti. Tamadun masa depan adalah tamadun yang sejati, iaitu tamadun Islam. Ia hanya akan dicapai apabila umat Islam mendengar pelajaran ini dan membina semula masyarakat mereka atas dasar keimanan dan akhlak Islam.

Selain daripada dua cetakan asal khutbah ini, satu edisi teks Arab turut diterbitkan di Istanbul pada tahun 1922. Pada tahun 1950-an, Badiuzzaman sendiri menterjemahkannya ke dalam Bahasa Turki, dan ia diterbitkan sebagai sebahagian daripada Koleksi Risalah an-Nur. Beliau turut menambah sedikit isi dalam edisi Turki tersebut, yang menjadi sumber kepada terjemahan ini, agar ia dapat ditujukan secara langsung kepada umat Islam zaman kini. Oleh itu, dalam teks ini terdapat rujukan kepada tarikh-tarikh selepas tahun 1911, serta kepada pelbagai bahagian lain dalam Risalah an-Nur.

Badiuzzaman juga menambahkan bahagian-bahagian lain dalam edisi Turki tersebut, diambil dari pelbagai risalahnya, yang semuanya menjelaskan pelbagai aspek daripada tema utama khutbahnya, bahawa bukan sahaja umat Islam, bahkan seluruh umat manusia, akan memperoleh kebahagiaan dan keselamatan melalui pelaksanaan prinsip

al-Quran dalam kehidupan sosial dan politik. Para pembaca juga perlu memahami bahawa Badiuzzaman tidak melihat pencapaian ini melalui gerakan politik, tetapi melalui penyebaran cahaya penyembuhan dari ajaran-ajaran keimanan al-Quran yang dicontohkan dalam Risalah an-Nur dan penerimaan ikhlas terhadapnya.

Mukadimah

Terjemahan daripada Bahasa Turki bagi Khutbah Syamiah

بِاسْمِهِ سُبْحَانَهُ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ أَبَدًا دَائِمًا

Dengan nama-Nya Yang Maha Suci. Tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya.

Selamat sejahtera ke atas kalian dan rahmat serta keberkatan Allah yang kekal selama-lamanya.

Wahai saudara-saudaraku yang setia!

[Empat puluh tahun yang lalu, di Masjid Umayyah, Damsyik, atas desakan para ulama, khutbah ini disampaikan kepada jemaah besar yang terdiri daripada hampir sepuluh ribu orang, termasuk seratus orang ulama. Dalam khutbah tersebut, Said Lama telah menyampaikan kebenaran-kebenaran yang beliau rasakan melalui satu firasat kerohanian yang mendalam, seolah-olah beliau telah melihatnya terlebih dahulu. Dengan keyakinan mutlak, beliau memberikan khabar gembira bahawa peristiwa-peristiwa itu akan berlaku dalam masa terdekat. Namun, berlakunya dua Perang Dunia serta pemerintahan despotisme yang mutlak selama dua puluh lima tahun di Turkiye telah menyebabkan firasat tersebut tertangguh

selama empat puluh hingga lima puluh tahun. Kini, apa yang telah beliau ramalkan pada masa itu mula tersingkap satu demi satu di dalam dunia Islam. Justeru itu, pelajaran yang amat penting ini bukanlah sekadar khutbah lama yang telah usang. Sebaliknya, ia adalah sebuah pelajaran sosial dan keislaman yang masih segar serta sarat dengan kebenaran, seolah-olah ia disampaikan bukan pada tahun 1327 Hijrah, tetapi pada tahun 1371 Hijrah. Ia bukan sekadar ditujukan kepada jemaah di Masjid Umayyah, malah merangkumi seluruh umat Islam di serata dunia yang ketika itu berjumlah lebih tiga ratus tujuh puluh juta orang, dan kini telah mencapai dua bilion.

Maka, aku percaya bahawa sudah tiba masanya untuk menerbitkan terjemahan khutbah ini, agar pengajaran-pengajaran berharga yang terkandung di dalamnya dapat disampaikan kepada umat Islam pada hari ini.]

Satu jawapan penting kepada sebuah persoalan besar kini sesuai untuk dicatatkan di sini.

Hal ini demikian kerana, pada empat puluh tahun yang lalu, Said Lama telah menyatakan seakan-akan beliau telah menyaksikan sendiri pelajaran-pelajaran luar biasa serta kesan mendalam daripada Risalah an-Nur melalui satu firasat kerohanianya. Beliau telah menyampaikan perkara ini dalam khutbahnya. Persoalannya adalah seperti berikut:

Ramai orang bertanya kepadaku dan juga kepada para pelajar Risalah an-Nur: “*Mengapa Risalah an-Nur tidak dapat dikalahkan, walaupun menghadapi begitu banyak penentangan, termasuk ahli falsafah yang degil dan*

golongan yang sesat? Sedangkan mereka telah menghalang penyebaran jutaan karya berharga tentang keimaninan dan Islam, dan dengan godaan kesenangan duniawi serta nafsu syahwat, mereka telah menjauahkan ramai anak muda daripada hakikat iman. Lebih dahsyat lagi, mereka telah melancarkan serangan paling kejam, menyebarkan fitnah, pembohongan, dan propaganda untuk menghancurkan Risalah an-Nur; serta menakut-nakutkan orang ramai agar menjauhinya. Namun demikian, Risalah an-Nur telah tersebar dengan cara yang luar biasa, sesuatu yang tidak pernah dilihat dalam mana-mana karya yang lain. Enam ratus ribu salinan risalahnya telah ditulis dengan tangan, dalam suasana penuh semangat dan secara tersembunyi. Ia dibaca dengan penuh minat, baik di dalam maupun di luar negara. Apakah rahsianya? Apakah sebabnya?”

Sebagai jawapan kepada persoalan-persoalan seperti ini, kami katakan: Risalah an-Nur, sebagai sebuah tafsiran sebenar terhadap al-Quran al-Hakim, dengan mendedahkan rahsia kemukjizatannya, membuktikan kewujudan ‘neraka maknawi’ dalam kekufuran dan ‘syurga maknawi’ dalam keimaninan, di dunia ini. Ia menunjukkan bahawa dosa, keburukan dan kenikmatan yang haram sebenarnya mengandungi penderitaan batin; manakala kebaikan, akhlak yang mulia, dan amalan-amalan syariat sebenarnya memberikan kenikmatan seumpama syurga. Melalui pendekatan ini, Risalah an-Nur telah menyelamatkan golongan yang berakal daripada kalangan mereka yang tenggelam dalam kekejilan dan kesesatan. Hal ini demikian kerana, pada zaman ini, terdapat dua keadaan yang sangat mengerikan:

Keadaan mengerikan yang pertama: Nafsu dan perasaan manusia telah mengalahkan akal dan pertimbangan mereka. Mereka lebih memilih keseronokan segera, walaupun hanya sebesar satu dirham, berbanding kenikmatan akhirat yang berganda-ganda. Maka, satu-satunya jalan untuk menyelamatkan mereka daripada cengkaman nafsu ini adalah dengan memperlihatkan penderitaan yang tersembunyi di sebalik kenikmatan tersebut, agar perasaan mereka tunduk kepada akal. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَسْتَحْبُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ

Orang-orang yang mengutamakan kehidupan dunia lebih daripada kehidupan akhirat. (Surah Ibrahim: 3)

Ayat al-Quran ini mengisyaratkan bahawa meskipun mereka mengetahui kenikmatan akhirat itu seumpama permata, namun mereka tetap memilih kenikmatan dunia yang seumpama serpihan kaca yang mudah pecah. Bahkan, tidak mustahil orang yang beriman juga terjerumus mengikuti golongan yang sesat kerana kecintaan terhadap dunia dan tarikan tersembunyi yang ada padanya. Satu-satunya cara untuk menyelamatkan mereka daripada kecintaan terhadap dunia ini dan daripada bahaya yang datang bersamanya adalah dengan menunjukkan bahawa azab dan penderitaan seumpama neraka boleh menimpa mereka di dunia ini juga. Inilah pendekatan yang diambil oleh Risalah an-Nur. Pada zaman ini, wujud keingkaran yang berpunca daripada kekufuran mutlak, penyelewengan yang lahir daripada fahaman sains yang tersasar, dan

ketagihan yang timbul daripada kehidupan maksiat. Dalam keadaan sebegini, meskipun Allah SWT telah diperkenalkan dan kewujudan neraka serta azabnya telah dibuktikan, hanya seorang daripada sepuluh atau seorang daripada dua puluh orang sahaja yang benar-benar mengambil pelajaran lalu meninggalkan jalan-jalan maksiat. Walaupun telah diberi peringatan, mereka tetap berkata, “*Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang, dan neraka itu masih jauh*”. Lalu mereka terus tenggelam dalam maksiat, kerana hati dan jiwa mereka telah tunduk kepada hawa nafsu.

Justeru itu, melalui sebahagian besar perbandingan yang terkandung dalam Risalah an-Nur, yang menunjukkan akibat pedih dan menakutkan daripada kekufuran dan kesesatan di dunia ini, ia telah berjaya menimbulkan rasa benci terhadap maksiat dan kenikmatan haram, bahkan dalam kalangan orang yang paling degil dan tunduk kepada nafsu sekalipun. Ia mendorong mereka yang waras untuk kembali kepada kebenaran dan bertaubat. Antara perbandingan tersebut termasuklah yang terdapat dalam Kalimat Keenam, Ketujuh dan Kelapan, serta satu perbandingan panjang dalam Hentian Ketiga dalam Kalimat Ketiga Puluh Dua. Kesemuanya mampu membangkitkan rasa jijik terhadap kesesatan dan kejahatan, sehingga seseorang terdorong untuk menerima kebenaran dan kembali bertaubat. Sebagai contoh, aku akan mengisahkan secara ringkas beberapa keadaan yang aku saksikan dalam satu perjalanan kerohanian, yang mana pada hakikatnya mencerminkan kebenaran yang sebenar. Bagi sesiapa yang ingin mengetahui perinciannya, bolehlah merujuk ke penghujung kitab ‘Sikke-i Tasdik-i Gaybi’ (Mohor Pengesahan dari Alam Ghaib), dari halaman 256

hingga 259.

Dalam perjalanan kerohanian itu, tatkala aku memandang alam kehidupan haiwan yang memerlukan rezeki, menerusi kaca mata falsafah materialistik dan pandangan golongan sesat yang lalai, aku melihat keperluan mereka yang tidak berpenghujung, kelaparan yang amat dahsyat, serta kelemahan dan ketidakberdayaan yang menyelubungi diri mereka. Alam itu tampak begitu memilukan dan penuh kesengsaraan, hingga hatiku merintih dalam kesedihan. Namun, apabila aku menukar pandangan dan melihatnya melalui lensa hikmah al-Quran dan cahaya keimanan, aku menyaksikan Nama Allah *ar-Rahman* (Yang Maha Pemurah) muncul dari buruj agung *ar-Razzaq* (Yang Maha Pemberi Rezeki), seperti matahari yang bersinar terang. Cahaya rahmat itu memancar dan menghiasi seluruh alam makhluk hidup yang kelaparan dan tidak berdaya tersebut.

Kemudian, dalam alam haiwan tersebut, aku menyaksikan pula sebuah lagi alam yang amat memilukan, yang diselubungi dengan kegelapan, dan mampu membangkitkan rasa belas kasihan sesiapa saja yang melihatnya. Di dalamnya, anak-anak haiwan yang masih kecil dan lemah bergelut dengan keperluan dan ketidakupayaan mereka. Dengan pandangan yang diliputi kesesatan, aku hanya mampu mengeluh dalam hati: “*Aduhai, malangnya keadaan mereka!*” Namun, tiba-tiba, cahaya keimanan memberikan aku suatu pandangan yang berbeza. Aku melihat Nama Allah *ar-Rahim* (Yang Maha Penyayang) terbit dari buruj kasih sayang-Nya. Dunia yang menyediakan itu serta-merta berubah menjadi dunia yang indah dan ceria. Tangisanku

yang dipenuhi keluhan dan kesedihan bertukar menjadi air mata kesyukuran yang mengalir dalam kegembiraan.

Kemudian, alam kehidupan manusia terbentang di hadapanku seperti sebuah layar pawagam. Apabila aku memandangnya melalui kaca mata golongan yang sesat, aku mendapati bahawa dunia itu begitu gelap dan menakutkan sehingga aku menjerit dari lubuk hatiku: “*Aduhai, malangnya!*” Hal ini demikian kerana, manusia memiliki keinginan dan harapan yang melangkaui keabadian, pemikiran dan imaginasi yang meliputi seluruh alam, serta kerinduan yang mendalam untuk mencapai kebahagiaan abadi dan mendiami Syurga. Mereka juga dikurniakan kekuatan dan kemampuan fitrah yang bebas tanpa batas, serta mempunyai keperluan yang tidak terhingga. Namun dalam kelemahan mereka yang mendalam, mereka dihujani ujian tanpa henti dan dikepung oleh musuh-musuh yang tidak terkira banyaknya. Di bawah bayangan maut yang sentiasa mengancam, mereka menjalani kehidupan yang singkat dan penuh kekacauan, terseksa dalam kegelisahan yang berpanjangan. Bagi mereka yang lalai, perkuburan itu dilihat sebagai pintu menuju kegelapan yang kekal. Ia merupakan tempat di mana mereka akan menanggung pukulan kematian dan perpisahan abadi, iaitu penderitaan yang paling menyakitkan bagi hati dan jiwa. Aku melihat mereka, seorang demi seorang dan kumpulan demi kumpulan, dilemparkan ke dalam telaga kegelapan itu.

Ketika aku menyaksikan alam kehidupan manusia yang diselubungi kegelapan ini, hati, jiwa, akal dan seluruh anggota batinku, bahkan setiap zarah dalam tubuhku, hampir-hampir

menjerit dengan sepenuh hati. Namun, tiba-tiba, cahaya dan kekuatan iman yang terpancar dari al-Quran memecahkan kaca mata kesesatan itu, lalu membukakan kepadaku satu pandangan yang baru, di mana aku menyaksikan bahawa Nama Allah *al-'Adl* (Yang Maha Adil) muncul dari buruj kebijaksanaan *al-Hakim* (Yang Maha Bijaksana); Nama Allah *ar-Rahman* (Yang Maha Pemurah) muncul dari buruj kemurahan *al-Karim* (Yang Maha Mulia); Nama Allah *ar-Rahim* (Yang Maha Penyayang) muncul dari buruj keampunan *al-Ghafur* (Yang Maha Pengampun); Nama Allah *al-Ba'ith* (Yang Maha Membangkitkan) muncul di buruj perwarisan *al-Warith* (Yang Maha Mewarisi); Nama Allah *al-Muhyi* (Yang Maha Menghidupkan) muncul dari buruj ihsan *al-Muhsin* (Yang Maha Memberi Kebaikan); dan Nama Allah *ar-Rabb* (Yang Maha Mentadbir dan Memelihara) muncul dari buruj pemilikan *al-Malik* (Yang Maha Memiliki dan Menguasai). Semua nama ini terbit seperti matahari, menerangi dunia manusia yang kelam, dan memancarkan sinar ke seluruh alam. Ia menghapuskan keadaan yang menyerupai neraka maknawi itu, membuka jendela-jendela untuk ke alam akhirat yang bercahaya, dan memancarkan sinarnya ke dalam dunia manusia yang kucarkacir itu. Aku mengucapkan: “*Segala puji dan syukur bagi Allah, sebanyak bilangan zarah-zarah di alam semesta!*”. Dengan penuh keyakinan, aku menyedari bahawa di dunia ini juga terdapat syurga maknawi pada keimanan, dan neraka maknawi pada kesesatan.

Setelah itu, seluruh alam bumi terpapar di hadapanku. Dalam perjalanan kerohanianku itu, hukum-hukum sains yang berpaksikan falsafah yang tidak tunduk kepada agama

telah memperlihatkan kepadaku sebuah dunia yang sangat menakutkan. Dalam pengembaraan melintasi angkasa raya di atas pesawat bumi yang sudah tua ini, yang bergerak tujuh puluh kali lebih pantas daripada peluru meriam dan menempuh jarak dua puluh lima ribu tahun dalam masa satu tahun, serta sentiasa terdedah kepada kehancuran dan penuh gegaran dari dalam, aku menyaksikan keadaan umat manusia yang malang ini dalam kegelapan yang amat mengerikan. Kepalaku terasa berpusing, dan penglihatanku menjadi kabur. Aku menghempaskan kaca mata falsafahku itu ke tanah, lalu memecahkannya. Tiba-tiba, aku mula melihat dengan mata yang diterangi oleh cahaya hikmah al-Quran. Aku menyaksikan bahawa Nama-nama Suci Tuhan (*Asmaul Husna*), iaitu Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Berkuasa (*al-Qadir*), Yang Maha Mengetahui (*al-'Alim*), Yang Maha Memelihara (*Rabb*), Allah, Pemelihara langit dan bumi, serta Penunduk matahari dan bulan, terbit bersinar seperti matahari dari ketinggian rahmat, keagungan dan kekuasaan pemeliharaan-Nya. Nama-nama ini menerangi dunia yang sebelumnya gelap dan menakutkan itu. Ketika itu, pada mata hati keimananku, bumi kelihatan seperti sebuah kapal pesawat yang tersusun rapi, tunduk patuh, dengan kesempurnaan, keindahan dan keselamatan. Ia dilengkapi dengan bekalan untuk semua makhluk, seolah-olah disediakan sebagai sebuah tempat pelayaran, ketenangan, kesenangan dan juga untuk menjalankan urusan perdagangan. Ia juga berperanan membawa semua makhluk hidup mengelilingi matahari dalam kerajaan Ilahi, serta membawa segala hasil bumi daripada musim bunga, musim panas dan musim luruh kepada mereka yang memerlukan

rezeki. Aku memuji Allah sebanyak bilangan zarah yang terdapat di bumi, sambil mengucapkan: “*Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah atas nikmat keimanan ini*”.

Sebagaimana yang terbukti dalam banyak perbandingan di dalam Risalah an-Nur, mereka yang terjerumus dalam maksiat dan kesesatan turut merasai azab seumpama neraka maknawi di dunia ini. Sebaliknya, mereka yang beriman dan beramal soleh pula, melalui cahaya dan pancaran keimanan, dapat merasai kenikmatan syurga maknawi di dunia ini, hasil daripada penghayatan terhadap ajaran Islam dan nilai-nilai kemanusiaan yang luhur. Setiap orang akan merasai syurga maknawi itu mengikut darjat keimanan masing-masing. Namun begitu, pada zaman yang penuh gelora ini, arus yang melemahkan kepekaan rohani dan melalaikan manusia dengan hal-hal duniawi telah menenggelamkan mereka ke dalam kekeliruan dan kelalaian. Akibatnya, golongan yang sesat tidak menyedari penderitaan maknawi itu buat sementara waktu, manakala mereka yang berada pada jalan petunjuk pula diliputi kelalaian, sehingga gagal menghargai keindahan nikmat iman yang mereka miliki.

Keadaan mengerikan yang kedua pada zaman ini:
Pada zaman dahulu, kekufuran mutlak, kesesatan akibat penyelewengan ilmu sains, serta kedegilan yang berpunca daripada kekufuran tegar dan keras kepala adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan apa yang berlaku pada zaman ini. Oleh sebab itu, pelajaran dan hujah para ilmuwan Islam terdahulu sudah memadai pada ketika itu. Mereka mampu menghapuskan kekufuran yang bercampur dengan keraguan dengan begitu cepat. Hal ini demikian

kerana, keimanan kepada Allah pada waktu itu bersifat menyeluruh. Justeru, hanya dengan memperkenalkan Allah dan mengingatkan mereka tentang azab neraka, sudah memadai dalam meyakinkan mereka untuk meninggalkan jalan maksiat dan kesesatan. Namun sekarang, dalam sebuah bandar kecil pun boleh ditemui seratus orang yang tidak beriman secara mutlak, sedangkan dahulu, mungkin hanya seorang sahaja di dalam sesebuah negeri. Pada masa lalu, mereka yang tersesat kerana sains dan ilmu pengetahuan, serta menentang kebenaran iman dengan angkuh dan degil adalah amat sedikit. Tetapi kini, jumlah mereka telah meningkat seratus kali ganda. Golongan yang degil ini, dengan keangkuhan yang seumpama Firaun dan kesesatan mereka yang begitu dahsyat, telah menentang hakikat kebenaran iman dengan penuh permusuhan. Maka, untuk mengekang serangan mereka dan membawa sebahagian daripada mereka kembali kepada keimanannya, semestinya diperlukan sebuah hakikat kebenaran yang suci dan sangat kuat, seumpama sebuah bom atom, yang mampu menghancurkan atas kekufuran mereka di dunia ini.

Segala puji bagi Allah, kerana sebagai penawar mujarab bagi kecederaan umat pada zaman ini, Dia telah mengurniakan Risalah an-Nur, sebuah cahaya maknawi yang lahir daripada mukjizat al-Quran. Melalui pelbagai perbandingan yang kukuh, ia berjaya menghancurkan golongan yang paling degil dan paling keras kepala dengan pedang permata al-Quran. Ia mengemukakan dalil dan bukti tentang keesaan Ilahi dan hakikat keimanannya sebanyak bilangan zarah di seluruh alam. Selama dua puluh lima tahun lamanya, Risalah an-Nur tetap teguh, tidak pernah tewas

bahkan terus mengatasi segala serangan paling dahsyat yang dihadapinya. Sesungguhnya, melalui perbandingan antara iman dan kekufuran, serta hidayah dan kesesatan, Risalah an-Nur membuktikan hakikat kebenaran ini dengan jelas dan nyata. Sebagai contoh, jika dibandingkan dan diperhatikan dengan teliti hujah-hujah dalam Maqam Kedua Kalimat Kedua Puluh Dua, Lem'alar (Kerdipan Cahaya), Hentian Pertama Kalimat Ketiga Puluh Dua, Jendela-jendela dalam Maktubat Ketiga Puluh Tiga, dan sebelas hujah dalam Asa-yi Musa (Tongkat Nabi Musa), maka akan difahami bahawa hakikat al-Quran yang terzahir dalam Risalah an-Nur itulah yang mampu menghancurkan kekufuran mutlak dan kesesatan yang penuh keingkaran pada zaman ini. Sebagaimana koleksi Tilismalar Mecmuası (Koleksi Rahsia Keagamaan) menghimpunkan rahsia-rahsia besar agama dan misteri penciptaan alam, begitu juga koleksi ringkas Risalah an-Nur ini yang menggambarkan keadaan orang-orang sesat yang menanggung azab seumpama neraka di dunia, manakala mereka yang mendapat hidayah menikmati kenikmatan ibarat syurga. Ia juga menunjukkan bahawa iman adalah benih syurga maknawi, manakala kekufuran pula merupakan benih pokok zakum¹ neraka. Insya-Allah, himpunan ini akan ditulis dan diterbitkan.

Said Nursi

1. Sejenis pohon yang buahnya menjadi makanan bagi penghuni nera-ka dan disifatkan oleh Allah sebagai pokok yang terkutuk.

Khutbah Syamiyah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala makhluk yang bernyawa, melalui lisanul-hal (perihal keadaan) dan fitrah mereka, mengungkapkan pujiyan, kesyukuran dan tasbih kepada Pencipta mereka. Maka kami juga mempersesembahkan pujiyan dan kesyukuran kepada Zat Yang Maha Wajibul Wujud, yang berfirman:

لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللهِ

Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah.
(Surah az-Zumar: 53)

Selawat dan salam yang tidak terhingga ke atas Nabi kita, Muhammad al-Mustafa SAW yang telah bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتُّمِمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”²

Maksudnya, salah satu hikmah yang penting atas pengutusan Baginda SAW oleh Allah SWT kepada manusia adalah untuk menyempurnakan akhlak yang baik dan menyelamatkan manusia daripada kerosakan akhlak.

2. Al-‘Ajluni, Kashf al-Khafa’, jil. 1, hlm. 112.

Setelah memuji Allah dan berselawat kepada Rasul-Nya, aku berkata: Wahai saudara-saudaraku dari kalangan bangsa Arab yang mendengar pelajaran ini di Masjid Umayyah ini! Aku tidak naik ke mimbar yang mulia ini, yang jauh lebih tinggi dari kedudukanku, untuk memberi tunjuk ajar kepada kalian, kerana ia adalah di luar kelayakanku. Malah, kedudukanku di hadapan jemaah kalian yang terdiri daripada hampir seratus orang ulama, adalah seperti seorang kanak-kanak yang pulang dari madrasah dan mengulang pelajarannya kepada bapanya, untuk mengetahui adakah dia telah memahami pelajaran tersebut dengan betul atau tidak. Lalu dia menanti nasihat atau pengesahan daripada bapanya. Ya, kami adalah seperti kanak-kanak di hadapan kalian, dan kalian adalah para guru kami. Maka izinkanlah aku menyampaikan kepada kalian sebahagian daripada pelajaran yang telah aku pelajari.

Aku telah memahami bahawa dalam kehidupan sosial umat manusia hari ini, terdapat enam penyakit berbahaya yang telah menahan kita dari kemajuan dan membiarkan bangsa asing seperti orang Eropah meluncur maju ke hadapan. Enam penyakit itu adalah seperti berikut:

PERTAMA: Lahirnya rasa putus harapan dalam masyarakat.

KEDUA: Lenyapnya sifat kejujuran dalam kehidupan masyarakat dan politik.

KETIGA: Kecintaan terhadap permusuhan.

KEEMPAT: Tidak mengenali ikatan kerohanian yang

menghubungkan orang-orang beriman.

KELIMA: Kezaliman yang merebak seperti wabak penyakit.

KEENAM: Menumpukan seluruh usaha semata-mata demi kepentingan diri sendiri.

Aku akan menghuraikan, dengan enam “Kalimah,” pelajaran yang aku pelajari dari farmasi al-Quran, yang merupakan fakulti perubatan bagi penyakit-penyakit ini. Pelajaran ini mengandungi penawar bagi penyakit masyarakat kita.

Kalimah Pertama: *Al-Amal* (Harapan)

Kalimah yang pertama adalah ‘harapan’ (الامل), iaitu menanamkan harapan yang teguh terhadap rahmat Ilahi. Ya, berdasarkan pelajaran yang kupelajari untuk diriku sendiri, aku ingin menyampaikan satu khabar gembira kepada umat Islam: Wahai umat Islam! Bergembiralah, sesungguhnya tanda-tanda fajar yang benar (*fajar sidik*) telah mula menyinsing, yakni permulaan kebangkitan yang hakiki bagi umat Islam. Secara khususnya, kebangkitan bangsa Arab yang merupakan kunci kepada kemajuan Islam, sedang menampakkan tanda-tandanya. Tambahan pula, kebangkitan dan kebahagiaan umat Uthmaniyyah turut berkait rapat dengannya. Matahari kebahagiaan itu sudah semakin hampir untuk terbit. Dengan keyakinan yang pasti meskipun keputusasaan berusaha untuk menafikannya³,

3. Said Lama, dengan firasat rohaninya yang mendalam, telah menyampaikan 45 tahun lebih awal (sekitar tahun 1327 Hijrah/1909 Masihi) sebelum peristiwa itu berlaku, bahawa dunia Islam, khususnya

aku nyatakan kepada seluruh dunia:

“Masa depan hanyalah milik Islam. Yang akan berkuasa adalah hakikat al-Quran dan kebenaran iman.” Justeru itu, kita mesti tunduk kepada Takdir Ilahi dan menerima ketentuan zaman sekarang, kerana masa depan kita adalah masa depan yang gemilang, sedangkan masa lalu orang Eropah penuh dengan kekaburuan dan ketidakpastian. Aku telah mengambil banyak pelajaran daripada bukti-buktii yang menyokong dakwaan ini. Kini, aku akan sebutkan satu setengah hujah beserta mukadimahnya. Maka, kita mulakan dengan mukadimah kepada hujah tersebut, iaitu:

Islam dan hakikat kebenarannya memiliki keupayaan yang sempurna untuk mencapai kemajuan, baik dalam perkara material maupun dalam aspek akhlak dan kerohanian.

Aspek Pertama: Kemajuan Moral dan Rohani

Ketahuilah bahawa sejarah yang telah mencatatkan peristiwa-peristiwa yang sebenar, adalah saksi yang paling jujur terhadap kebenaran. Lihatlah, sejarah menunjukkan kepada kita bahawa, Panglima Tertinggi Jepun yang mengalahkan Rusia turut memberikan kesaksian terhadap kebenaran Islam. Kesaksiannya adalah seperti berikut:

negara-negara Arab, akan terbebas daripada penjajahan dan kezaliman kuasa asing, lalu membentuk kerajaan-kerajaan Islam yang merdeka. Namun, beliau tidak menjangkakan berlakunya dua peperangan dunia serta kezaliman mutlak yang berterusan selama tiga puluh hingga empat puluh tahun. Beliau telah menyampaikan berita gembira itu seolah-olah ia akan berlaku pada tahun 1371 Hijrah (1951 Masihi), dan tidak mempertimbangkan sebab-sebab kelewatan yang berlaku.

“Sejarah telah membuktikan bahawa sejauh mana kekuatan hakikat Islam dimiliki dan diamalkan oleh umatnya, maka pada kadar itulah mereka mencapai ketamadunan dan kemajuan. Namun apabila pegangan mereka terhadap hakikat tersebut menjadi lemah, mereka akan menjadi liar, terjerumus ke dalam kebejatan dan kemunduran, lalu tersungkur dalam kekacauan, bala bencana dan kekalahan.”

Sebaliknya, bagi agama-agama lain, keadaannya terbalik. Sejarah menunjukkan bahawa mereka mencapai kemajuan dan ketamadunan sejauh mana kelemahan mereka dalam berpegang kepada ajaran agama mereka. Namun apabila fanatisme dan keteguhan mereka terhadap agama semakin meningkat, mereka pula ditimpa kemunduran dan kekacauan. Demikianlah perjalanan zaman sejak dahulu.

Malah, sejak Zaman Nabi Muhammad SAW yang diberkati hingga ke hari ini, tidak terdapat satu pun catatan sejarah yang menunjukkan bahawa seorang Muslim, melalui pertimbangan akal yang waras dan bukti yang meyakinkan, telah meninggalkan Islam lalu memilih agama lain, sama ada yang lama mahupun yang baru. Jika ada orang awam yang menerima agama lain tanpa hujah secara ikut-ikutan, maka hal itu tidak termasuk dalam perbahasan ini. Manakala, menjadi tidak beragama pula adalah isu yang berbeza sama sekali. Sebaliknya, sejarah membuktikan bahawa terdapat pengikut agama-agama lain, termasuk daripada bangsa Inggeris dan Rusia yang paling fanatik terhadap agama mereka, telah menerima Islam melalui pertimbangan akal yang adil. Bahkan dari semasa

ke semasa, ada yang memeluk Islam secara beramai-ramai dengan hujah dan bukti yang kukuh⁴

Sekiranya kita menzahirkan kemuliaan akhlak Islam dan kesempurnaan iman melalui amal perbuatan kita, maka para pengikut agama-agama lain pasti akan mem Islam secara beramai-ramai. Malah, tidak mustahil sebahagian benua dan negara akan turut menyertai dan bernaung di bawah naungan Islam.

Tambahan pula, umat manusia pada masa kini, khususnya mereka yang telah tersedar dan dibangkitkan oleh kemajuan sains dan peradaban moden, telah mula memahami hakikat sebenar kemanusiaan.

Maka, tidak diragukan lagi bahawa manusia tidak akan dan tidak mungkin dapat hidup tanpa agama. Bahkan, orang yang paling tidak beragama sekalipun akhirnya akan terpaksa mencari perlindungan kepada agama. Hal ini

4. Antara bukti bagi dakwaan ini adalah: Walaupun telah berlaku dua perperangan dunia yang dahsyat dan pemerintahan kuku besi yang zalim, namun selepas 45 tahun, negara-negara kecil di utara seperti Sweden, Norway dan Finland telah mula menerima pengajaran al-Quran dalam institusi pendidikan mereka dan menjadikannya sebagai benteng menentang fahaman komunisme dan ateisme. Sebahagian tokoh pidato terkenal Inggeris juga kelihatan menyokong usaha menggalakkan rakyat mereka agar menerima al-Quran. Manakala Amerika Syarikat, yang merupakan kuasa besar dunia pada masa kini, telah tampil menyokong kebenaran agama dengan sepenuh kekuatannya. Mereka turut meyakini bahawa Islam mampu membawa kebahagiaan, keamanan dan perdamaian kepada benua Asia dan Afrika. Mereka menyambut kemunculan negara-negara Islam yang baru terbentuk dengan mesra, menggalakkan pertumbuhan mereka serta berusaha menjalin kesepakatan dan perpaduan bersama.

demikian kerana, dengan kelemahan diri insan yang sangat mendalam, ditambah pula dengan musibah-musibah yang tidak terhitung jumlahnya, serta musuh-musuh dalaman dan luaran yang menyakitkan dan menggugat jiwa, manusia amat memerlukan kepada satu tempat untuk bersandar. Bersama dengan kefakiran dan keperluan yang tidak berpenghujung, serta hasrat dan keinginan yang menjangkau hingga ke keabadian, manusia sangat-sangat memerlukan sesuatu untuk memohon bantuan dan pertolongan. Tiada tempat pergantungan dan tempat memohon yang sebenar kecuali dengan mengenal Pencipta Alam, beriman kepada-Nya, dan meyakini serta membenarkan adanya kehidupan akhirat. Itulah satu-satunya jalan penyelesaian bagi manusia yang telah sedar.

Sekiranya dalam sanubari manusia tidak terdapat permata hakiki agama yang benar, maka pelbagai malapetaka zahir dan batin akan melanda dirinya. Dia akan menjadi makhluk yang paling malang dan paling sengsara di muka bumi ini, bahkan lebih rendah daripada binatang.

Ringkasnya: Manusia pada zaman ini telah sedar disebabkan oleh peperangan, ilmu sains dan peristiwa-peristiwa yang menggerunkan. Mereka telah menyedari hakikat sebenar serta keupayaan fitrah yang terkandung dalam diri mereka. Manusia, dengan keistimewaan dan kemampuan luar biasanya, tidak diciptakan hanya untuk kehidupan dunia yang singkat dan penuh kesusahan ini. Namun, dia diciptakan untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi, kerana keinginan yang ada dalam dirinya menjangkau keabadian. Dunia yang sempit dan fana ini

tidak mampu memenuhi cita-cita dan keinginannya yang tidak berpenghujung.

Bahkan, sekiranya daya imaginasi seorang insan yang telah sedar itu diberitahu: “Engkau akan memerintah dunia selama satu juta tahun, namun selepas itu engkau akan dibinasakan buat selama-lamanya tanpa kehidupan abadi”, maka pasti dia akan menangis daripada lubuk jiwanya dengan keluhan dan penyesalan yang mendalam atas ketiadaan kebahagiaan abadi.

Maka, disebabkan hakikat inilah, telah muncul dalam hati setiap insan satu kecenderungan yang mendalam untuk mencari agama yang benar. Dalam menghadapi kematian, dia akan mencari suatu kebenaran, yang hanya terkandung dalam agama yang benar, agar dirinya terselamat. Keadaan dunia pada hari ini menjadi saksi kepada hakikat ini.

Selepas empat puluh lima tahun, dengan kemunculan fahaman yang menolak agama, iaitu ateisme, benua-benua dan negara-negara di muka bumi ini telah mula merasai keperluan agama yang amat mendalam dan mendesak, seolah-olah mereka adalah insan yang sebenar. Tambahan pula, permulaan dan penutup ayat-ayat al-Quran, sering menyeru akal manusia: *“Gunakanlah akalmu! Berfikirlah! Rujuklah kepada fikiran dan hatimu! Berbincanglah dengan mereka agar kamu mengetahui hakikat ini!”* Ayat-ayat al-Quran tersebut sering menyatakan: *“Mengapa kamu tidak melihat? Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran? Lihatlah agar kamu mengetahui kebenaran.”* Lihat bagaimana perkataan *“Ketahuilah!”* digunakan. Banyak

ayat al-Quran mengandungi pertanyaan seperti: “*Mengapa manusia tidak mengetahui? Mengapa mereka terjerumus ke dalam kejahilan yang dahsyat? Mengapa mereka tidak memerhati? Adakah mereka sudah menjadi buta hingga tidak nampak akan kebenaran? Mengapa manusia tidak mengingati dan merenungkan peristiwa hidup dan kejadian alam agar mereka menemukan jalan yang lurus? Mengapa mereka tidak berfikir, menimbang dan menggunakan akal, lalu tersesat?*” Kesemua ayat ini menyeru manusia kembali kepada akal dan mengajaknya untuk berbincang dengan fikirannya.

Wahai saudara-saudaraku di Masjid Umayyah dan mereka yang berada dalam masjid besar dunia Islam! Ambillah pengajaran. Ambillah iktibar daripada peristiwa dahsyat yang telah berlaku dalam empat puluh lima tahun ini. Gunakanlah akal kalian sepenuhnya. Wahai para pemikir, wahai mereka yang berakal, dan wahai mereka yang menganggap dirinya berilmu!

Kesimpulannya: Kita, umat Islam yang merupakan para pelajar al-Quran, berpegang kepada bukti dan hujah. Kita mengimani kebenaran-kebenaran iman dengan akal, hati dan fikiran. Tidak seperti sebahagian penganut agama lain yang membuta tuli mengikuti para rahib mereka dengan meninggalkan hujah. Maka, pada masa hadapan, ketika akal, sains dan teknologi menguasai manusia, sudah pastilah pada masa itu al-Quran akan menguasai, kerana ia bersandar kepada hujah rasional dan mengajak akal mengesahkan kenyataannya.

Tambahan pula, tirai-tirai yang menutup cahaya matahari Islam dan menghalangnya daripada menyinari manusia kini telah mula tersingkap. Para penentangnya telah mula tersingkir. Tanda-tanda fajar mula kelihatan sejak empat puluh lima tahun dahulu (iaitu tahun 1906 Masihi). Tahun 1371 (1951 Masihi) menandakan permulaan fajar yang benar. Sekalipun itu hanyalah fajar palsu, fajar yang sebenar pasti akan muncul tiga puluh atau empat puluh tahun akan datang.

Terdapat lapan rintangan besar yang telah menghalang kebenaran Islam daripada menguasai masa silam.

Halangan Pertama, Kedua dan Ketiga: Kejahilan orang Eropah, sifat liar mereka pada waktu itu, serta fanatism mereka terhadap agama. Ketiga-tiga halangan ini telah dihancurkan oleh kecemerlangan ilmu dan tamadun, dan kini sedang beransur-ansur lenyap.

Halangan Keempat dan Kelima: Penguasaan dan penindasan oleh para paderi serta ketua agama, dan ketaatan membuta tuli masyarakat Eropah terhadap mereka. Kedua-dua halangan ini juga mulai lenyap dengan munculnya semangat kebebasan dan dorongan mencari kebenaran dalam kalangan manusia.

Halangan Keenam dan Ketujuh: Kezaliman yang wujud dalam kalangan kita dan kerosakan akhlak yang timbul akibat penentangan terhadap syariat, merupakan antara penghalang yang menyekat kemajuan Islam. Kini, kezaliman mutlak yang dahulunya disebabkan oleh seseorang individu sedang lenyap, dan ini mengisyaratkan

bahawa kezaliman dahsyat secara berkelompok dan berorganisasi juga akan lenyap dalam tempoh tiga puluh hingga empat puluh tahun akan datang. Kemudian, dengan semangat keislaman yang membara dan keburukan akibat daripada keruntuhan akhlak yang semakin jelas tersingkap, maka kedua-dua halangan tadi sedang dan telah mula runtuh. Insya-Allah, ia akan lenyap sepenuhnya pada masa akan datang.

Halangan Kelapan: Sebahagian prinsip dalam sains semasa yang dianggap bertentangan dengan makna zahir dalam ajaran Islam telah menjadi penghalang kepada penguasaan Islam pada zaman lalu. Sebagai contoh, dua malaikat yang ditugaskan oleh Tuhan untuk menjaga bumi, dikenali sebagai *Thaur* (lembu) dan *Haut* (ikan), telah disalahfahami oleh sesetengah ilmuwan dan ahli falsafah sebagai makhluk fizikal yang besar, iaitu seekor lembu dan seekor ikan, kerana mereka telah tidak memahami hakikat yang sebenarnya.

Terdapat ratusan lagi contoh seumpama ini. Namun, apabila kebenaran dijelaskan, bahkan ahli falsafah yang paling degil sekalipun akhirnya terpaksa mengakui hakikat tersebut. Dalam Risalah Keajaiban al-Quran⁵, Risalah an-Nur menzhirkan kemukjizatan al-Quran dalam setiap ayat yang pernah dijadikan sasaran kritikan sains. Ia mengungkapkan hakikat-hakikat tinggi dalam ayat dan lafadz al-Quran yang tidak mampu dicapai oleh sains, sehingga memaksa para ahli falsafah yang paling degil untuk tunduk kepada hakikat kebenarannya. Ia sangat jelas; sesiapa pun

5. Kalimat Kedua Puluh Lima.

boleh melihatnya dan menyaksikan hakikat kebenarannya. Maka, perhatikanlah bagaimana halangan ini telah mula runtuh, sebagaimana yang telah diramalkan empat puluh lima tahun dahulu.

Sebahagian ulama Islam yang memiliki ketajaman ilmu dan pandangan mendalam turut menghasilkan karya-karya berharga dalam bidang ini. Tanda-tanda bahawa halangan kelapan ini akan lenyap sepenuhnya semakin jelas kelihatan.

Sesungguhnya, meskipun belum terjadi sekarang, ia akan berlaku dalam tiga puluh hingga empat puluh tahun akan datang. Ketika itu, ilmu yang benar, pengetahuan yang hakiki, dan nilai-nilai luhur tamadun akan memperlengkapkan tiga kekuatan utama yang bakal menumpaskan kesemua halangan ini. Dorongan untuk mencari kebenaran, keadilan, dan kasih sayang sesama manusia telah diarahkan ke lapan penjuru halangan tersebut dan sedang menghalaunya. Insya-Allah, dalam masa setengah abad lagi, kesemua halangan tersebut akan dihancurkan sepenuhnya.

Adalah sesuatu yang sedia maklum: “*Keutamaan yang paling tidak dapat dinafikan adalah apabila musuh sendiri mengakuinya.*” Maka yang berikut adalah dua contoh daripada ratusan yang ada:

Contoh Pertama: Carlyle⁶, seorang tokoh falsafah Eropah yang terkenal pada abad ke-19, telah menyatakan

6. Thomas Carlyle (1795–1880). Rujuk karyanya On Heroes, Hero-Worship and the Heroic in History, London, 1841, yang merupakan transkrip enam syarahan umum yang disampaikan oleh Carlyle di London pada tahun 1840. Syarahan kedua dalam siri tersebut bertajuk: The Hero as Prophet. Mahomet: Islam.

dengan lantang kepada para ahli falsafah dan agamawan Kristian, malah menulisnya dalam sebuah karyanya bahawa: *“Islam muncul seperti nyalaan api yang terang-benderang, menelan agama-agama lain yang ibarat ranting kayu yang kering. Bahkan, penelanan itu adalah hak Islam sebagai agama yang benar, kerana agama-agama lain yang tidak disahkan oleh al-Qurantidak memberikan sebarang nilai.”* Beliau juga mengatakan: *“Kata-kata yang paling layak untuk didengari adalah kata-kata Nabi Muhammad SAW, kerana kata-katanya adalah kebenaran.”* Bahkan, katanya lagi: *“Jika engkau berasa ragu terhadap hakikat kebenaran Islam, maka engkau sebenarnya ragu terhadap perkara yang paling jelas dan pasti, kerana kebenaran yang paling jelas dan tidak boleh dinafikan adalah Islam itu sendiri.”*

Contoh Kedua: Putera Bismarck, ahli falsafah paling terkenal dari Eropah moden, berkata: *“Aku telah meneliti semua kitab samawi, namun kerana ia telah diseleweng, aku tidak dapat menemui hikmah sebenar yang aku cari demi kebahagiaan manusia. Kemudian aku dapati bahawa al-Quran Nabi Muhammad SAW adalah jauh lebih unggul daripada semua kitab yang lain. Aku temui hikmah dalam setiap kalimahnya. Tiada satu pun karya lain yang dapat menandingi al-Quran dalam memberi kebahagiaan kepada manusia. Karya sebegini adalah mustahil berasal daripada manusia. Sesiapa yang mendakwa ia ciptaan Muhammad SAW, telah menolak asas ilmu. Sesungguhnya, al-Quran itu jelas merupakan kalam Allah.”*

Maka, berdasarkan pengamatan dari tokoh sehebat Carlyle dan Bismarck ini, aku juga berkata dengan penuh

keyakinan:

“Eropah dan Amerika sedang mengandung Islam. Pada suatu hari nanti, mereka akan melahirkan sebuah negara Islam, sebagaimana dahulu Uthmaniyyah telah melahirkan sebuah negara Eropah daripada kandungan Eropah itu sendiri.”

Wahai saudara-saudaraku di Masjid Umayyah ini dan juga kalian yang akan berada di masjid dunia Islam setengah abad kemudian! Tidakkah segala mukadimah yang disebutkan dari awal hingga sekarang membawa kepada kesimpulan bahawa satu-satunya kuasa yang bakal memerintah secara hakiki dan maknawi, serta membimbing manusia kepada kebahagiaan dunia dan akhirat, hanyalah Islam? Dan bahawa agama Kristian yang sebenar, setelah dibersihkan daripada khurafat dan penyelewengan, akan bertukar menjadi Islam, lalu tunduk kepada al-Quran dan bersatu dengannya?

Aspek Kedua: Kemajuan dan Penguasaan Material

Pelbagai sebab yang kukuh sedang mendorong kepada kemajuan Islam dari sudut material, dan justeru itu membuktikan bahawa Islam juga akan menguasai masa hadapan secara zahir. Sepertimana Aspek Pertama membuktikan kemajuan rohani, Aspek Kedua pula menunjukkan kemajuan material dan penguasaan Islam secara nyata pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana, di dalam jiwa semangat kolektif Dunia Islam, telah bersatu dan berpadu lima kekuatan yang amat teguh dan tidak dapat

digoyahkan⁷.

Kekuatan Pertama: Hakikat Islam itu sendiri yang menjadi sumber kepada segala kesempurnaan, mampu menyatukan tiga ratus tujuh puluh juta jiwa menjadi satu entiti yang tunggal, lengkap dengan peradaban yang sejati serta ilmu pengetahuan yang benar, dalam bentuk yang tidak dapat dihancurkan oleh mana-mana kuasa.

Kekuatan Kedua: Keperluan yang sangat mendesak, yang merupakan guru sebenar bagi peradaban dan industri, bersama dengan kemiskinan yang amat menekan dan menghimpit hidup, serta disertai dengan kesempurnaan sarana dan asasnya, adalah satu kekuatan besar yang tidak dapat dibungkam atau dihancurkan.

7. Ya, daripada petunjuk dan ajaran al-Quran, kita dapat fahami bahawa apabila disebut mukjizat para nabi, al-Quran sebenarnya memberi isyarat bahawa peristiwa serupa akan terjadi pada masa hadapan melalui kemajuan. Ia juga menggalakkan manusia agar berusaha mencapainya. Seolah-olah al-Quran berkata: “*Berusahalah! Tunjukkanlah contoh-contoh mukjizat ini! Seperti Nabi Sulaiman a.s., tempuhlah perjalanan dua bulan dalam masa satu hari. Seperti Nabi Isa a.s., carilah penawar bagi penyakit-penyakit yang paling dahsyat. Seperti Nabi Musa a.s., pancarkanlah air kehidupan dari batu dan selamatkan manusia daripada kehausan. Seperti Nabi Ibrahim a.s., temukanlah bahan yang tidak terbakar dan lindungilah diri daripada api. Seperti para nabi yang lain, dengarlah suara dari jauh dan lihatlah imej dari timur dan barat! Sepertimana Nabi Daud a.s. melembutkan besi, jadikanlah besi seperti adunan atau lilin untuk memenuhi keperluan manusia. Kamu telah pun memanfaatkan jam dan kapal, yang merupakan mukjizat Nabi Yusuf a.s. dan Nabi Nuh a.s., maka manfaatkanlah mukjizat para nabi yang lain juga dengan cara yang sama.*” Dengan perbandingan seperti ini, al-Quran membimbing umat manusia dalam semua aspek, mendorong mereka kepada kemajuan material, akhlak dan rohani, dengan membuktikan bahawa ia adalah guru dan pemimpin sejagat.

Kekuatan Ketiga: Kebebasan yang sejati menurut Syariat, iaitu kebebasan yang menanamkan cita-cita luhur dalam diri manusia yang mendorong mereka berusaha untuk mencapainya; menghancurkan kezaliman, membangkitkan perasaan mulia, dan melenyapkan sifat hasad, iri hati, permusuhan, dan persaingan yang buruk. Ia juga diperlengkap dengan kesedaran hakiki, semangat berlumba-lumba, kecenderungan terhadap pembaharuan, serta aspirasi untuk membina tamadun yang unggul. Dengan kata lain, ia disertai keinginan untuk mencapai kemuncak kemuliaan yang layak bagi insan.

Kekuatan Keempat: Keberanian yang lahir daripada keimanan, dihiasi dengan sifat kasih sayang, yang tidak tunduk kepada kezaliman dan tidak merendahkan diri di hadapan orang zalim, serta tidak memperkecilkan orang yang dizalimi. Dengan kata lain, ia adalah asas kebebasan syarie yang tidak tunduk secara hina kepada penguasa zalim dan tidak menindas golongan lemah.

Kekuatan Kelima: Kemuliaan Islam yang menyeru dan menjunjung Kalimah Allah, pada zaman ini hanya dapat ditegakkan dengan kemajuan material dan tamadun yang sebenar. Maka tiada keraguan bahawa masa hadapan akan menyaksikan umat Islam akan memegang teguh tuntutan ini dengan sepenuh keyakinan.

Pada masa lalu, kemajuan Islam tercapai dengan menghancurkan fanatism dan keangkuhan musuh serta mempertahankan diri daripada serangan mereka, dengan menggunakan kekuatan senjata dan pedang. Namun, pada

masa hadapan, pedang dan senjata itu akan digantikan dengan peradaban hakiki, kemajuan material, serta pedang kebenaran maknawi dan keadilan yang akan mengalahkan dan mencerai-beraikan musuh.

Ketahuilah bahawa apa yang kami maksudkan di sini adalah keindahan tamadun serta segala kebaikannya yang memberi manfaat kepada umat manusia. Bukanlah keburukan dan kerosakannya yang telah disangka sebagai keutamaan oleh golongan yang jahil, lalu dengan menirunya, mereka telah merosakkan harta benda mereka sendiri. Mereka yang menggadaikan agama demi dunia, akhirnya tidak berjaya mendapatkan dunia sekalipun. Oleh sebab keburukan tamadun lebih mendominasi daripada manfaatnya, dan kerana kejahatannya lebih disukai daripada kebaikannya, maka umat manusia telah ditimpa dua malapetaka yang besar dalam bentuk dua peperangan dunia, dan dengan itu mereka telah memuntahkan segala keburukan tamadun yang berdosa itu sehingga mengotori seluruh muka bumi dengan darah.

Insya-Allah, dengan kekuatan Islam pada masa hadapan, nilai-nilai kebaikan tamadun akan mendominasi, dan akan membersihkan muka bumi daripada segala kekotoran, serta keamanan sejagat akan tercapai.

Sesungguhnya, disebabkan tamadun Eropah tidak dibina atas asas kebijakan dan petunjuk, sebaliknya dibina atas dasar nafsu, keinginan, persaingan dan penindasan, maka sehingga kini, keburukan tamadunnya telah mengatasi kebaikannya. Ia kini telah menjadi seperti pohon yang reput

dari dalam akibat disusupi gerakan-gerakan revolusi yang merosakkan. Justeru itu, ini adalah bukti yang kuat dan asas yang kukuh bahawa tamadun Asia akan menguasai dunia, dan tidak lama lagi ia akan berjaya.

Bagaimanakah mungkin engkau berputus asa sedangkan terdapat jalan dan cara yang begitu kuat dan tidak tergugat untuk mencapai kemajuan material dan spiritual umat Islam dan orang-orang beriman? Tambahan pula, jalan menuju kebahagiaan masa hadapan telah terbentang luas bagaikan landasan kereta api. Namun engkau tetap berputus asa dan kehilangan harapan terhadap masa depan, sehingga melemahkan semangat kolektif dunia Islam. Dalam keputusasaan dan kehampaan itu, engkau menyangka bahawa dunia ini adalah tempat kemajuan bagi semua orang dan bangsa asing, tetapi menjadi tempat kemunduran hanya bagi umat Islam yang malang. Ketahuilah, engkau telah terjerumus ke dalam kesilapan yang besar!

Oleh sebab kecenderungan terhadap kesempurnaan telah secara fitrah dimasukkan ke dalam alam semesta dan ke dalam fitrah manusia, maka jika kiamat tidak berlaku dalam masa terdekat akibat kesalahan dan kezaliman manusia, maka pada masa hadapan, kebenaran dan hakikat akan memperlihatkan suatu kebahagiaan duniawi dalam dunia Islam sebagai penebus kepada kesalahan-kesalahan lama umat manusia, insya-Allah.

Ya, lihatlah bahawa masa tidak bergerak dalam garis lurus yang menjauhkan antara permulaan dan pengakhirannya, sebaliknya ia berputar dalam bentuk lingkaran seperti

pergerakan bumi. Kadang-kadang ia menampilkan musim bunga dan musim panas dalam bentuk kemajuan, dan kadang-kadang musim sejuk dan musim ribut dalam bentuk kemererosotan. Sepertimana setiap musim sejuk diikuti oleh musim bunga dan setiap waktu malam diikuti oleh waktu pagi, begitu juga umat manusia akan menyaksikan fajar dan musim bunga mereka, insya-Allah. Dengan cahaya hakikat Islam, kalian boleh mengharapkan daripada rahmat Ilahi untuk melihat tamadun yang sejati yang akan dinaungi keamanan sejagat.

Pada awal pelajaran ini, aku menyatakan bahawa aku akan mengemukakan satu setengah hujah untuk menyokong dakwaanku. Kini, satu hujah telah selesai secara ringkas, dan baki setengah lagi hujah adalah seperti berikut:

Berdasarkan penyelidikan dan eksperimen yang mendalam dalam pelbagai cabang ilmu sains, telah terbukti bahawa matlamat dan tujuan tertinggi Pencipta Yang Maha Mulia dalam sistem ciptaan alam ini adalah penzahiran kebaikan, keindahan, kesempurnaan dan keunggulan. Setiap cabang ilmu sains yang berkaitan dengan alam semesta membuktikan bahawa terdapat susunan dan kesempurnaan yang luar biasa menurut ketetapan undang-undang universal, sehingga akal manusia tidak dapat membayangkan sesuatu yang lebih sempurna daripadanya. Sebagai contoh, ilmu sains seperti anatomi dalam bidang perubatan, sistem suria dalam astronomi, botani, dan biologi; kesemuanya ini membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan Pencipta Yang Maha Agung dalam susunan bidang masing-masing, dan membenarkan firman-Nya:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya. (Surah as-Sajdah: 7)

Selain itu, melalui penyelidikan menyeluruh dan pengalaman yang luas, terbukti bahawa kejahatan, keburukan, kecacatan, kebatilan dan kerosakan hanyalah unsur kecil dalam ciptaan alam ini. Ia bukan tujuan utama, tetapi sekadar sampingan dan bersifat relatif. Sebagai contoh, keburukan tidak diciptakan semata-mata kerana keburukan, tetapi ia dicipta untuk menjadi ukuran kepada pelbagai bentuk keindahan. Bahkan syaitan sendiri pun dijadikan sebagai sebab yang mendorong manusia untuk mencapai kemajuan tanpa batasan melalui persaingan. Keburukan dan kejahatan kecil seperti ini diciptakan sebagai perantara bagi pencapaian kebaikan dan keindahan yang lebih besar. Oleh itu, matlamat sebenar dan hasil akhir daripada penciptaan alam semesta adalah kebaikan, keindahan dan kesempurnaan. Maka apabila manusia telah mengotorkan dan merosakkan muka bumi dengan kekufuran dan kezaliman, dan meninggalkan dunia ini tanpa menerima balasan yang setimpal, serta tidak mencerminkan tujuan hakiki yang terkandung dalam alam semesta, mereka pastinya tidak akan hilang lenyap begitu sahaja. Sebaliknya, mereka akan dimasukkan ke penjara Neraka.

Begitu juga, telah terbukti melalui penyelidikan menyeluruh dan kajian sains bahawa makhluk yang paling mulia dan paling penting di antara seluruh ciptaan adalah manusia. Hal ini demikian kerana, manusia mampu

memahami dengan akalnya hubungan antara sebab dan akibat serta rangkaian hukum alam. Dengan menggunakan kemampuan seni ciptaannya yang terhad, dia dapat meniru keindahan seni ciptaan Ilahi yang unggul serta sistem pentadbiran-Nya yang penuh hikmah. Untuk memahami perbuatan-perbuatan Ilahi serta seni penciptaan Tuhan melalui ilmu dan hasil karyanya yang terbatas, manusia telah dikurniakan kehendak yang bebas sebagai satu ukuran dan neraca. Maka, hakikat bahawa manusia dapat mengenal perbuatan Tuhan Yang Maha Mencipta serta sifat-sifat-Nya yang mutlak melalui usaha dan ikhtiar manusia itu sendiri, membuktikan bahawa dialah makhluk yang paling dimuliakan dan paling tinggi martabatnya di alam ini.

Tambahan lagi, melalui kesaksian hakikat-hakikat Islam yang berkaitan dengan alam dan manusia, umat Islamlah yang merupakan ahli kebenaran dan umat yang paling mulia dalam kalangan umat manusia. Manakala dalam kalangan mereka pula, Nabi Muhammad SAW adalah insan yang paling sempurna dan paling tinggi martabatnya, berdasarkan kepada mukjizat-mukjizatnya yang tidak terhitung jumlahnya, akhlaknya yang agung, dan kebenaran ajaran Islam serta al-Quran.

Maka, memandangkan tiga kebenaran daripada setengah hujah ini telah menyampaikan berita sedemikian, maka adakah mungkin bahawa umat manusia dengan segala penderitaan dan kesengsaraannya dapat menolak kesaksian yang diberikan oleh begitu banyak cabang ilmu, menolak kesimpulan dari penyelidikan yang menyeluruh, dan berani menentang kehendak Ilahi serta hikmah azali yang

merangkumi seluruh alam semesta? Lalu, terus menerus dalam kezaliman yang buas, kekufuran yang angkuh dan kemusnahan yang dahsyat seperti yang telah banyak dilakukan sebelum ini? Adakah layak mereka tetap berkeras melawan hakikat kebenaran Islam dalam keadaan sebegitu?

Aku bersumpah dengan seluruh kekuatanku, bahkan jika aku memiliki lisan yang tidak terhitung banyaknya, nescaya aku akan bersumpah dengan kesemua lisan tersebut atas Nama Tuhan Yang Maha Bijaksana dan Maha Indah Ciptaan-Nya; Dialah Tuhan yang telah menciptakan alam ini dari zarah-zarah hingga ke objek-objek angkasa, dari sayap seekor nyamuk hingga ke bintang-bintang di langit, dengan susunan yang sempurna dan penuh hikmah. Aku bersaksi bahawa dalam apa jua keadaan, adalah mustahil bagi umat manusia untuk bertindak bertentangan dengan seluruh makhluk di alam ini serta dengan makhluk-makhluk lain yang merupakan saudara kecilnya, lalu menentang sistem alam semesta (sunnatullah), dengan mendatangkan kejahatan menyeluruh yang akan menyebabkan keburukan mengatasi kebaikan selama ribuan tahun dalam sejarah manusia, seolah-olah mereka menelan pohon zakum dan mampu mencernanya.

Andaian ini hanya boleh berlaku - dan itu pun suatu perkara yang mustahil - jika umat manusia yang telah diangkat sebagai pemegang amanah agung dan khalifah di muka bumi serta saudara besar yang mulia kepada makhluk-makhluk lain, tiba-tiba menjadi makhluk yang paling hina, paling rosak, paling malang, paling berbahaya dan paling tidak berguna; lalu dengan tamak dan tanpa hak mencemari

serta mengacau-bilaukan alam ini. Andaian ini adalah tidak boleh diterima sama sekali.

Berdasarkan hakikat ini, sesungguhnya setengah hujahku yang ini membawa kepada kesimpulan bahawa, sebagaimana kewujudan syurga dan neraka di akhirat merupakan satu hakikat kebenaran yang tidak dapat disangkal, maka di dunia ini juga, kebaikan dan agama yang benar pasti akan menang dan menguasai secara mutlak pada masa akan datang. Maka, sepertimana kebaikan dan keunggulan telah menguasai makhluk-makhluk lain di alam semesta ini, begitu juga ia akan berlaku ke atas umat manusia, setara dengan makhluk-makhluk lain. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa sejak azali lagi rahsia hikmah ini telah berakar umbi dalam diri umat manusia.

Kesimpulan: Sebagaimana yang telah dibuktikan secara nyata oleh fakta-fakta yang disebutkan sebelum ini, manusia adalah hasil pilihan yang terbaik daripada seluruh alam semesta dan makhluk yang paling penting di sisi Pencipta. Sebagaimana kezaliman manusia sejak dahulu menuntut kewujudan neraka, maka begitu juga potensi besar dalam dirinya, fitrahnya yang sempurna, dan hakikat keimanannya yang merangkumi seluruh alam semesta, menuntut kewujudan syurga. Oleh sebab manusia tidak sanggup lagi menanggung jenayah besar daripada dua perperangan dunia yang telah menggoncang seluruh alam semesta, dan kerana ia tidak lagi mampu menghadam racun zakum kejahatan yang ditelannya, yang kemudian dimuntahkannya semula sehingga mencemari seluruh permukaan bumi serta menjatuhkan martabat kemanusiaan ke darjat yang paling

hina, maka sesungguhnya jika suatu kiamat kecil tidak berlaku dengan tiba-tiba, hakikat kebenaran Islam pasti akan menjadi penyelamat bagi manusia daripada kejatuhan yang hina ini. Ia akan membersihkan muka bumi dan menjadi jalan bagi tertegaknya keamanan sejagat. Kita memohon doa, mengharap dan menantikan perkara ini dengan penuh pengharapan daripada rahmat Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Kalimah Kedua: *Al-Ya's (Putus asa)*

Inilah perkara yang lahir dalam fikiranku melalui pengalaman dan pemerhatian sepanjang hayatku:

Putus asa (*الْيَأسُ*) adalah penyakit paling dahsyat yang telah meresap masuk ke dalam hati Dunia Islam. Keputusasaan inilah yang seolah-olah telah membinasakan kita, sehingga sebuah negara kecil di Barat yang hanya memiliki satu atau dua juta penduduk, berjaya memperhambakan dua puluh juta umat Islam di Timur dan menjadikan tanah air mereka sebagai tanah jajahan. Ia juga telah membunuh akhlak luhur kita, memalingkan pandangan kita daripada kepentingan umum kepada kepentingan peribadi semata-mata.

Keputusasaan itu juga yang telah melemahkan kekuatan rohani kita. Padahal dengan kekuatan kecil yang bersumberkan iman, umat Islam dahulu telah berjaya menakluki wilayah dari timur hingga ke barat. Namun, apabila kekuatan rohani yang luar biasa itu dipatahkan oleh perasaan putus asa, bangsa asing yang zalim telah memperhambakan tiga ratus juta umat Islam sejak empat

ratus tahun yang lalu.

Malah disebabkan perasaan putus asa ini, seseorang menjadikan kelalaian dan kelemahan orang lain sebagai alasan untuk kemalasannya sendiri. Dia berkata: “*Apa peduliku?*” dan “*Semua orang sama sepertiku, semuanya rosak,*” lalu meninggalkan keberanian dalam keimanan dan tidak lagi bersungguh berkhidmat untuk Islam.

Oleh sebab penyakit ini telah menzalimi dan membunuh kita sedemikian rupa, maka kita juga akan membalas dendam terhadap ‘pembunuh’ kita ini dan membinasakannya.

Kita akan menghancurkan kepala keputusasaan dengan pedang firman Allah:

لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ

Janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. (Surah az-Zumar: 53)

Kita juga akan mematahkan kekuatan keputusasaan itu, insya-Allah, dengan hakikat hadis ini:

مَا لَا يُدْرِكُ كُلُّهُ لَا يُتَرَكُ كُلُّهُ

Apa yang tidak dapat diperolehi semuanya, jangan pula ditinggalkan semuanya.

Sesungguhnya, putus asa adalah penyakit paling mengerikan yang menimpा umat dan bangsa, seumpama penyakit kanser. Ia menjadi penghalang kepada segala bentuk kesempurnaan dan bertentangan dengan hakikat hadis yang suci berikut:

أَنَا عِنْدَ حُسْنٍ ظَنْ عَبْدِي بِي

Aku menurut sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku.

Putus asa adalah sifat bagi mereka yang pengecut, dan menjadi alasan bagi mereka; ia bukanlah sifat yang layak bagi mereka yang memiliki keberanian dalam keislaman. Ia tidak sepatutnya menjadi sifat bagi mana-mana kaum, khususnya bangsa Arab yang dianugerahkan dengan akhlak yang luhur dan menjadi kebanggaan umat manusia. Bangsa-bangsa dalam dunia Islam telah mengambil pelajaran daripada ketabahan bangsa Arab. Insya-Allah, bangsa Arab akan kembali meninggalkan keputusasaan dan bersama dengan bangsa Turki, tentera Islam yang gagah, berganding tangan dalam kesatuan yang sejati untuk mengibarkan panji al-Quran ke seluruh dunia.

Kalimah Ketiga: *al-Sidq* (Kejujuran)

Hasil penelitian dan pengalaman daripada pergolakan hidup bermasyarakat sepanjang hayatku membawa kepada satu kesimpulan yang pasti: Kejujuran (*الصّدق*) merupakan asas utama dalam Islam, ia adalah pengikat kepada akhlak-akhlak mulia, dan merupakan asas kepada perasaan yang luhur dalam jiwa. Oleh itu, kita mesti menghidupkan semula nilai kejujuran yang menjadi asas kehidupan bermasyarakat. Dengan kejujuran itulah kita dapat merawat penyakit-penyakit rohani dalam jiwa kita.

Ya, kejujuran dan kebenaran adalah nadi kehidupan bermasyarakat dalam Islam. Riak adalah sejenis pendustaan dalam amalan. Amalan membodek dan berpura-pura adalah

suatu bentuk pendustaan yang hina. Sifat munafik dan bermuka-muka pula adalah pendustaan yang berbahaya. Bahkan, setiap pendustaan adalah suatu pembohongan terhadap kekuasaan Pencipta Yang Maha Agung.

Segala bentuk kekufuran adalah pendustaan, sedangkan keimanan adalah kebenaran dan kejujuran. Oleh itu, di antara kejujuran dan pendustaan wujud jarak yang sangat jauh, sejauh timur dan barat. Seperti api dan cahaya, mereka tidak sepatutnya bercampur antara satu sama lain. Namun malangnya, politik yang zalim dan propaganda yang kejam telah mengaburkan batas antara yang benar dan yang palsu, sehingga mencemarkan nilai-nilai kemanusiaan⁸.

8. Wahai saudara-saudaraku! Daripada pelajaran yang disampaikan oleh Said Lama empat puluh lima tahun lalu, difahami bahawa beliau ketika itu sangat mengambil berat terhadap politik dan isu-isu sosial Islam. Namun, janganlah kamu menyangka bahawa beliau menggunakan agama untuk tujuan politik. Jauh sekali! Sebaliknya, beliau berusaha dengan seluruh kekuatannya untuk menjadikan politik sebagai alat yang berkhidmat kepada agama. Beliau sering berkata: “*Aku lebih mengutamakan satu hakikat agama berbanding seribu urusan politik*”. Sesungguhnya, beliau telah menyedari sekitar empat puluh hingga lima puluh tahun yang lalu bahawa terdapat golongan zindik dan munafik yang bermuka dua, cuba menjadikan politik sebagai alat untuk menyerang agama. Maka, untuk menangkis niat dan pemikiran mereka itu, beliau telah berusaha sepenuh tenaganya untuk menjadikan politik sebagai hamba kepada hakikat kebenaran Islam.

Namun, dua puluh tahun kemudian, beliau melihat bahawa para munafik zindik itu, atas alasan westernisasi (pembaratan), telah menggunakan politik sebagai alat untuk menentang agama. Sebaliknya, segolongan ahli politik beragama pula cuba menjadikan agama sebagai alat dalam agenda politik mereka atas nama Islam. Sedangkan, matahari Islam tidak mungkin dijadikan alat kepada cahaya-cahaya kecil di bumi. Menjadikan Islam sebagai alat adalah suatu tindakan yang merendahkan martabatnya, malah ia merupakan suatu jenayah yang besar. Malah, Said

Sesungguhnya, jarak antara kejujuran dan pendustaan adalah sejauh perbezaan antara iman dan kekufturan. Pada zaman generasi yang gemilang, Nabi Muhammad SAW telah mencapai maqam yang tertinggi (*a'la 'illiyyin*)

Lama pernah menyaksikan seorang ulama yang soleh memuji seorang munafik yang bersetuju dengan pandangan politiknya, sedangkan beliau mencela seorang guru soleh lain yang hanya berbeza pandangan. Lalu, Said Lama berkata kepadanya: “*Jika syaitan menyokong pandangan politikmu, engkau akan menganggapnya sebagai rahmat. Tetapi jika malaikat menentangnya, engkau akan melaknatinya.*” Disebabkan hal ini, Said Lama menyatakan: “*Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan dan politik*”. Maka sejak itu, beliau pun meninggalkan politik selama tiga puluh lima tahun.

Ditandatangani: Said Nursi

*Memandangkan Said Baru telah meninggalkan politik sepenuhnya dan tidak lagi mengikutinya, maka terjemahan Bahasa Turki bagi Khutbah Syamiyah, yang mana ia merupakan pelajaran Said Lama yang menyentuh soal politik, telah ditulis dan disediakan.

*Selain itu, sepanjang dua puluh tujuh tahun kehidupannya, seratus tiga puluh bahagian kitab dan surat beliau telah diperiksa dengan teliti oleh tiga buah mahkamah, yang kini jumlahnya mencecah seribu, serta oleh para pegawai kerajaan. Beliau juga berhadapan dengan golongan murtad dan munafik yang aktif menentangnya. Bahkan, arahan rahsia pernah dikeluarkan untuk menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Namun begitu, mereka tetap gagal menemukan walau sekelumit bukti bahawa beliau telah memperalatkan agama demi tujuan politik. Hakikat ini membuktikan dengan jelas bahawa beliau tidak pernah menjadikan agama sebagai alat politik. Kami, para pelajar Risalah an-Nur yang mengenali beliau secara dekat, menyaksikan keadaan luar biasa ini dengan penuh kehairanan. Kami menganggapnya sebagai tanda keikhlasan sebenar dalam lingkungan Risalah an-Nur.

Ditandatangani: Para pelajar Risalah an-Nur.

melalui kejujuran Baginda. Dengan kunci kejujuran itu juga, khazanah hakikat-hakikat keimanan dan alam semesta telah terbuka, menjadikan kejujuran sebagai barang yang paling berharga dan paling laris di pasaran masyarakat manusia.

Sebaliknya, melalui pendustaan, golongan seperti Musailamah al-Kazzab telah jatuh ke dalam kehinaan yang paling bawah (*asfala safilin*). Revolusi agung⁹ pada zaman itu telah menunjukkan bahawa pendustaan dan kepalsuan adalah kunci kepada kekufurans dan khurafat. Maka, dusta menjadi antara barang yang paling buruk dan menjijikkan dalam pasaran kehidupan manusia. Bukan sahaja tiada siapa yang mahu membelinya, malah semua orang membencinya. Maka, sudah tentu, para sahabat yang berada di barisan hadapan revolusi agung itu, dan secara fitrah cenderung kepada perkara yang membawa kemuliaan, tidak akan sesekali menyokong pendustaan dengan sengaja. Mereka tidak akan mengotorkan diri dengan pendustaan, serta tidak akan cuba menyerupai Musailamah al-Kazzab.

Bahkan, dengan seluruh kekuatan dan tuntutan fitrah yang ada, mereka menjadi pelanggan kepada kejujuran dan kebenaran, yang merupakan kunci segala hakikat dan tangga yang mengangkat Rasulullah SAW ke maqam yang tertinggi. Kejujuran ini merupakan anugerah paling bernilai yang menjadi rebutan di kalangan manusia. Mereka berusaha sedaya upaya untuk tidak menyimpang daripada

9. Revolusi agung merujuk kepada zaman Rasulullah SAW yang mengubah masyarakat jahiliah kepada masyarakat beriman melalui wahyu dan kejujuran.

kebenaran. Maka, menurut ilmu hadis dan dalam kalangan ulama syariat, ditetapkan satu kaedah yang kukuh: “*Para sahabat sentiasa bercakap benar. Riwayat mereka tidak memerlukan penyaringan seperti perawi yang lain. Semua hadis yang mereka riwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW adalah sahih.*” Kesepakatan ahli hadis dan ahli syariat menjadi bukti yang nyata bagi hakikat ini.

Demikianlah, pada zaman generasi yang gemilang, kejujuran dan pendustaan adalah sejauh perbezaan antara iman dan kekufturan. Namun dengan berlalunya masa, jarak antara keduanya semakin menghampiri. Propaganda politik kadangkala memberikan lebih ruang kepada pendustaan. Akhirnya, kejahatan dan penipuan mendapat tempat dalam masyarakat. Atas hakikat inilah, tiada siapa yang mampu menandingi para sahabat. Memandangkan perkara ini telah dihuraikan dalam Catitan Tambahan kepada Kalimat Kedua Puluh Tujuh, maka kami memendekkan perbahasan ini di sini.

Wahai saudara-saudaraku yang berada di Masjid Umayyah ini! Dan wahai saudara-saudara seiman kami di seluruh dunia Islam, empat puluh hingga lima puluh tahun kemudian! Keselamatan hanya dapat dicapai melalui kejujuran dan kebenaran. *Al-‘urwatul wuthqa*¹⁰ (الْعُرْوَةُ الْأُنْثَقِيَّةُ) adalah kejujuran; iaitu ikatan yang paling kukuh untuk mencapai keselamatan.

Adapun berdusta kerana maslahat, maka zaman telah memansuhkannya. Pada masa lalu, terdapat ulama yang

10. Surah al-Baqarah:256

memberikan fatwa ‘sementara’ atas dasar maslahat dan darurat. Namun pada zaman ini, fatwa seperti itu tidak lagi diberikan kerana ia telah disalahgunakan secara meluas. Dalam seratus keburukan, mungkin hanya terdapat satu manfaat. Oleh itu, hukum tidak boleh dibina di atas maslahat sebegini.

Sebagai contoh, menqasarkan solat ketika bermusafir diharuskan kerana kesukaran. Namun kesukaran itu sendiri bukanlah sebab (*'illah*) bagi solat harus diqasar, kerana kesukaran itu tiada had yang jelas serta ianya mudah disalahgunakan. Sebab yang sebenar hanyalah kerana perjalanan itu sendiri. Begitu juga, maslahat tidak boleh dijadikan sebab untuk membenarkan pembohongan. Ia tiada batasan yang tetap dan merupakan sesuatu yang sangat mudah disalahgunakan. Maka, hukum fatwa tidak boleh dibina berdasarkan maslahat sebegini.

إِمَّا الصَّدْقُ وَإِمَّا السُّكُوتُ

Sama ada berkata benar atau diam.

Ertinya, hanya ada dua jalan, iaitu berkata benar atau berdiam diri. Tidak wujud jalan ketiga seperti memilih antara benar, diam dan untuk berdusta.

Disebabkan pendustaan, manipulasi yang nyata, dan penyalahgunaan hakikat maslahat, keamanan dan kestabilan dunia telah hancur. Oleh itu, manusia diperintah dan dipaksa untuk menutup jalan ketiga itu. Jika tidak, perang dunia, revolusi yang ganas, kejatuhan dan kemusnahan yang telah berlaku dalam setengah abad ini akan membawa

malapetaka besar ke atas umat manusia.

Sesungguhnya, setiap apa yang kamu ucapkan mestilah benar, namun tidak semua kebenaran wajar diucapkan. Kadangkala, jika ia membawa kepada kemudarat, berdiam diri adalah lebih baik. Namun, pendustaan, walau apa pun alasannya, tidak pernah dibenarkan. Setiap perkara yang kamu ucapkan mestilah benar, namun kamu tidak dituntut menyampaikan setiap kebenaran. Bahkan, jika tidak disampaikan dengan ikhlas, ia akan membawa kesan buruk dan digunakan untuk tujuan yang salah.

Kalimah Keempat: *al-Mahabbah* (Kasih Sayang)

Antara perkara yang aku yakini melalui pengalaman hidupku dalam kehidupan bermasyarakat, serta pemerhatianku sepanjang hayat adalah:

Perkara yang paling layak dicintai adalah cinta itu sendiri (*المَحَبَّةُ*), manakala perkara yang paling layak dimusuhi adalah permusuhan itu sendiri. Sifat cinta dan kasih sayang yang menjadi asas kepada kehidupan bermasyarakat dan membawa kepada kebahagiaan, adalah perkara yang paling layak untuk dicintai. Sebaliknya, sifat permusuhan dan kebencian yang menghancurkan kehidupan sosial manusia sepatutnya dibenci dan dijauhi, kerana ia adalah sifat yang keji dan sangat memudaratkan. Oleh sebab hakikat ini telah dijelaskan dengan terperinci pada Bab ke-22 daripada Kitab Maktubat, maka di sini kami hanya mengisyaratkannya secara ringkas. Ia adalah seperti berikut:

Zaman permusuhan dan kebencian telah berakhir.

Dua peperangan dunia telah menunjukkan betapa buruk, merosakkan, dan zalimnya permusuhan itu. Telah nyata bahawa ia tidak membawa sebarang manfaat. Oleh itu, selagi mana musuh tidak menyerang, kesalahan dan keburukan mereka itu tidak seharusnya membangkitkan kebencian di dalam hati kita. Cukuplah neraka jahanam dan azab Ilahi sebagai balasan buat mereka.

Kadangkala, kesombongan dan nafsu seseorang mendorong dirinya, tanpa disedari, untuk memusuhi orang beriman secara tidak adil, dan menganggap dirinya berada di pihak yang benar. Namun, dengan berbuat demikian, dia sebenarnya memperkecilkkan sebab-sebab kukuh yang sepatutnya menjadi punca kasih sayang terhadap orang beriman, seperti ikatan iman, Islam dan persaudaraan, serta merendahkan nilai-nilainya. Hal ini ibarat mendahulukan sebab-sebab yang remeh bagi permusuhan, berbanding sebab-sebab yang besar seumpama gunung, yang menjadi punca cinta dan persaudaraan sesama umat Islam. Sesungguhnya, ia merupakan kebodohan yang nyata.

Oleh sebab kasih sayang dan permusuhan adalah bertentangan, sebagaimana cahaya bertentangan dengan kegelapan, maka kedua-duanya tidak dapat benar-benar wujud bersama di dalam suatu hati. Yang mana yang lebih kuat di antara keduanya, ia akan menguasai hati, manakala yang satu lagi sebenarnya tidak akan wujud. Sebagai contoh, apabila kasih sayang benar-benar wujud dalam hati, permusuhan akan berubah menjadi rasa simpati dan belas kasihan. Sikap inilah yang sepatutnya diambil terhadap orang-orang yang beriman. Namun, jika permusuhan

menguasai hati, kasih sayang hanya akan berubah menjadi sikap bergaul seadanya tanpa simpati maupun prihatin, sekadar kelihatan mesra dari segi zahir sahaja. Sikap ini hanya layak dilakukan terhadap golongan sesat yang tidak melampaui batas.

Sesungguhnya, sebab-sebab kepada kasih sayang seperti iman, Islam, kemanusiaan dan persaudaraan adalah seumpama rantaian cahaya dan benteng maknawi yang kukuh. Sebaliknya, sebab-sebab kepada permusuhan terhadap orang yang beriman hanyalah alasan-alasan kecil seumpama batu-batu kecil. Oleh itu, sesiapa yang benar-benar memusuhi seorang Muslim, telah melakukan suatu kesalahan besar; dia ibarat menghina sebab-sebab kasih sayang yang kukuh, yang seumpama nilainya sebesar sebuah gunung.

Kesimpulannya: Cinta, persaudaraan dan kasih sayang adalah sifat asas dalam Islam serta menjadi tali penghubung umat Islam. Mereka yang suka bermusuhan menyerupai seorang kanak-kanak yang rosak akhlaknya, yang sentiasa ingin menangis. Dia sentiasa mencari apa sahaja untuk dijadikan alasan, malah sesuatu perkara kecil seperti sayap seekor lalat pun dijadikan alasan untuk menangis. Mereka ini juga menyerupai orang yang tidak adil dan pesimis, yang mana lebih suka bersangka buruk daripada bersangka baik. Dengan hanya satu kesalahan, mereka menutup sepuluh kebaikan. Namun, sifat Islam yang berteraskan insaf dan sangka baik, menolak sikap seperti ini.

Kalimah Kelima: Dosa dan Pahala Berlipat Ganda

Pelajaran yang telah aku peroleh daripada prinsip syura yang telah disyariatkan oleh Islam adalah: Pada zaman ini, dosa yang dilakukan oleh seseorang tidak kekal sebagai satu dosa sahaja. Kadang-kadang ia membesar, merebak sehingga menjadi ratusan dosa. Demikian juga, suatu kebaikan yang dilakukan oleh seseorang tidak kekal sebagai satu kebaikan sahaja, tetapi berkembang menjadi beribu-ribu kebaikan. Rahsia dan hikmahnya adalah seperti berikut:

Kebebasan menurut Syariat Islam dan musyawarah yang disyariatkan telah memperlihatkan kedaulatan hakiki bangsa kita. Asas dan roh sebenar bangsa kita adalah Islam. Khilafah Uthmaniyyah dan Tentera Turki, dengan membawa panji kebangsaan Islam, telah menempatkan bangsa Arab dan bangsa Turki sebagai dua saudara sejati, yang menjadi penjaga benteng dan kubu suci umat Islam.

Maka, melalui ikatan suci ini, seluruh umat Islam menjadi seperti satu pasukan. Seperti ahli-ahli dalam satu kabilah, kelompok-kelompok umat Islam juga saling terikat dan berhubung dengan persaudaraan Islam, saling membantu secara rohani, dan fizikal, jika diperlukan. Seluruh umat Islam seakan-akan dihubungkan oleh satu rantai yang bercahaya.

Jika salah seorang ahli kabilah melakukan kejahatan, maka seluruh kabilah tersebut akan dianggap bersalah di mata kabilah musuh. Seolah-olah setiap individu dalam kabilah itu turut melakukan kejahatan tersebut, lalu

menyebabkan seluruh kabilah menjadi sasaran permusuhan. Maka, satu kejahanan menjadi seolah-olah seribu kejahanan. Sebaliknya, jika seorang ahli kabilah melakukan kebaikan yang membanggakan, maka, seluruh ahli kabilah akan turut berbangga seolah-olah mereka sendiri yang melakukannya.

Disebabkan hakikat inilah, pada zaman ini, terutama selepas empat puluh atau lima puluh tahun, kejahanan tidak hanya terhenti pada pelakunya, malah menjadi satu pencerobohan terhadap hak berjuta-juta umat Islam. Banyak contoh tentang hal ini dapat disaksikan.

Wahai saudara-saudaraku yang mendengar kata-kataku di Masjid Umayyah ini, dan juga saudara-saudara Muslim yang berada di Masjid Agung Dunia Islam empat puluh hingga lima puluh tahun kemudian! Janganlah kamu berkata: "*Kami tidak melakukan kerosakan, namun kami hanya tidak mampu memberi manfaat, maka kami dimaafkan.*" Alasan seperti ini adalah tidak dapat diterima. Kemalasan kamu, sikap acuh tak acuh kamu dan kegagalan kamu untuk berusaha dengan semangat kebangsaan Islam yang hakiki adalah kerugian besar dan satu kezaliman terhadap diri kamu.

Sebagaimana kejahanan boleh membesar menjadi beribu-ribu kejahanan pada zaman ini, begitu juga kebaikan, khususnya yang berkaitan dengan kesucian Islam, tidak hanya terhad kepada pelakunya. Bahkan ia boleh memberi manfaat rohani kepada jutaan orang beriman dan menguatkan hubungan kehidupan rohani dan jasmani mereka. Oleh itu, ini bukanlah masa untuk berkata "Apa

kaitannya dengan aku?”, lalu membiarkan diri terjerumus dalam kemalasan!

Wahai saudara-saudaraku di masjid ini dan saudara-saudaraku di Masjid Agung Dunia Islam selepas empat puluh atau lima puluh tahun! Janganlah menyangka bahawa aku naik ke mimbar ini untuk menasihati kamu. Tidak! Sebaliknya, aku naik ke sini untuk menuntut hak kami daripada kamu. Maksudnya, manfaat serta kebahagiaan dunia dan akhirat bagi kelompok kecil seperti bangsa Kurdi bergantung kepada bangsa besar dan mulia seperti kamu, bangsa Arab dan bangsa Turki. Kemalasan dan kelesuan kamu menyebabkan kami, saudara-saudara kecil kamu dalam kalangan umat Islam, mengalami kerugian besar.

Wahai bangsa Arab yang mulia dan besar jumlahnya yang telah sedar atau yang akan sedar sepenuhnya! Aku berbicara terlebih dahulu kepada kamu, kerana kamu adalah guru, imam dan pejuang Islam bagi kami dan seluruh umat Islam. Kemudian bangsa Turki yang mulia turut membantu kamu dalam tugas suci ini.

Oleh itu, jika kamu malas, dosamu sangat besar; dan jika kamu berbuat kebaikan, pahalamu amat besar dan tinggi. Khususnya selepas empat puluh atau lima puluh tahun, bangsa Arab akan mencapai kedudukan yang sangat tinggi, seperti Kesatuan Amerika. Kami berharap dengan rahmat Ilahi, kamu akan berjaya menegakkan kembali kekuasaan Islam yang kini tertawan, seperti pada zaman dahulu, di separuh, bahkan mungkin di sebahagian besar dunia.

Jika kiamat tidak segera tiba, insya-Allah generasi akan

datang akan menyaksikan kebangkitan ini.

Jangan sekali-kali, wahai saudara-saudaraku! Jangan kamu menyangka bahawa dengan kata-kata ini aku mengajak kamu kepada politik. Tidak sama sekali! Hakikat kebenaran Islam adalah lebih tinggi daripada segala urusan politik. Politik hanya boleh menjadi khadam kepada Islam. Tidak ada politik yang berhak menjadikan Islam sebagai alat untuk kepentingannya.

Dengan kefahamanku yang serba kekurangan, aku membayangkan masyarakat Islam pada zaman ini seumpama sebuah kilang yang mempunyai banyak gear dan bahagian. Jika salah satu gearnya berhenti atau melangkaui gear yang lain, maka mekanisme seluruh mesin itu akan rosak. Oleh itu, masa untuk membina penyatuan Islam telah tiba. Janganlah kalian terlalu sibuk mencari kesalahan peribadi antara satu sama lain.

Dengan rasa kesal dan dukacita, aku perlu menyatakan bahawa sebahagian bangsa asing telah mengambil segala yang bernilai daripada kita, termasuklah tanah air dan kekayaan kita, dan menggantikannya dengan barang-barang yang rosak. Begitu juga, mereka telah mengambil sebahagian daripada akhlak mulia kita dan nilai-nilai kehidupan sosial kita, lalu menggantikannya dengan akhlak buruk dan amalan keji mereka.

Contohnya, mereka telah mengambil daripada kita semangat kebangsaan yang mulia, di mana seseorang berkata: “*Jika aku mati, biarlah bangsaku terus hidup, kerana di dalam bangsaku terdapat kehidupan yang abadi*

untukku.” Mereka telah mencuri kata-kata ini daripada kita dan membina kemajuan mereka di atasnya. Sedangkan ungkapan ini berasal daripada agama yang benar dan hakikat iman, dan ia adalah milik orang-orang beriman. Sebaliknya, akibat mengambil akhlak buruk mereka, ada dalam kalangan kita yang berkata: “*Jika aku mati kehausan, biarlah hujan tidak lagi turun ke bumi. Jika aku tidak menikmati kebahagiaan, biarlah dunia hancur.*” Kata-kata yang bodoh ini berasal dari kekufuran dan kejahilan terhadap kehidupan akhirat, dan telah meresap ke dalam diri kita dari luar, meracuni kita.

Selain itu, melalui semangat kebangsaan yang mereka ambil daripada kita, seorang individu dalam kalangan mereka boleh menjadi berharga seperti satu bangsa. Hal ini demikian kerana, nilai seseorang adalah bergantung kepada sejauh mana cita-citanya. Sesiapa yang cita-citanya adalah untuk bangsanya, maka dia, walaupun seorang diri, akan bernilai sebesar sebuah bangsa kecil.

Namun, disebabkan oleh kelalaian sebahagian daripada kita dan kerana mengambil sifat-sifat buruk daripada bangsa asing, meskipun kita memiliki semangat kebangsaan Islam yang kuat dan suci, ramai di antara kita yang hanya berkata, “*Diriku! Diriku!*”, tanpa memikirkan kepentingan umat, sebaliknya hanya memikirkan kepentingan dirinya sendiri. Akibatnya, seribu orang boleh jatuh kepada nilai seorang individu sahaja.

مَنْ كَانَ هِمَّتُهُ نَفْسُهُ فَلَيْسَ مِنَ الْإِنْسَانِ لَاَنَّهُ مَدْنِيٌّ بِالظَّبْعِ

Barangsiapa yang hanya memikirkan kepentingan

dirinya sendiri tidak layak digelar manusia, kerana manusia secara fitrahnya adalah makhluk bermasyarakat.

Manusia mesti mempertimbangkan keperluan sesama mereka, kerana kehidupannya sebagai individu hanya dapat diteruskan dengan adanya kehidupan bermasyarakat. Sebagai contoh, untuk memakan sepotong roti, bayangkan berapa banyak tangan yang terlibat dalam proses penghasilannya. Sebagai balasan, secara tidak langsung dia harus menghargai jasa dan usaha tangan-tangan tersebut. Begitu juga dengan pakaian yang dipakainya, fikirkanlah berapa banyak kilang yang terlibat dalam penghasilannya. Renungkanlah dan buatlah perbandingan! Manusia tidak dapat hidup seperti haiwan yang hanya bergantung pada sehelai kulit untuk meneruskan kehidupannya. Oleh sebab itu, secara fitrahnya, manusia perlu berhubung dan bergantung kepada sesama manusia serta wajib memberikan penghargaan kepada mereka. Justeru itu, manusia secara fitrahnya adalah pemelihara peradaban. Sesiapa yang hanya memikirkan manfaat peribadinya sahaja, telah keluar daripada sifat kemanusiaan dan menjadi seperti haiwan yang membawa kerosakan. Adapun jika seseorang itu benar-benar tidak mampu berbuat apa-apa, maka dia tergolong dalam golongan yang berkeuzuran sebenar.

Kalimah Keenam: Syura (*Musyawarah Syar’iyah*)

Kunci kebahagiaan dalam kehidupan bermasyarakat bagi umat Islam adalah musyawarah (الشوري) yang diperintahkan oleh syarak.

Firman Allah SWT:

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Dan urusan mereka dijalankan secara musyawarah di antara mereka. (Surah asy-Syura: 38)

Ayat al-Quran ini memerintahkan agar musyawarah dijadikan sebagai asas utama dalam urusan umat. Sebagaimana pertembungan pemikiran dalam kalangan umat manusia sepanjang zaman menjadi asas kepada kemajuan dan perkembangan ilmu, maka demikian juga, antara punca utama kemunduran benua Asia adalah kegagalan melaksanakan syura yang sebenar.

Kunci kebangkitan Asia dan pembuka masa depannya adalah prinsip syura. Sebagaimana individu perlu bermusyawarah, maka demikian juga bangsa-bangsa dan benua-benua perlulah mengamalkan syura. Segala bentuk belenggu yang mengikat tiga ratus malah empat ratus juta umat Islam, dan segala bentuk penindasan dan kezaliman yang menekan mereka, hanya dapat dilepaskan dengan syura dan kebebasan syarie yang lahir daripada semangat keberanian dan kasih sayang yang bersumber dari iman. Kebebasan syarie yang dihiasi dengan adab-adab syarak inilah yang akan menolak keburukan tamadun Barat yang rosak akhlaknya.

Kebebasan syarie yang lahir daripada iman mengandungi dua prinsip utama: Pertama, seseorang tidak boleh menzalimi atau merendahkan orang lain dengan kuasa atau kekerasan. Kedua, seseorang tidak boleh merendahkan diri secara hina di hadapan kezaliman. Sesiapa yang benar-benar menjadi hamba Allah, tidak akan tunduk sebagai hamba kepada

makhluk. Janganlah kamu menjadikan sebahagian daripada kamu sebagai tuhan selain daripada Allah. Maksudnya, sesiapa yang tidak mengenal Allah akan menyangka terdapat unsur ketuhanan dalam segala perkara dan manusia, lalu menjadikan dirinya tunduk kepada perkara-perkara tersebut. Sesungguhnya kebebasan syarie adalah suatu anugerah daripada Allah Yang Maha Kuasa, melalui manifestasi Nama-Nya Yang Maha Pemurah (*ar-Rahman*) dan Maha Penyayang (*ar-Rahim*), serta merupakan antara salah satu sifat iman.

فَلْيَحْبِبْ الصَّدْقُ وَلَا عَاشَ الْيَاسُ فَلَنَدُومُ الْمُحَبَّةَ وَلَنَقْوَى الشُّورَى

Hidupkan kejujuran! Hapuskan keputusasaan! Biarlah kasih sayang berterusan, dan semoga syura menjadikannya kuat.

وَالْمَلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهَوَى وَالسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

Segala celaan dan kecaman ditujukan kepada mereka yang mengikuti hawa nafsu, dan salam sejahtera ke atas mereka yang mengikuti petunjuk Ilahi. Amin.

Jika ditanya: Mengapa engkau begitu menitikberatkan soal musyawarah? Dan bagaimanakah kehidupan serta kemajuan umat manusia, khususnya di benua Asia dan dunia Islam, dapat dicapai melalui musyawarah?

Jawapan: Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Risalah Ikhlas, iaitu Kerdipan Cahaya Kedua Puluh Satu pada Risalah an-Nur, bahawa musyawarah yang sebenarnya akan melahirkan keikhlasan dan kesatuan. Sepertimana tiga

huruf alif¹¹ yang bersatu menjadi angka seratus sebelas, maka begitu juga tiga orang dengan keikhlasan dan perpaduan yang sejati, mampu memberi manfaat sebesar seratus orang kepada umat. Sejarah juga membuktikan bahawa dengan keikhlasan, perpaduan dan *musyawarah* yang sebenarnya, sepuluh orang mampu melaksanakan tugas seperti seribu orang.

Oleh sebab keperluan manusia adalah tidak bertepi, musuhnya pula tidak terhitung, sedangkan kekuatan dan sumbernya sangat terbatas, maka sudah pasti dia memerlukan satu titik pergantungan dan tempat memohon pertolongan yang datang daripada iman. Tambahan pula, pada zaman ini, ketiadaan agama telah menyebabkan ramai manusia bertindak ganas dan membawa kerosakan. Maka, untuk menghadapi musuh-musuh yang tidak terkira banyaknya dan memenuhi keperluan yang tidak berpenghujung, pergantungan kepada iman menjadi suatu keperluan yang mutlak. Sebagaimana kehidupan peribadi seseorang bergantung kepada iman, maka begitu juga kehidupannya sosial bergantung kepada musyawarah syarie yang lahir daripada hakikat iman. Hanya dengan cara ini sahajalah dia mampu menghentikan musuh-musuhnya dan membuka jalan untuk memenuhi segala keperluannya.

11. Alif: huruf pertama dalam abjad Bahasa Arab, ia ditulis dengan satu garisan menegak (!).

Lampiran Pertama

Bahagian Pertama: Terjemahan ringkas tambahan kepada teks arab Khutbah Syamiyah

Dalam Tambahan kepada Teks Arab Khutbah Syamiyah, terdapat sebuah perumpamaan yang sangat halus yang menggambarkan keberanian kerohanian, lahir daripada keimanan kepada Allah, yang tidak dapat dipatahkan. Di sini, kami akan kemukakan ringkasan dan penjelasannya.

Pada permulaan era pembebasan dalam Zaman Perlembagaan Kedua (1908–1918), aku telah menyertai lawatan Sultan Resyad ke wilayah Rumelia¹² sebagai wakil bagi wilayah Timur. Di dalam gerabak kereta api, telah berlaku satu perbincangan antara aku dan dua orang pelajar yang berpendidikan tinggi dalam ilmu pengetahuan sains. Mereka bertanya kepadaku: “*Yang manakah lebih penting dan lebih kuat, semangat keagamaan atau semangat kebangsaan?*” Aku menjawab:

Bagi kami umat Islam, agama dan bangsa secara asasnya bersatu. Perbezaan yang wujud hanyalah secara teori, luaran, dan bersifat sementara. Bahkan, agama adalah roh dan nyawa bagi semangat. Jika keduanya dilihat secara terpisah, semangat keagamaan akan merangkumi seluruh masyarakat, sama ada orang biasa mahupun golongan elit, manakala, semangat kebangsaan hanya terbatas kepada segelintir orang yang sanggup mengorbankan kepentingan

peribadi demi bangsa. Oleh itu, semangat agama perlu menjadi asas, manakala semangat kebangsaan berperanan sebagai pelindung dan pengukuhnya.

Khususnya bagi kita orang Timur, tidak seperti orang Barat, kerana dalam diri kita, rasa keberagamaanlah yang menguasai hati. Hakikat bahawa takdir Ilahi yang azali telah mengutuskan kebanyakan nabi ke Timur menunjukkan bahawa hanya semangat keagamaan yang mampu membangkitkan Timur dan mendorongnya ke arah kemajuan. Bukti yang kukuh bagi hal ini adalah Zaman Kenabian Muhammad SAW dan zaman para tabiin.

Wahai sahabat-sahabatku yang sedang belajar bersamaku dalam madrasah bergerak yang dinamakan kereta api ini! Kalian telah bertanya kepadaku: Yang mana satukah lebih patut diutamakan, semangat keagamaan atau semangat kebangsaan? Maka sekarang, wahai para pelajar zaman ini yang turut mengembara bersamaku menuju masa hadapan di dalam kereta api ini, dengarkanlah juga pesanku ini:

Semangat keagamaan dan semangat kebangsaan dalam Islam telah berpadu sepenuhnya dalam kalangan bangsa Turki dan Arab, sehingga tidak lagi dapat dipisahkan. Semangat Islam adalah suatu rantaian cahaya yang paling kuat dan kukuh, dan ia datang dari arasy Ilahi. Ia merupakan ‘urwatul-wuthqa, iaitu satu pegangan yang teguh dan tidak akan patah atau terputus. Ia juga merupakan sebuah benteng suci yang tidak dapat dirobohkan atau dikalahkan.

Sebaik sahaja aku menyatakan hal ini, dua orang pelajar yang cerdas itu bertanya kepadaku: “*Apakah buktinya?*

Sebuah dakwaan sebesar ini memerlukan hujah yang jelas dan dalil yang benar-benar kukuh. Apakah dalilnya?”

Pada saat itu, kereta api kami tiba-tiba keluar dari sebuah terowong. Kami menjenguk keluar dari tingkap dan terlihat seorang kanak-kanak yang belum pun mencecah usia enam tahun, berdiri hampir dengan landasan di mana kereta api akan lalu. Aku berkata kepada mereka:

Lihatlah, kanak-kanak ini sedang menjawab soalan kita melalui tindakannya. Biarlah dia menjadi guru kita dalam madrasah bergerak ini. Perhatikan bagaimana tindakannya menyampaikan satu hakikat yang mendalam:

Kalian dapat melihat bahawa kanak-kanak itu sedang berdiri hanya satu meter dari laluan kereta api, yang sebentar tadi menderu keluar dari terowong dengan bunyi yang menggerunkan. Meskipun ia mengaum dan mengancam dengan serangan yang menakutkan sambil seolah-olah berkata, “*Nahaslah bagi sesiapa yang berada di laluanku*”, namun, dengan keberanian yang luar biasa dan jiwa yang bebas, kanak-kanak tersebut tetap teguh berdiri di situ tanpa rasa gentar dan tidak menghiraukan ancaman raksasa ini. Dengan bahasa yang diperlihatkan melalui keadaannya, dia seolah-olah berkata: “*Wahai kereta api, engkau tidak akan mampu menakutkan aku dengan ngauamanmu!*”

Dengan keteguhan dan ketabahan jiwanya, dia seolah-olah berkata: “*Wahai kereta api! Engkau adalah tawanan kepada suatu sistem. Tali kekangmu berada di tangan pemandumu. Engkau tiada kuasa untuk mencederakanku, dan engkau tidak mampu menindasku. Teruskanlah*

perjalanamu, dan laluilah landasanmu dengan izin tuanmu.”

Wahai sahabat-sahabatku yang berada bersamaku di dalam kereta api ini, dan juga saudara-saudaraku yang akan mendalami ilmu sains lima puluh tahun kemudian! Bayangkanlah jika dua tokoh legenda yang terkenal dengan keberanian luar biasa, iaitu Rustam dari Parsi dan Hercules dari Yunani, dapat merentasi zaman dan menggantikan tempat kanak-kanak tersebut. Oleh sebab belum wujud kereta api pada zaman mereka, maka sudah tentu mereka tidak akan percaya bahawa kereta api tersebut bergerak mengikut aturan dan dikawal oleh suatu sistem. Maka apabila kereta api tiba-tiba meluncur keluar dari terowong, dengan nyalaan api di hadapannya, hembusan nafas seperti guruh dan matanya menyala bagaikan kilat, lihatlah bagaimana Rustam dan Hercules akan ketakutan dan segera melarikan diri. Meskipun mereka terkenal dengan keberanian yang luar biasa, mereka tetap akan berlari lebih jauh dari seribu meter.

Perhatikanlah bagaimana kebebasan dan keberanian mereka lebur di hadapan ancaman raksasa ini. Mereka tidak mampu berbuat apa-apa selain melarikan diri. Oleh sebab mereka tidak percaya bahawa makhluk itu memiliki pemandu dan bergerak menurut aturan, maka mereka tidak menganggapnya sebagai suatu tunggangan yang patuh. Sebaliknya, mereka membayangkannya sebagai seekor singa raksasa yang menarik dua puluh ekor singa sebesar gerabak di belakangnya.

Wahai saudara-saudaraku dan sahabat-sahabatku yang kelak akan mendengar kata-kataku ini lima puluh tahun kemudian! Lihatlah, kanak-kanak yang belum pun mencapai usia enam tahun ini telah dianugerahkan keberanian dan kebebasan yang jauh mengatasi dua orang wira itu. Sumber kekuatan luar biasa ini lahir daripada keyakinannya terhadap hakikat bahawa kereta api tersebut bergerak mengikut suatu aturan, tali kekangnya berada di tangan seorang pemandu, dan seluruh pergerakannya dikawal oleh suatu sistem. Kepercayaan yang menjadi benih hakikat dalam hatinya ini telah mengurniakannya ketenangan dan keberanian yang luar biasa.

Sebaliknya, dua orang wira itu telah dihantui ketakutan yang dahsyat dan hati nurani mereka menjadi tawanan kepada khayalan. Hal ini berpunca daripada kejihilan dan ketiadaan keyakinan, kerana mereka tidak mengetahui adanya pemandu dan tidak mempercayai kewujudan sistem yang mengatur perjalanan tersebut.

Keberanian yang lahir daripada keimanan si anak kecil ini menyerupai keberanian yang lahir dalam kalangan beberapa kabilah umat Islam, khususnya bangsa Turki dan bangsa-bangsa yang telah menjadi pengikut bangsa Turki. Dengan keimanan dan keyakinan yang telah berakar umbi dalam hati, mereka telah mengibarkan panji-panji Islam dengan segala kesempurnaan maknawi, menghadapi lebih daripada seratus bangsa dan negara di Asia, Afrika, dan separuh benua Eropah selama ratusan tahun. Mereka telah menghadapi kematian dengan senyuman sambil berkata: “*Jika aku mati, aku menjadi syahid, dan jika aku membunuh,*

aku menjadi pahlawan Islam.”

Terutama sekali bangsa Turki dan Arab, serta seluruh umat Islam, tanpa adanya rasa gentar, akan menghadapi segala bentuk arus musibah yang berterusan di dunia ini serta ancaman ‘kereta api yang menggerunkan’ yang dianggap ancaman kepada kehidupan tabii manusia yang menyeluruh, daripada sekecil-kecil mikroorganisma sehingga ke komet-komet. Melalui keimanan yang kukuh terhadap *qada'* dan *qadar*, mereka tidak merasa takut. Sebaliknya, mereka memperoleh hikmah, mengambil pelajaran, dan mencapai seumpama kebahagiaan duniawi. Hakikat bahawa mereka menjadi seperti kanak-kanak suci itu, yang memperlihatkan keberanian luar biasa membuktikan bahawa, sebagaimana umat Islam akan menjadi ahli syurga di akhirat, maka di dunia ini juga, Islamlah yang akan menjadi penguasa masa hadapan.

Dalam kedua-dua perumpamaan ini, punca utama kepada ketakutan dan kegelisahan luar biasa yang dialami oleh dua orang wira itu adalah ketidakpercayaan, kejahilan dan kesesatan mereka. Risalah an-Nur telah membuktikan hakikat kebenaran ini dengan ratusan hujah yang kukuh, sebagaimana yang telah disebutkan dalam mukadimah risalah ini. Hakikatnya adalah seperti berikut:

Kekufuran dan kesesatan memperlihatkan kepada golongan sesat bahawa seluruh alam semesta ini dipenuhi dengan ribuan musuh yang dahsyat. Daripada sistem suria hingga ke bakteria tuberkulosis di dalam tubuh manusia, ribuan jenis musuh menyerang insan yang malang itu

dengan ‘kekuatan yang buta’, ‘kebetulan tanpa tujuan’ dan ‘semula jadi’ yang tuli.

Ia memperlihatkan kepada insan yang memiliki hakikat diri yang mencakupi potensi yang luas, keperluan tanpa had dan keinginan tanpa batas, betapa mereka sentiasa dihimpit dengan ketakutan, kesakitan dan kegelisahan yang berterusan. Oleh itu, kekufuran dan kesesatan menjadi seumpama pohon zakum neraka yang menjerumuskan pemiliknya ke dalam neraka dunia sebelum neraka di akhirat.

Segala ilmu dan kemajuan manusia yang tidak berlandaskan agama dan iman, tidak mampu memberikan sebarang manfaat yang sebenar. Sebagaimana keberanian Rustam dan Hercules yang tidak berguna dalam menghadapi kereta api, demikianlah segala kemajuan tanpa iman. Sebaliknya, ia hanya menjadi ‘suntikan’ untuk memabukkan hati yang takut melalui hiburan dan kelalaian sementara.

Maka, sebagaimana keimanan dan kekufuran memberikan hasil Syurga dan Neraka di akhirat, demikian juga di dunia ini, keimanan membawa kepada syurga maknawi dan menjadikan kematian sebagai pelepasan daripada tugas. Manakala kekufuran pula membawa kepada neraka maknawi dan menghancurkan kebahagiaan hakiki insan, serta menjadikan kematian sebagai kelenyapan abadi. Kami menyerahkan perincian tentang hakikat ini kepada ratusan hujah kukuh dalam Risalah an-Nur dan mencukupkan di sini dengan penjelasan yang ringkas.

Jika engkau ingin melihat hakikat kebenaran dalam

perumpamaan ini, angkatlah kepalamu dan renungilah alam semesta ini. Perhatikanlah betapa banyaknya kenderaan seperti kereta api, belon udara, kereta, kapal terbang, kapal darat dan laut. Lihatlah juga planet-planet, bintang-bintang, serta rangkaian peristiwa-peristiwa di darat, di laut dan di udara, kesemuanya ini diciptakan oleh kekuasaan azali dengan aturan dan hikmah yang sempurna.

Sesiapa yang memiliki akal dan mata hati pasti dapat melihat sebahagian besar daripada rangkaian ini di dalam dunia nyata dan membenarkan kewujudannya. Begitu juga, dia akan mengakui bahawa di alam roh dan batin terdapat lebih banyak peristiwa menakjubkan yang diciptakan oleh kekuasaan azali.

Maka, semua rangkaian kejadian ini, baik yang bersifat material maupun maknawi, menyerang, mengancam dan menakutkan golongan sesat yang tidak beriman. Ia melemahkan kekuatan moral dan kerohanian mereka. Namun bagi orang beriman, ia adalah sebaliknya, bukan sahaja tidak ada ancaman dan ketakutan, malah mereka menerima semuanya itu dengan kegembiraan, kebahagiaan, keakraban, harapan dan kekuatan.

Hal ini demikian kerana, orang yang beriman mengetahui dengan cahaya imannya, bahawa semua rangkaian peristiwa yang tidak terhingga itu, semua kereta api material dan maknawi, serta seluruh alam semesta yang bergerak, kesemuanya ini diatur dengan penuh hikmah dan teratur oleh Pencipta Yang Maha Bijaksana. Tiada satu pun yang tersasar daripada tugasnya atau saling bertentangan sesama

sendiri.

Mereka yang beriman melihat dengan cahaya imannya bahawa semua peristiwa ini mempamerkan keindahan seni-Nya dan manifestasi keindahan-Nya dalam alam ini. Dengan itu, kekuatan rohani mereka menjadi sempurna, dan iman menunjukkan kepada mereka contoh kecil daripada kebahagiaan abadi.

Sebaliknya, tiada apa-apa, tiada sains atau sebarang kemajuan manusia pun, yang mampu memberikan ketenangan atau kekuatan rohani kepada golongan yang sesat, atau menghilangkan ketakutan dan penderitaan yang dahsyat akibat kehilangan iman. Kekuatan hati mereka hancur berkecaci. Sebenarnyalah, tirai kelalaian yang menutup mata mereka buat seketika untuk memperdayakan mereka.

Orang-orang beriman pula, dengan cahaya iman, memandang semua kejadian ini bukan dengan ketakutan, tetapi dengan kekuatan rohani, ketabahan yang luar biasa, serta hakikat kebenaran dalam keimanan, sebagaimana si anak kecil dalam perumpamaan tadi. Mereka melihat perancangan dan kehendak Pencipta Yang Maha Bijaksana di dalam lingkaran hikmah-Nya, dan mereka terselamat daripada segala khayalan dan ketakutan.

Mereka memahami dan berkata: “*Tanpa izin dan perintah Pencipta Yang Maha Bijaksana, makhluk-makhluk alam semesta ini tidak akan bergerak, malah tidak mampu berbuat apa-apa.*” Dengan keyakinan yang sempurna, mereka mencapai darjat kebahagiaan dalam kehidupan

dunia ini menurut tahap keimanan mereka.

Sebaliknya, sesiapa yang hatinya tidak mengandungi benih hakikat yang datang daripada iman dan agama yang benar, dan tiada titik sandaran dalam dirinya, maka seperti Rustam dan Hercules dalam perbandingan itu, keberanian dan kekuatan moralnya akan hancur dan nuraninya akan binasa. Dia akan menjadi tawanan kepada semua kejadian di alam semesta, menjadi pengemis yang ketakutan di hadapan segala sesuatu.

Oleh kerana Risalah an-Nur telah membuktikan hakikat yang berkait dengan keimanan dan kengerian azab yang dibawa oleh kesesatan dunia melalui ratusan bukti yang tegas, maka kami ringkaskan kebenaran yang luas ini seperti berikut:

Manusia pada zaman ini telah menyedari bahawa keperluan terbesarnya adalah kekuatan moral dan rohani, ketenangan serta ketabahan. Namun, sekiranya mereka meninggalkan prinsip Islam dan hakikat iman, yang menjadi tempat pergantungan bagi kekuatan rohani serta sumber ketenangan dan kebahagiaan, lalu sebaliknya bersandar pada kesesatan, kelalaian, hiburan yang melalaikan, politik kotor dan tipu daya duniawi atas nama modenisasi Barat, ketahuilah betapa jauhnya tindakan mereka itu daripada kemaslahatan manusia dan manfaat kemanusiaan. Dalam masa yang sangat hampir, umat manusia, khususnya umat Islam, akan menyedari kebenaran ini. Jika dunia ini masih berlanjutan, mereka akan kembali berpegang teguh kepada hakikat-hakikat kebenaran al-Quran.

Lampiran Pertama: Bahagian Kedua

Sebagaimana dalam perumpamaan terdahulu, pada permulaan Zaman Perlembagaan Kedua, beberapa orang wakil rakyat yang mempunyai kesedaran agama telah berkata kepada Said Lama:

“Engkau menjadikan politik sebagai alat untuk agama dan Syariat dalam setiap urusan. Engkau menyokong kebebasan hanya demi Syariat, dan engkau menyukai pemerintahan berperlembagaan selagi ia sejajar dengannya. Ini menunjukkan bahawa kebebasan dan pemerintahan berperlembagaan tidak boleh wujud tanpa Syariat. Oleh sebab inilah, mereka telah mengaitkan engkau bersama golongan yang menyeru ‘Kami mahukan Syariat’ dalam Peristiwa 31 Mac.”

Said Lama menjawab: “*Ya, kebahagiaan umat Islam hanya boleh dicapai melalui hakikat-hakikat kebenaran Islam. Kehidupan bermasyarakat dan kebahagiaan dunia ini mereka hanya dapat dipelihara dengan pelaksanaan syariat Islam. Jika tidak, keadilan akan musnah, keamanan akan runtuh, akhlak akan menjadi rosak, sifat-sifat keji akan berleluasa, dan segala urusan akan jatuh ke tangan para pendusta dan penjilat.*” Sebagai salah satu bukti daripada ribuan hujah, aku ingin menyampaikan kisah berikut kepada kalian:

Pada suatu masa, seorang lelaki menjadi tetamu kepada seorang ahli hakikat dalam kalangan orang Badwi di padang pasir. Dia melihat bahawa penduduk di situ tidak begitu menjaga harta benda mereka. Bahkan, tuan rumah tersebut

meletakkan wang secara terbuka di sudut rumahnya. Tetamu itu bertanya kepada tuan rumah:

“Tidakkah kamu takut akan kecurian, sedangkan kamu membiarkan hartamu terdedah begitu sahaja?”

Tuan rumah menjawab: *“Di tempat kami, tidak ada kecurian.”*

Tetamu itu berkata: *“Kami, walaupun menyimpan wang di dalam peti berkunci, namun tetap sering mengalami kecurian.”*

Tuan rumah menjawab: *“Kami, atas nama perintah Ilahi dan demi keadilan Syariat, akan memotong tangan pencuri.”*

Tetamu itu terkejut lalu berkata: *“Kalau begitu, pasti ramai di antara kamu yang tidak mempunyai tangan.”*

Tuan rumah berkata: *“Aku sudah berusia lima puluh tahun, dan sepanjang hidupku, aku hanya menyaksikan sekali sahaja tangan dipotong.”*

Tetamu itu kehairanan dan berkata: *“Di negara kami, walaupun setiap hari lima puluh orang dipenjarakan kerana mencuri, namun kesannya tetap tidak menyamai satu per seratus pun daripada keberkesanan keadilan di sini.”*

Tuan rumah berkata: *“Kalian telah lalai dan meninggalkan satu hakikat yang besar, suatu rahsia yang kuat dan menakjubkan. Disebabkan kelalaian itu, kalian telah kehilangan hakikat sebenar keadilan. Di tempat*

kalian, di sebalik tabir keadilan, terdapat campur tangan kepentingan peribadi, kezaliman dan sikap berpuak yang melampau. Maka, hukuman kalian menjadi tidak berkesan.”

Rahsia hakikat itu adalah seperti berikut: Di tempat kami, sebaik sahaja seorang pencuri menghulurkan tangannya untuk mengambil harta orang lain, dia segera mengingatkan dirinya akan perlaksanaan hukuman Syariat. Perintah yang diturunkan dari Arasy Illahi segera terlintas di fikirannya. Dengan rasa keimanan dan melalui telinga hatinya, dia seolah-olah mendengar firman Allah yang memerintahkan hukuman ke atas pencuri:

السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوْا أَيْدِيهِمَا

Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan mereka. (Surah al-Maaidah: 38)

Dengan itu, keimanan dan perasaan luhur dalam dirinya segera bangkit melawan kecenderungan untuk mencuri itu. Dari seluruh jiwanya dan dari kedalaman hati nuraninya, lahir satu keadaan yang menyerang keinginan untuk mencuri itu. Kecenderungan yang lahir daripada nafsu dan syahwat itu ditekan, disekat, dan beransur-ansur dipadamkan, sehingga akhirnya ia lenyap sama sekali. Bukan hanya fikiran dan khayalan yang menolak kecenderungan itu, bahkan seluruh kekuatan rohaninya, iaitu akal, hati serta nurani, turut bangkit menentangnya. Dengan mengingati hukuman Syariat, hati nurani pencuri tersebut menentang hasrat jahat itu dan mendiamkannya.

Benar, iman menanamkan dalam hati dan fikiran

manusia suatu ‘penjaga rohani’. Apabila kecenderungan jahat muncul daripada nafsu dan perasaan, penjaga ini akan berkata: “*Perkara ini adalah dilarang*”, lalu menghalaunya pergi.

Segala perbuatan manusia lahir daripada kecenderungan hati dan emosinya, yang berpunca daripada kepekaan dan kehendak rohnya. Roh pula digerakkan oleh cahaya keimanan. Jika sesuatu perbuatan itu baik, dia akan melakukannya, manakala jika perbuatan itu buruk, dia akan berusaha menahan dirinya. Maka, dorongan nafsu yang membuta tuli tidak lagi dapat mengalahnya dan mengheretnya ke jalan yang salah.

Kesimpulannya: Apabila hukuman dan pembalasan dilaksanakan atas nama perintah Ilahi dan keadilan-Nya, maka roh, akal, hati, nurani dan seluruh angota batin manusia akan terkesan dan turut terlibat. Oleh sebab itulah, pelaksanaan satu hukuman dalam lima puluh tahun lebih berkesan daripada memenjarakan ramai orang setiap hari. Hukuman kamu hanya memberi kesan kepada daya khayalan semata-mata. Hal ini demikian kerana, apabila seseorang itu berniat untuk mencuri, dia hanya memikirkan kemungkinan hukuman demi kemaslahatan negara, kebijakan umum, atau dia takut akan kecaman masyarakat sekiranya perbuatannya diketahui. Atau dia bimbang akan kemungkinan dipenjarakan oleh kerajaan. Ketika itu, hanya bayangan kecil dalam khayalannya yang terkesan. Sedangkan, kecenderungan jahat yang timbul daripada nafsu dan syahwat, terutamanya ketika dia dalam kemiskinan, akan mengatasi penghalang-penghalang yang

kecil itu. Maka, hukumanmu tidak berjaya menghalangnya daripada melakukan kejahatan. Tambahan pula, oleh sebab hukuman itu tidak dilaksanakan atas nama perintah Ilahi, ia tidak akan menjadi keadilan yang sebenar. Hukuman itu akan menjadi sia-sia, seperti orang yang menunaikan solat tanpa wuduk dan tidak menghadap kiblat. Maka, keadilan yang sebenar dan hukuman yang berkesan hanyalah yang dilaksanakan atas nama perintah Allah SWT. Jika tidak, kesannya hanya sedikit.

Demikianlah, segala perintah universal dan menyeluruh daripada Allah boleh dibandingkan dengan persoalan kecil dalam contoh kes pencurian ini, supaya dapat difahami bahawa kebahagiaan dan kesejahteraan manusia di dunia hanya boleh dicapai melalui keadilan. Dan keadilan itu hanya dapat dicapai melalui jalan yang ditunjukkan oleh al-Quran.

(Tamatlah sudah ringkasan kisahnya.)

Telah diilhamkan ke dalam hatiku bahawa, sekiranya umat manusia tidak segera sedar dan tidak menubuhkan mahkamah yang menghakimi atas nama keadilan Ilahi dan berdasarkan kepada hakikat kebenaran Islam, maka malapetaka besar, sama ada yang bersifat material maupun rohani, akan menimpa mereka; dan mereka akan menyerah kalah kepada anarki¹³ dan kekacauan seperti Yakuj dan Makjuj. Said Lama telah menyampaikan kisah ini kepada

13. Anarki merujuk kepada keadaan huru-hara akibat ketiadaan undang-undang dan pemerintahan.

sebahagian wakil-wakil agama pada zamannya. Ia juga telah ditulis empat puluh lima tahun yang lalu dalam lampiran bahasa Arab bagi Khutbah Syamiyah, dan telah dicetak sebanyak dua kali.¹⁴

Kini, oleh sebab kisah ini dan perbandingan sebelumnya lebih sesuai dengan zaman sekarang berbanding zaman

14. Disebabkan kami tidak memahami Bahasa Arab, maka kami telah meminta Ustaz agar memberikan pengajaran kepada kami selama satu atau dua hari tentang risalah Bahasa Arab beliau yang telah diterbitkan dengan judul Khutbah Syamiyah. Dalam masa beberapa hari, kami mencatat syarahan yang beliau sampaikan. Ketika Ustaz mengajar, beliau sering mengulangi sebahagian isi supaya lebih melekat dalam ingatan kami. Kami mendapati bahawa kisah dan perumpamaan yang disebutkan pada akhir risalah itu amat bermanfaat dalam menjelaskan persoalan yang sedang dibincangkan. Oleh itu, kami memilih untuk mempersempit bahagian ini terlebih dahulu kepada perhatian para ahli akademik dan para wakil rakyat yang mendukung agama. Hal ini demikian kerana, ketika Ustaz [Badiuzzaman Said Nursi] memulakan pelajarannya ini, beliau berkata: *“Aku membayangkan kalian sebagai mengantikan dua orang guru muda dari sekolah moden dalam kereta api itu, dan aku membayangkan para wakil rakyat yang ikhlas beragama pada zaman ini di tempat wakil rakyat empat puluh lima tahun dahulu yang mengemukakan persoalan tentang syariat.”* Seterusnya, jika mereka mahu, kami boleh menunjukkan seluruh catatan kami tentang Khutbah Syamiyah, dan jika perlu, kami boleh menerbitkannya. Kami sebenarnya ingin mendapatkan satu pelajaran mengenai politik Islam daripada guru kami. Namun, memandangkan beliau telah meninggalkan bidang politik sejak tiga puluh lima tahun yang lalu, maka beliau memilih untuk mengajarkan kepada kami terjemahan Khutbah Syamiyah ini, yang menyentuh aspek politik Islam. Maka, pengajaran ini dianggap sebagai pelajaran daripada Said Lama.

Ditandatangani: Para pelajar beliau, Tahiri, Zübeyr, Bayram, Ceylan, Sungur, Abdullah, Ziya, Sadık, Hüsnü, dan Hamza.

dahulu, maka kami mempersembahkannya kepada para wakil agama yang ikhlas, agar mereka mengambil perhatian.

Said Nursi

Lampiran Pertama: Bahagian Ketiga

[Bahagian Tambahan ini terdiri daripada beberapa artikel surat khabar yang ditulis oleh Badiuzzaman Said Nursi empat puluh dua tahun yang lalu.]

Hidup Syariat Islam yang Agung!

Akhbar Volkan No. 73

21 Safar 1327 / 14 Mac 1909

Wahai para ahli parlimen!

Aku akan menyampaikan satu ayat yang panjang, namun amat padat dan mendalam. Perhatikanlah dengan teliti, kerana di sebalik kepanjangannya tersembunyi kepadatan makna. Berikut ialah kandungannya:

Keadilan, musyawarah, dan penghimpunan kuasa dalam undang-undang - yang disebut sebagai pemerintahan berperlembagaan dan undang-undang asas - pada hakikatnya bukanlah sekadar gelaran luaran semata-mata; sebaliknya, semua ini menunjukkan dan merujuk kepada Pemilik Hakiki yang sebenar, iaitu Tuhan yang memiliki segala gelaran kemuliaan Yang Maha Agung; yang memberi kesan serta mengandungi keadilan mutlak; yang menjadi titik pergantungan kita; yang menjadikan pemerintahan berperlembagaan bersandar pada asas yang kukuh; yang

menyelamatkan orang yang ragu dan waswas daripada jurang kebingungan; yang menjamin masa depan kehidupan dunia dan akhirat kita; yang menyelamatkan kamu daripada campur tangan tanpa izin terhadap hak-hak Allah yang juga merupakan kepentingan bersama umat manusia; yang memelihara kehidupan ummat; yang menarik perhatian seluruh fikiran masyarakat; yang menunjukkan keteguhan, kesempurnaan, dan kewujudan kita kepada bangsa asing; yang menyelamatkan kamu daripada hukuman duniawi dan ukhrawi; yang membentuk kesatuan dalam matlamat dan hasil; yang melahirkan fikrah umum, sebagai roh kepada kesatuan itu; yang menghalang unsur-unsur peradaban yang rosak daripada menceroboh sempadan kebebasan dan peradaban kita; yang menyelamatkan kita daripada menjadi pengemis kepada Eropah; yang, kerana rahsia keajaibannya, memintas jarak kemajuan yang panjang dalam masa yang singkat; yang, dengan menyatukan bangsa Arab, Turki, Parsi dan Semit, memberikan nilai besar kepada kita dalam masa yang singkat; yang menampilkan identiti kolektif kerajaan sebagai sebuah pemerintahan Islam; yang, dengan memelihara asas roh undang-undang dan Artikel Kesebelas¹⁵, menyelamatkan kamu daripada penipuan sumpah yang palsu; yang membuktikan kepalsuan sangkaan lama Eropah terhadap kita; yang mengesahkan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah penutup para nabi dan bahawa syariatnya itu kekal abadi; yang menjadi benteng terhadap ateisme yang memusnahkan peradaban; yang, dengan

15. Artikel 11 Perlumbagaan: Setiap rakyat Uthmaniyyah bebas mengamalkan agama mereka selagi tidak mengganggu ketenteraman awam dan moral yang baik.

cahaya sucinya, menghapuskan kegelapan perbezaan pandangan dan perpecahan idea; yang menyatukan para ulama dan pendakwah, menjadikan mereka berkhidmat demi kebahagiaan umat dan perlaksanaan pemerintahan berperlembagaan yang sah menurut syariat; yang, kerana keadilan mutlak-Nya yang penuh rahmat, mengikat hati golongan bukan Islam dengan lebih erat; yang menjadikan orang paling penakut dan awam pun turut merasai semangat sebenar kemajuan, pengorbanan dan cinta akan tanah air seperti mereka yang paling berani dan mulia; yang menyelamatkan kita dari kerosakan moral, pembaziran dan keperluan tidak perlu yang memusnahkan peradaban; yang menghidupkan semangat bekerja dengan membangunkan kehidupan dunia sambil memelihara akhirat; yang mengajarkan prinsip-prinsip akhlak yang mulia dan perasaan luhur sebagai asas kepada kehidupan bertamadun; yang membebaskan kamu, wahai ahli parlimen, daripada beban tuntutan lima puluh ribu rakyat yang menuntut hak mereka daripada kamu; yang menjadikan kamu sebagai contoh kecil yang sah hasil daripada kesepakatan umat (ijmak); yang menjadikan amalan kamu sebagai ibadah kerana niat yang ikhlas; dan yang menyelamatkan kamu dari perancangan jahat dan jenayah terhadap kehidupan spiritual tiga ratus juta umat Islam.

Jika kamu memperkenalkan semua ini atas nama Syariat Islam yang Mulia, menjadikannya sumber hukum dan melaksanakan prinsip-prinsipnya, maka dengan segala manfaat yang dibawanya, apakah sebenarnya kerugian yang akan kamu tanggung?

Wassalam.

Hidup Syariat Islam yang agung!

Said Nursi

Hidup Syariat Nabi Muhammad SAW!

Akhbar Volkan No. 77

25 Safar 1327 / 18 Mac 1909

Sesungguhnya syariat yang nyata ini bersumber daripada firman Allah yang azali, maka ia akan kekal abadi. Keselamatan kita daripada penindasan hawa nafsu ammarah hanya dapat dicapai dengan bersandar kepada Islam, dan berpegang teguh kepada tali Allah yang kukuh. Kebebasan yang hakiki hanya dapat dinikmati dengan kekuatan iman. Hal ini demikian kerana, seseorang yang benar-benar menjadi hamba dan khadam kepada Pencipta Alam Semesta, tidak akan merendahkan diri dalam kehinaan kepada manusia. Setiap individu adalah pemimpin dalam dunianya sendiri, dan bertanggungjawab melaksanakan jihad yang lebih besar, iaitu perjuangan melawan hawa nafsunya. Dia juga diperintahkan untuk mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW, serta menghidupkan sunnah baginda dalam kehidupannya.

Wahai para pemimpin! Jika kalian menginginkan kejayaan, maka bertindaklah selari dengan hukum-hukum ciptaan Allah. Jika tidak, kalian akan menghadapi kegagalan sebagai hasilnya. Hakikat bahawa para nabi kebanyakannya diutus di wilayah Islam dan Uthmaniyyah adalah petunjuk

daripada takdir Ilahi bahawa agama adalah kuasa utama yang menggerakkan kemajuan umat. Bunga-bunga yang tumbuh di ladang Asia dan Afrika serta kebun di Rumelia akan berkembang dengan cahaya Islam.

Agama tidak wajar dikorbankan demi kepentingan dunia. Suatu masa dahulu, hukum-hakam agama telah dijadikan alat untuk mempertahankan kezaliman yang akhirnya lenyap juga.

Apakah manfaat yang diperoleh daripada pengabaian dan mengorbankan perkara-perkara agama selain daripada kerugian? Penyakit utama yang melanda hati umat ini adalah kelemahan iman, ia hanya boleh disembuhkan dengan memperkuatkan pegangan agama.

Masyarakat kita berpegang pada jalan kasih sayang sesama umat Islam dan menolak permusuhan, dengan saling membantu dalam semangat persaudaraan dan menghancurkan unsur-unsur kebencian.

Pendekatan kita pula adalah menghidupkan akhlak Nabi Muhammad SAW dan Sunnah Baginda. Panduan kita adalah syariat yang terang; pedang kita adalah dalil-dalil yang jelas; dan matlamat kita adalah meninggikan Kalimah Allah. Setiap orang yang beriman tergolong secara maknawi dalam jemaah kami, manakala penyertaan secara zahir pula adalah dengan keazaman yang teguh untuk menghidupkan Sunnah Nabi Muhammad SAW dalam kehidupannya. Seruan pertama kami adalah kepada para ulama, masyaikh dan penuntut ilmu, agar berganding bahu dalam memperjuangkan syariat Islam.

Said Nursi

Peringatan Khas

Golongan wartawan yang dianggap sebagai pemidato umum telah menjerumuskan masyarakat ke dalam kebinasaan melalui dua perbandingan yang salah.

Pertama, mereka membandingkan wilayah-wilayah lain dengan Istanbul, sedangkan, jika anak kecil yang belum mengenal huruf diajarkan falsafah, pelajarannya akan menjadi dangkal dan sia-sia.

Kedua, mereka membandingkan Istanbul dengan Eropah, sedangkan, jika seorang lelaki memakai pakaian yang diperindah untuk seorang wanita, dia hanya akan menjadi bahan ejekan dan hinaan orang lain.

Said Nursi

Hakikat

Akhbar Volkhan No. 70
18 Safar 1327 / 11 Mac 1909

Kita adalah umat yang tergolong dalam Kesatuan Nabi Muhammad SAW (Ittihad-i Muhammedi) sejak alam azali, ketika manusia memikul amanah dan bersaksi bahawa Allah adalah Tuhan kita.¹⁶ Asas kesatuan kita adalah tauhid, dan sumpah setia kita adalah iman. Maka, jika kita bertauhid, kita juga semestinya bersatu. Setiap orang yang beriman bertanggungjawab untuk meninggikan Kalimah

16. Surah al-A'raaf: 172

Allah. Pada zaman ini, cara yang paling berkesan untuk melaksanakannya adalah dengan mencapai kemajuan dalam ilmu dan industri. Hal ini demikian kerana bangsa asing sedang menindas kita dengan senjata ilmu pengetahuan dan teknologi. Maka, kita juga mesti berjuang dengan ilmu dan industri untuk melawan kejahilan, kemiskinan, dan perpecahan pemikiran yang merupakan musuh terbesar dalam usaha meninggikan Kalimah Allah.

Adapun jihad secara luaran pula, kita serahkan kepada hujah-hujah syariat yang tajam seperti pedang yang bersinar, dengan dalil-dalil yang pasti dan kukuh. Sesungguhnya, mengalahkan bangsa yang bertamadun mestilah dilakukan melalui hujah, bukan dengan paksaan seperti terhadap kaum liar yang tidak memahami hakikat kebenaran. Kita adalah pejuang kasih sayang; kita tiada masa untuk permusuhan.

Sistem Republik¹⁷ adalah bentuk pemerintahan yang berasaskan keadilan, musyawarah, dan kuasa yang tertakluk kepada undang-undang. Syariat yang mulia telah ditegakkan sejak 13 abad yang lalu, maka pergantungan kepada Eropah dalam urusan hukum adalah suatu jenayah yang besar terhadap Islam, seumpama mendirikan solat dengan menghadap ke arah utara. Kekuasaan mesti berada dalam undang-undang. Jika tidak, kezaliman akan berleluasa. Ungkapan *إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْقَوِيُّ الْمُتَّيْنُ* yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Teguh”, mesti menjadi penguasa dalam hati manusia. Hal ini hanya dapat dicapai melalui ilmu yang sempurna, peradaban yang

17. Pada waktu itu, bentuk pemerintahan ini disebut “Meşrutiyet” (ber-perlembagaan), kini ia dikenali sebagai “Sistem Republik”.

meluas atau berteraskan ajaran Islam. Jika tidak, kezaliman akan terus bermaharajalela.

Kesatuan hanya dapat dicapai melalui petunjuk Allah, bukan melalui hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Manusia diberi kebebasan, tetapi mereka tetap adalah hamba Allah. Segala sesuatu kini telah bebas, begitu juga syariat dan sistem pemerintahan berasaskan perlembagaan. Kita tidak akan memperdagangkan hukum syariat demi kepentingan dunia. Kesalahan orang lain bukan alasan untuk menghalalkan kesalahan diri sendiri.

Putus asa adalah penghalang kepada segala kesempurnaan. Sikap “*Apa peduliku, biarlah orang lain yang fikirkan*” adalah warisan kezaliman. Disebabkan aku tidak begitu menguasai Bahasa Turki, maka aku serahkan kepada kebijaksanaan para pembaca untuk mengaitkan makna antara kalimat-kalimat ini.

Said Nursi

Suara Kebenaran

Akhbar Volkhan No. 86

5 Rabiulawal 1327 / 27 Mac 1909

Jalan Nabi Muhammad SAW adalah suci daripada sebarang keraguan dan tipu daya. Oleh itu, ia tidak perlu disembunyikan sehingga boleh menimbulkan sebarang keraguan atau muslihat padanya. Tambahan pula, kebenaran yang begitu agung, luas, dan mencakupi segala-galanya ini tidak mungkin dapat disembunyikan, terutamanya dalam menghadapi umat zaman ini. Bagaimana mungkin lautan

luas dapat disimpan di dalam bejana yang kecil?

Aku tegaskan sekali lagi: Dasar penyatuan dalam Kesatuan Nabi Muhammad SAW, yang hakikatnya adalah Kesatuan Islam, adalah Tauhid, iaitu keimanan kepada keesaan Allah. Sumpah dan ikraranya adalah keimanan. Majlis dan perhimpunan jemaahnya adalah masjid, madrasah, dan zawiyah (tempat pertemuan ahli sufi). Keahlianya terdiri daripada setiap orang yang beriman. Peraturannya adalah sunnah Nabi Muhammad SAW. Undang-undangnya adalah perintah dan larangan syariat. Kesatuan ini bukanlah sekadar suatu persatuan yang biasa, tetapi suatu bentuk ibadah.

Menyembunyikan sesuatu kebenaran kerana takut adalah sebahagian daripada sifat riyak, sedangkan dalam melaksanakan kewajipan agama, tidak ada riyak. Kewajipan yang paling utama pada masa ini adalah memperjuangkan Kesatuan Islam. Matlamat utama kesatuan ini sangat luas dan menyeluruh; ia bertujuan untuk menggerakkan rangkaian spiritual yang menghubungkan seluruh pusat dan tempat ibadah Islam, agar mereka yang terikat dengannya dapat sedar dan ter dorong ke arah kemajuan melalui seruan ke atas hati nurani mereka, bukan melalui paksaan.

Kesatuan ini berdiri atas dasar kasih sayang, dan ia memusuhi kejahilan, kemiskinan, dan kemunafikan. Orang bukan Islam tidak perlu khuatir kerana kesatuan ini tidak menentang mereka, tetapi hanya memusuhi tiga perkara tersebut. Pendekatan kita terhadap orang bukan Islam adalah meyakinkan mereka dengan hujah, kerana kita

menganggap mereka sebagai bangsa bertamadun. Misi kita adalah menjadikan Islam dikasih dan dimuliakan, kerana kita menganggap mereka sebagai orang yang bersikap adil dalam menilai kebenaran. Golongan yang lalai perlu sedar bahawa mereka tidak akan dapat menarik perhatian atau meraih kasih sayang bangsa asing dengan meninggalkan agama. Sebaliknya, mereka hanya membuktikan bahawa mereka adalah orang yang tidak berprinsip. Hidup tanpa prinsip adalah seperti anarki, dan anarki tidak akan diterima oleh sesiapa. Mereka yang menyertai kesatuan ini dengan kefahaman yang hakiki tidak akan keluar daripadanya hanya kerana meniru golongan tersebut secara membuta tuli. Kini, kami mengemukakan kepada masyarakat segala pemikiran, prinsip dan hakikat Kesatuan Nabi Muhammad SAW yang sebenarnya merupakan Kesatuan Islam. Jika ada sesiapa yang mempunyai bantahan, silakan kemukakannya; kami bersedia menjawabnya.

جُمْلَه شِيرَانْ جَهَانْ بَسْتَهِ اِيْنْ سِلْسِلَه آنْدْ رُوبَه آرْ حِيلَه چَه سَانْ
بِگُسْلَدْ اِيْنْ سِلْسِلَه رَا

Semua singa dunia telah terikat dalam rantai ini. Maka, bagaimana mungkin ia dapat diputuskan dengan tipu daya?

Said Nursi

Petikan yang Aku Tertinggal daripada Bahagian “Fihrasat al-Maqasid”

Akhbar Volkan No. 83, 84

Aliran pendidikan moden haruslah terdiri daripada

sebahagian ahli madrasah, agar ia dapat disucikan daripada kekeliruan dan kecelaruan. Hal ini demikian kerana, ilmu yang datang dengan kekaburan dan tercemar oleh sumber yang lain, yang muncul daripada lumpur kemalasan dan bernafas dalam racun kezaliman serta ditekan oleh penindasan pemikiran, boleh menimbulkan kesan yang bertentangan dengan tujuan sebenar. Oleh itu, ia perlu ditapis melalui saringan syariah. Tanggungjawab ini diserahkan kepada kesungguhan golongan agama.

وَالسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدًى

Salam sejahtera ke atas mereka yang mengikuti petunjuk.

Said Nursi

Menghilangkan Segala Keraguan (Waham)

Akhbar Volkan No. 90,
9 Rabiulawal 1327 / 31 Mac 1909

Aku akan menjawab sembilan waham yang telah dikaitkan dengan jemaah ‘Kesatuan Islam Nabi Muhammad (Ittihad-1 Muhammedi).

Waham Pertama: Pada zaman yang genting ini, membangkitkan isu agama dianggap tidak sesuai.

Jawapan: Kami mencintai agama, dan kami juga mencintai dunia ini kerana agama.

لَا خَيْرٌ فِي الدُّنْيَا بِلَا دِينٍ

Tiada kebaikan di dunia ini tanpa agama.

Kedua, oleh sebab dalam sistem pemerintahan berperlembagaan, kuasa berada di tangan rakyat, maka kewujudan rakyat perlu ditunjukkan. Bangsa kita hanyalah Islam. Hal ini demikian kerana hubungan dan jati diri paling kuat bagi bangsa Arab, Turki, Kurdi, Albania, Circassian, dan Laz tidak lain tidak bukan hanyalah Islam. Sedikit kelalaian terhadap agama telah membuka jalan kepada perpecahan dalam kepemimpinan dan menghidupkan kembali semangat asabiah Jahiliah yang telah mati sejak 13 abad yang lalu. Akibatnya, fitnah dan kekacauan timbul, dan kini kita telah menyaksikannya.

Waham Kedua: Adakah penggunaan nama ‘Kesatuan Islam Nabi Muhammad’ ini secara khusus, telah menyebabkan mereka yang tidak menyertainya merasa risau dan cemas?

Jawapan: Aku telah menyatakan sebelum ini. Sama ada mereka tidak mengkaji atau mereka telah tersalah faham, maka aku terpaksa mengulanginya. Ia adalah seperti berikut:

Apabila kami menyebut Kesatuan Nabi Muhammad SAW, ia merujuk kepada perpaduan yang telah sedia ada dalam kalangan semua orang beriman, sama ada secara potensi atau secara nyata. Ia bukan hanya merujuk kepada komuniti tertentu di Istanbul atau Anatolia sahaja. Walaupun setitis air itu kecil, ia tetap dianggap air. Maka, gelaran ini tidak terbatas kepada kumpulan tertentu sahaja. Definisi sebenar kesatuan ini adalah seperti berikut:

Asasnya terbentang dari timur ke barat, dari selatan

ke utara, dengan pusatnya di Tanah Suci Haram (*al-Haramain*). Matlamat kesatuannya adalah menegakkan tauhid kepada Allah. Ikrar dan sumpahnya adalah keimanan. Peraturannya adalah sunnah Nabi Muhammad SAW. Undang-undangnya adalah perintah dan larangan syariah. Hatinya adalah semua majlis keilmuan, pusat pengajian, masjid, dan *zawiyah* (tempat pertemuan ahli sufi). Penyebar pemikirannya sepanjang zaman adalah kitab-kitab Islam, khususnya al-Quran dan tafsirnya, dan pada zaman ini, salah satu tafsirnya adalah Risalah an-Nur. Semua akhbar dan penerbitan Islam yang bertujuan meninggikan Kalimah Allah adalah sebahagian daripadanya. Ahli kesatuan ini terdiri daripada seluruh orang beriman, dan pemimpinnya yang agung ialah junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Kini, apa yang kami inginkan adalah perhatian dan kesedaran umat Islam. Hal ini demikian kerana pengaruh perhatian umum tidak boleh dinafikan. Matlamat utama kesatuan ini adalah meninggikan Kalimah Allah, jalan jihadnya yang terbesar adalah berjihad melawan hawa nafsu serta membimbang manusia yang lain kepada jalan kebenaran. Sembilan puluh sembilan peratus daripada usaha kesatuan ini tidak berkaitan dengan politik. Sebaliknya, perhatian utama mereka tertumpu kepada akhlak yang baik, keteguhan dalam agama dan matlamat-matlamat syarak yang sah (*maqasid syariah*). Hanya satu peratus daripadanya berkaitan dengan politik, iaitu dengan memberi bimbingan kepada ahli politik. Senjata mereka adalah bukti-bukti yang kukuh. Cara hidup mereka adalah berkasih sayang. Mereka menyuburkan benih persaudaraan Islam hingga berkembang seperti pohon Tuba di syurga.

Waham Kelima: Adakah kemungkinan orang asing akan merasa takut dan menjauhkan diri dengan kesatuan ini?

Jawapan: Mereka yang menyangka begini sebenarnya adalah orang yang terlalu berprasangka buruk. Hal ini demikian kerana di pusat-pusat kepercayaan fanatik mereka sendiri, mereka mengiktiraf dan memuliakan keagungan Islam melalui pelbagai seminar dan persidangan¹⁸. Maka kemungkinan ini adalah tidak berasas. Tambahan pula, musuh sebenar kita bukanlah mereka, tetapi perkara yang telah menjatuhkan kita sehingga menghalang usaha meninggikan Kalimah Allah, iaitu kejahilan yang membawa kepada penentangan terhadap syariat. Begitu juga kesempitan hidup yang membawa kepada kerosakan akhlak dan perbuatan yang tercela, serta perpecahan umat yang melahirkan permusuhan dan kemunafikan. Inilah tiga musuh utama kita yang mesti diperangi dengan kesatuan Islam.

Pada Zaman Pertengahan, ketika orang asing masih dalam keadaan liar, Islam tetap mengekalkan keadilannya meskipun terpaksa berdepan dengan permusuhan dan sikap fanatik mereka. Islam tidak pernah melakukan tindakan pengadilan seperti Inkuisisi¹⁹ dan yang seumpamanya. Kini, pada zaman moden, apabila bangsa asing telah bertamadun dan semakin berkuasa, permusuhan serta

18. Merujuk kepada kenyataan terkenal tokoh seperti Bismarck dan Carlyle mengenai keagungan Islam.

19. Inkuisisi merujuk kepada pengadilan Gereja Katolik pada Zaman Pertengahan yang terkenal dengan penyeksaan.

fanatisme yang membawa keburukan itu telah pun hilang. Dari sudut pandang agama, cara Islam menundukkan masyarakat bertamadun adalah dengan hujah dan bukti yang meyakinkan, bukan dengan paksaan. Islam perlu ditonjolkan sebagai agama yang mulia dan dicintai dengan mematuhi perintahnya serta menzahirkan perbuatan dan akhlak yang baik. Adapun paksaan dan permusuhan, ia hanya boleh digunakan sebagai tindak balas terhadap kebiadaban mereka yang liar.

Waham Keenam: Sebahagian orang berkata: “Kesatuan Islam yang menjadikan Sunnah Nabi SAW sebagai matlamat akan menyekat kebebasan dan bertentangan dengan keperluan peradaban moden.”

Jawapan: Pertama, hakikatnya, seorang mukmin yang sebenar ialah orang yang benar-benar bebas. Barang siapa yang menjadi hamba dan khadam kepada Sang Pencipta Alam Semesta, dia tidak sepatutnya merendahkan diri dalam kehinaan kepada manusia. Hal ini bermakna, semakin kuat keimanan seseorang, maka akan semakin kukuhlah kebebasannya.

Kedua, adapun kebebasan mutlak, ia merupakan kebuasan mutlak, bahkan menyerupai kehidupan seperti binatang.

Ketiga, sebahagian orang yang fasiq dan lalai tidak mahu hidup dalam kebebasan yang teratur, lalu memilih untuk menjadi hamba yang hina kepada nafsu ammarah.²⁰

20. Nafsu yang mendorong kepada keburukan dan kejahatan.

Ringkasnya: Kebebasan yang berada di luar batasan adalah sama ada kezaliman (despotisme), perhambaan kepada hawa nafsu, atau kehidupan seperti binatang buas. Maka, golongan yang lalai dan zindik (mereka yang menolak agama) hendaklah mengetahui dengan sebenarnya bahawa dengan kefasikan dan kelalaian terhadap agama, mereka tidak akan dapat membuat bangsa Eropah yang memiliki hati nurani menyukai mereka. Bahkan, mereka juga tidak akan mampu meniru atau menyerupai bangsa Eropah tersebut. Hal ini demikian kerana, orang yang tidak berprinsip dan fasik tidak akan disukai. Sama seperti seorang lelaki yang memakai pakaian yang sesuai untuk seorang wanita, dia hanya akan menjadi bahan ejekan.

Waham Ketujuh: Kesatuan Islam Nabi Muhammad SAW akan memecahbelahkan hubungan dengan jemaah-jemaah agama yang lain serta melahirkan persaingan dan permusuhan.

Jawapan: Pertama, dalam urusan akhirat, tidak ada hasad dengki, perbalahan, atau persaingan. Oleh itu, manapun jemaah yang mencetuskan pertikaian dan persaingan dalam hal agama, mereka seolah-olah telah terjerumus dalam riyak dan kemunafikan dalam ibadah.

Kedua, kami mengucapkan tahniah kepada semua jemaah yang ditubuhkan atas dasar cinta terhadap agama, dan kami akan bersatu dengan mereka berdasarkan dua syarat.

Syarat pertama: Mereka mestilah memelihara kebebasan yang selaras dengan syariah serta ketenteraman

awam.

Syarat kedua: Mereka mestilah bertindak atas dasar kasih sayang, dan tidak mencemarkan nama baik jemaah lain untuk menaikkan kedudukan jemaah mereka sendiri. Jika terdapat kesilapan dalam mana-mana jemaah, ia perlu dirujuk kepada para ulama, bukan dijadikan sebab untuk permusuhan.

Ketiga, jemaah yang berjuang untuk meninggikan Kalimah Allah tidak boleh dijadikan alat untuk kepentingan dunia dan tujuan peribadi. Walaupun mereka ingin berbuat demikian, mereka tetap tidak akan berjaya, kerana itu adalah satu bentuk kemunafikan. Kebenaran itu tinggi martabatnya, dan tidak boleh dikorbankan untuk apa jua perkara. Bagaimana mungkin bintang Thurayya menjadi serendah penyapu atau dimakan seperti setangkai anggur? Sesiapa yang berusaha meniup matahari kebenaran untuk memadamkannya, hanya menunjukkan kebodohnya sendiri.

Wahai akhbar-akhbar agama! Maksud kami adalah jemaah-jemaah agama harus bersatu dalam matlamat. Namun, kesatuan dalam jalan dan pendekatan tidak mungkin berlaku, malah tidak dibenarkan, kerana ia akan membuka jalan kepada taqlid buta dan mendorong seseorang untuk berkata: “*Apa perlunya aku ambil peduli? Biarlah orang lain sahaja yang fikirkan.*”

Waham Kelapan: Majoriti mereka yang menyertai Kesatuan Islam di sini, sama ada secara maknawi maupun secara zahir, adalah terdiri daripada orang awam, dan

sebahagian mereka adalah individu yang tidak diketahui latar belakangnya. Hal ini dianggap sebagai suatu isyarat kepada fitnah dan perpecahan.

Jawapan: Mungkin tuduhan ini timbul kerana Kesatuan Islam tidak memberi ruang kepada kepentingan peribadi yang tersembunyi. Tambahan pula, apabila matlamatnya adalah untuk menyatukan umat Islam dan meninggikan Kalimah Allah, maka segala usaha dan pergerakan mereka juga adalah suatu ibadah. Di ruang ibadah, raja dan pengemis adalah sama. Kesamarataan adalah prinsip hakiki. Tiada sesiapa pun yang diberikan keistimewaan. Sesungguhnya orang yang paling mulia adalah mereka yang paling bertakwa, manakala yang paling bertakwa adalah mereka yang paling *tawaduk* (merendah diri). Oleh itu, sesiapa yang menyertai Kesatuan Islam secara hakiki dan maknawi, serta memperoleh kemuliaan dengan menyertai jemaah ukhrawi dan keagamaan ini, harus menyedari bahawa dia bukanlah yang memberi kemuliaan kepada jemaah ini, sebaliknya dialah yang mendapat keberkatan dan kemuliaan daripadanya. Seperti setitis air, ia tidak akan menambah keluasan lautan. Sebagaimana satu dosa besar tidak menjadikan seseorang keluar dari iman, maka pintu taubat tetap terbuka sehingga matahari terbit dari barat. Selain itu, sebagaimana segenggam air yang kotor tidak dapat mencemarkan lautan, maka, begitu juga seorang individu berdosa boleh bertaubat dan menjadi suci kembali. Mereka yang menyertai kesatuan ini mestilah berpegang teguh kepada Sunnah Nabi Muhammad SAW, mematuhi perintah Allah, menjauhi larangan-Nya, serta tidak mengganggu ketenteraman awam. Jika ada individu

yang latar belakangnya tidak diketahui tetapi menyertai kesatuan ini dengan tekad yang teguh, dia tetap tidak akan mencemarkan kemuliaan hakikat ini. Hal ini demikian kerana, walaupun seseorang individu itu berdosa, imannya tetap suci. Ikatan yang menyatukan kita bukanlah bangsa atau status, tetapi hanyalah iman. Mencemarkan nama suci kesatuan ini dengan alasan sebegini bukan sahaja menunjukkan kejihilan terhadap ketinggian Islam, malah menzahirkan kebodohan diri sendiri. Kami dengan segala kekuatan menolak segala cubaan untuk mencemarkan atau memburukkan jemaah yang menjadi contoh kesatuan Islam ini dengan menyamakkannya dengan persatuan duniaawi yang lain. Jika ada yang ingin bertanya dengan tujuan ingin mengetahui kebenaran, kami bersedia untuk menjawabnya. Pintu perbincangan adalah terbuka.

Jemaah yang akusertai iaitu Kesatuan Islam yang telah aku jelaskan di sini, bukannya kumpulan khayalan yang digambarkan secara salah oleh para pengkritik dan penentang. Anggota kesatuan agama ini, sama ada berada di timur, barat, selatan, atau utara, akan tetap bersama dalam satu kesatuan.

Soalan: Kadangkala engkau menulis namamu sebagai Badiuzzaman. Bukankah gelaran ini memberi maksud pujian?

Jawapan: Ia bukan untuk pujian. Sebaliknya, aku menggunakan gelaran ini sebagai cara untuk menyatakan kekurangan, alasan dan keuzuranku. Hal ini demikian kerana, (badi') bermaksud sesuatu yang asing atau ganjil.

Akhlakku, penampilanku, gaya penyampaianku dan pakaianku, kesemuanya ganjil dan berbeza daripada kebiasaanya. Melalui gelaran ini, aku mohon agar cara pemikiran dan gaya penyampaian yang lazim digunakan tidak dijadikan kayu ukur untuk menilai pendekatanku sendiri. Selain itu, maksudku dengan “*badi*” adalah sesuatu yang mengandungi keanehan dan kelainan yang menonjol. Maka, aku menjadi bukti kepada kata-kata berikut:

إِلَيْ لَعْمَرِي قَصْدُ كُلَّ عَجِيبٍ كَانَى عَجِيبٌ فِي عُيُونِ الْعَجَائِبِ

Demi umurku, segala keajaiban mengarah kepadaku, seolah-olah aku sendiri adalah suatu keajaiban di mata segala keajaiban.

Sebagai contohnya, dalam masa setahun aku berada di Istanbul, aku telah menyaksikan perubahan yang sepatutnya mengambil masa seratus tahun.

وَالسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

Salam sejahtera ke atas mereka yang mengikuti petunjuk yang benar.

Dengan lidah seluruh orang yang beriman, sebanyak bilangan manusia, kami berseru:

“Hidupkanlah Syariat Nabi Muhammad SAW!”

Badiuzzaman Said Nursi

Surat kepada Dervish Vahdeti

Akhbar Volkan No. 105

24 Rabiulawal 1327H / 15 April 1909 M

Wahai Saudaraku, Ketua Pengarang yang budiman!

Biarlah para sasterawan menjadi cerminan hidup kepada kesusilaan sastera.

Mereka hendaklah berhias dengan adab Islami yang luhur dan terang.

Janganlah peraturan akhbar disusun semata-mata oleh garis panduan yang zahir, tetapi hendaklah ditata oleh dakwat iman yang tertulis di atas lembaran nurani.

Sesungguhnya, perubahan yang diberkati ini telah memperlihatkan bahawa apa yang memerintah hati nurani insan adalah semangat keislaman yang bercahaya-cahaya di atas cahaya.

Kini telah nyata dengan sejelas-jelasnya;

Perpaduan umat Islam merangkumi segenap tentera dan seluruh orang yang beriman.

Tiada satu pun yang tersisih daripada naungannya yang menyeluruh.

Said Nursi

Seruan kepada Tentera Kita yang Gagah Berani

Akhbar Volkan No. 107
26 Rabiulawal 1327H / 17 April 1909 M

[Dua pelajaran ini telah membawa lapan batalion pemberontak kembali taat dalam Peristiwa Pemberontakan 31 Mac, dengan mengurangkan musibah daripada seratus bahagian kepada satu bahagian. Ia telah diterbitkan dalam akhbar-akhbar agama pada ketika itu.]

Wahai para tentera tauhid yang terhormat! Dan wahai para pahlawan agung yang telah dua kali menyelamatkan umat yang tertindas ini dan agama Islam yang suci daripada dua bencana besar! Keindahan dan kesempurnaan kalian terletak pada ketertiban dan disiplin. Kalian juga telah membuktikannya dengan sempurna dalam saat yang paling genting. Sesungguhnya kehidupan dan kekuatan kalian terletak pada ketaatan. Tunjukkanlah nilai ketaatan yang suci ini walaupun kepada pegawai yang paling rendah pangkatnya. Maruah tiga puluh juta umat Uthmaniyyah dan tiga ratus juta umat Islam kini bergantung kepada ketaatan kalian. Panji-panji Tauhid Ilahi berada dalam genggaman keberanian kalian, manakala kekuatan tangan kalian yang diberkati itu adalah ketaatan. Para pegawai tentera kalian adalah bapa-bapa penyayang. Telah terbukti melalui al-Quran, hadis, hikmah, dan pengalaman bahawa ketaatan kepada pemimpin yang sah adalah wajib. Sebagaimana yang kalian ketahui, tiga puluh tiga juta orang penduduk tidak

mampu melakukan dua revolusi seperti ini dalam tempoh seratus tahun. Kekuatan sebenar yang lahir daripada ketaatan kalian telah menjadikan seluruh umat Islam terhutang budi kepada kalian. Untuk mengukuhkan kemuliaan ini dengan sebenar-benarnya, kalian mesti taat kepada pegawai tentera kalian. Kemuliaan Islam juga bergantung pada ketaatan ini. Aku tahu bahawa kalian tidak melibatkan pegawai-pegawai tentera kalian yang penyayang itu dalam hal ini agar mereka tidak dipertanggungjawabkan. Namun, perkara ini telah berakhir sekarang. Kembalilah ke pangkuan kasih sayang para pegawai kalian. Syariat yang suci menetapkan sedemikian. Hal ini kerana pegawai-pegawai tentera ialah *Ulul Amri*. Demi kepentingan tanah air dan bangsa, khususnya dalam sistem ketenteraan, ketaatan kepada *Ulul Amri* adalah wajib. Pemeliharaan Syariat Nabi Muhammad SAW juga bergantung kepada ketaatan ini.

Said Nursi

Seruan kepada para Tentera

Akhbar Volkan No. 110
29 Rabiulawal 1327H / 20 April 1909 M

Wahai para askar yang mengesakan Allah! Aku menyampaikan kepada kalian perintah Rasulullah SAW bahawa mentaati *Ulil Amri*²¹ dalam lingkungan syariat adalah wajib. Pemerintah dan ketua kalian ialah pegawai-pegawai tentera kalian. Institusi ketenteraan umpama sebuah kilang besar yang tersusun rapi; jika hanya satu gear

21. *Ulul Amri* merujuk kepada pemimpin yang berhak ditaati dalam Islam.

enggan berdisiplin dan taat, maka seluruh kilang tersebut akan menjadi huru-hara.

Kilang ketenteraan kalian yang tersusun dan kuat itu adalah titik sandaran dan sumber kekuatan bagi tiga puluh juta umat *Uthmaniyyah* dan tiga ratus juta umat Islam.

Kejayaan kalian menumpaskan dua bentuk kezaliman yang dahsyat, secara serentak dan tanpa pertumpahan darah merupakan suatu perkara yang luar biasa. Kalian telah memperlihatkan dua keagungan syariat yang mulia. Dengan itu, kalian telah membuktikan kepada mereka yang lemah keyakinan akan kekuatan semangat Islam serta kesucian syariat melalui dua bukti yang nyata. Jika kita telah mengorbankan ribuan *syuhada*²² demi dua perubahan besar ini, kita tetap akan menganggapnya murah. Namun, jika hanya sebahagian kecil daripada ketaatan kalian hilang, ia akan menjadi sangat mahal bagi kita. Hal ini demikian kerana, kekurangan dalam ketaatan kalian membawa kepada kehancuran, seumpama berkurangnya daya untuk hidup atau yang asli.

Sejarah dunia telah membuktikan bahawa campur tangan askar dalam politik telah membawa kerosakan yang dahsyat kepada negara dan rakyat. Sesungguhnya semangat Islam kalian pasti akan menghalang kalian daripada terlibat dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan kehidupan Islam yang menjadi tanggungjawab kalian.

Mereka yang memikirkan tentang politik ialah pegawai-pegawai dan pemimpin kalian yang menjadi pemikir bagi

22. Syuhada: jamak bagi syahid iaitu, orang yang gugur di jalan Allah.

pihak kalian.

Kadangkala perkara yang kalian sangka mudarat itu sebenarnya membawa kemaslahatan kerana ia mencegah kemudaratan politik yang lebih besar. Para pegawai kalian, berdasarkan pengalaman mereka, melihat hal ini dan memberikan perintah kepada kalian. Kalian tidak boleh ragu-ragu dalam hal ini. Kesalahan peribadi tidak menafikan kemahiran dan kepakaran dalam sesuatu bidang tugas, dan ia tidak menjadikan bidang itu dipandang hina. Sebagaimana seorang doktor yang mahir atau jurutera yang cekap, manfaatnya tidak patut dinafikan hanya kerana kesalahan peribadi, begitu juga jangan biarkan kesalahan kecil sebahagian pegawai tentera kalian menggugat ketaatan kalian. Hal ini demikian kerana ilmu peperangan adalah suatu bidang yang penting. Selain itu, kebangkitan kalian melalui syariat yang agung, telah menumpaskan pertubuhan-pertubuhan yang menjadi punca perpecahan, seumpama tangan bercahaya Nabi Musa a.s., yang memaksa tukang sihir tunduk sujud. Tindakan kalian dalam revolusi ini adalah seumpama ubat; jika berlebihan, ia akan berubah menjadi racun dan menjadikan kehidupan Islam sasaran penyakit yang berbahaya. Begitu juga, dengan usaha kalian, kezaliman dalam kalangan kita telah lenyap buat masa ini. Namun dari segi kemajuan, kita masih berada di bawah pengaruh pemikiran Eropah yang menindas. Oleh itu, kita mesti berhati-hati dan mengamalkan sikap yang sederhana.

Hidup syariat yang agung! Hidup tentera!

Said Nursi

Peringatan Penting kepada Pertubuhan dan Persatuan

Sekarang, masyarakat kita berada di bawah sebuah kerajaan berperlembagaan yang sah. Kewujudan kerajaan dalam kerajaan telah terbukti mendatangkan kemudaratian. Disebabkan tahap keilmuan yang berbeza-beza dalam masyarakat, kewujudan kumpulan-kumpulan seperti ini sering membawa kepada permusuhan, fanaticisme, dan sikap berat sebelah. Secara tabiinya, kumpulan-kumpulan ini akan cenderung menggunakan kekuatan mereka untuk mencampuri politik dan urusan pentadbiran umum, lalu membuka ruang kepada individu berkepentingan untuk menyalahgunakan kuasa dan melakukan kezaliman. Oleh itu, jika kumpulan-kumpulan ini terus wujud dalam keadaan sekarang, ia akan membawa kemudaratian yang besar. Namun, dalam ruang organisasi yang profesional, atau di kalangan individu yang berpengetahuan dan bersikap berkecuali, perbincangan politik secara kritis, atau nasihat dan panduan daripada para ulama, boleh membawa kebaikan. Kerajaan ini sendiri adalah organisasi yang terbesar dan terpenting bagi rakyat seluruhnya.

Badiuzzaman Said Nursi

Lampiran Kedua

Bahagian Pertama: Benih-benih Hakikat

(Koleksi ungkapan hikmah daripada risalah ‘Benih-benih Hakikat’, yang diterbitkan tiga puluh lima tahun lalu.)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ
وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kita, Nabi Muhammad, serta ahli keluarganya dan para sahabatnya.

1. Penawar bagi abad yang sakit, bangsa yang tenat, dan anggota masyarakat yang lemah adalah dengan mengikuti al-Quran.

2. Penawar bagi sebuah benua yang hebat tetapi malang, sebuah negara yang hebat tetapi tidak bernalib baik, dan suatu bangsa yang mulia tetapi tidak mempunyai pemimpin adalah kesatuan Islam.

3. Sesiapa yang tidak memiliki kekuasaan untuk mengangkat dan memutar bumi serta semua bintang dan matahari seperti butiran tasbih, tidak dapat mendakwa dirinya sebagai pencipta alam ini. Sesungguhnya, segala

sesuatu di alam ini saling berkaitan.

4.Menghidupkan kembali semua makhluk bernyawa pada hari kebangkitan tidaklah lebih berat bagi kekuasaan Ilahi daripada membangkitkan semula seekor serangga yang membeku ketika musim sejuk dan kembali hidup pada musim bunga. Hal ini demikian kerana, kekuasaan Allah Yang Maha Kekal merupakan zat-Nya yang mutlak; ia tidak berubah, tidak boleh dimasuki kelemahan, dan tidak boleh dihalangi oleh sebarang rintangan. Tiada peringkat atau tingkatan dalam kekuasaan-Nya; segala sesuatu adalah sama disisi kekuasaan-Nya.

5.Dia yang menciptakan mata seekor nyamuk, Dialah juga yang menciptakan matahari.

6.Dia yang mengatur perut seekor kutu, Dialah juga yang mengatur sistem matahari.

7.Dalam penyusunan alam semesta terdapat suatu keajaiban luar biasa yang menunjukkan bahawa jika semua penyebab tabii (sebab-akibat “semulajadi”) dianggap sebagai pelaku yang berkuasa dan memiliki kehendak bebas, mereka tetap dengan kelemahan mutlaknya akan tunduk kepada keajaiban itu dengan bersujud, lalu berkata: *“Maha Suci Engkau! Kami tidak memiliki sebarang kekuatan; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.”*

8.Penyebab-penyebab tabii (sebab-akibat “semulajadi”) tidak diberikan kekuatan hakiki, kerana keesaan dan keagungan Ilahi menuntut demikian. Namun, dalam aspek

kekuasaan duniawi, segala penyebab tabii ini dijadikan sebagai hijab bagi tangan kekuasaan-Nya; kerana kemuliaan dan keagungan-Nya menghendaki demikian, agar dalam pandangan zahir, tangan kekuasaan-Nya tidak terlihat secara langsung dalam mengurus urusan-urusan duniawi yang remeh itu.

9. Aspek keghaiban dalam segala sesuatu yang berada di bawah kekuasaan Ilahi adalah suci dan bersih.

10. Alam nyata (*alam syahadah*) ini hanyalah seperti tirai bersulam yang menjadi tabir bagi alam ghaib.

11. Untuk mencipta satu titik dengan sempurna pada tempatnya, diperlukan kekuasaan yang tak terbatas yang mampu mencipta seluruh alam semesta. Hal ini demikian kerana, setiap huruf dalam kitab besar alam semesta ini, terutamanya makhluk-makhluk hidup, memiliki banyak wajah yang mengarah kepada pelbagai hikmah dan memiliki mata yang memandang ke arahnya.

12. Telah menjadi masyhur bahawa: Orang ramai sedang mencari anak bulan sempena Hari Raya Aidilfitri. Tiada seorang pun yang melihatnya. Seorang lelaki tua bersumpah dan berkata: '*Aku telah melihat anak bulan*'. Namun, apa yang dilihatnya bukanlah anak bulan, tetapi sehelai bulu matanya yang melengkung dan berwarna putih. Maka, di manakah bulu mata itu, dan di manakah bulan? Di manakah pergerakan zarah-zarah kecil, dan di manakah Pencipta serta Pembentuk segala jenis makhluk?

13. Alam semula jadi hanyalah seperti sebuah mesin

cetak, bukan penciptanya. Ia hanyalah sulaman, bukan penyulamnya. Ia hanyalah sesuatu yang dapat menerima perubahan, bukan pelakunya. Ia hanyalah alat ukuran, bukan sumbernya. Ia hanyalah suatu sistem, bukan pengaturnya. Ia hanyalah hukum, bukan kekuasaan. Ia hanyalah suatu hukum yang tunduk kepada kehendak Ilahi, bukan hakikat yang wujud dengan sendirinya.

14.Tarikan dalam hati nurani manusia yang memiliki kesedaran wujud kerana adanya hakikat-hakikat abadi yang menarik (yakni berasal daripada kekuasaan Ilahi).

15.Fitrah tidak pernah berdusta. Kecenderungan untuk tumbuh dalam sebiji benih berkata: "*Aku akan bertangkai dan berbuah.*" Maka, benarlah katanya. Kecenderungan untuk hidup yang terdapat dalam sebiji telur berkata: "*Aku akan menjadi seekor anak ayam.*" Lalu, dengan izin Allah, ia benar-benar menjadi anak ayam. Segenggam air, dengan kecenderungannya yang ingin membeku, berkata: "*Aku akan memenuhi lebih banyak ruang dan mengembang*". Maka, besi yang keras pun tidak dapat menafikan kenyataan ini; kebenarannya mampu memecahkan besi. Maka, segala kecenderungan ini adalah pancaran dan manifestasi daripada hukum-hukum alam (takwiniyah) yang berasal daripada kehendak Ilahi.

16.Kekuasaan azali yang tidak membiarkan semut tanpa pemimpin dan lebah tanpa ratu, tentu sekali tidak akan membiarkan manusia tanpa para nabi. Seperti mana peristiwa terbelahnya bulan menjadi mukjizat Nabi Muhammad SAW bagi manusia di alam nyata, begitu juga peristiwa Mikraj

adalah mukjizat besar baginda yang ditunjukkan kepada para malaikat dan makhluk di alam malakut (alam ghaib), yang membuktikan kebesaran kenabianya. Baginda menjadi seumpama cahaya yang bersinar di alam malakut, seperti kilat dan bulan yang bersinar.

17.Dua lafaz dalam kalimah syahadah saling menjadi saksi antara satu sama lain. Lafaz pertama (لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) merupakan bukti sebab-akibat (بُرْهَانٌ لِمَّا) bagi lafaz kedua (مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ); manakala lafaz kedua pula (بُرْهَانٌ إِنَّمَا) menjadi bukti akibat kepada sebab (بُرْهَانٌ لِمَّا) bagi lafaz pertama (لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).

18.Kehidupan adalah suatu manifestasi keesaan dalam kepelbagaian, oleh itu ia mengarah kepada kesatuan. Kehidupan menjadikan satu perkara memiliki segala-galanya.

19.Roh adalah suatu hukum yang memiliki kewujudan zahir (luaran) dan suatu peraturan yang memiliki kesedaran. Sepertimana hukum-hukum alam yang tetap dan berterusan, roh juga berasal dari alam perintah Ilahi dan sifat Iradah-Nya. Kudrat Ilahi telah menganugerahkan roh dengan suatu kewujudan yang dapat dirasai dan menjadikan jasad seumpama suatu lapisan halus sebagai sarung bagi permata (roh) itu. Roh yang wujud adalah saudara kepada hukum yang bersifat maknawi, kerana kedua-duanya bersifat kekal dan berasal daripada alam perintah Ilahi. Sekiranya Kudrat Azali memberikan wujud zahir kepada hukum-hukum yang mengatur jenis-jenis makhluk, maka ia akan menjadi roh. Jika roh kehilangan kewujudan dan kesedarannya, ia tetap

menjadi satu hukum yang kekal.

20. Segala makhluk dapat dilihat dengan cahaya, dan kewujudannya diketahui dengan kehidupan. Kedua-duanya adalah penyingkap hakikat.

21. Agama Nasrani (Kristian) akan sama ada lenyap atau mengalami penyucian lalu menyerah kepada agama Islam. Ia telah beberapa kali mengalami perpecahan hingga akhirnya menjadi Protestantisme. Protestantisme pula telah berpecah, semakin mendekati konsep tauhid, dan kini ia bersedia untuk berpecah lagi. Ia sama ada akan lenyap sepenuhnya atau akan melihat hakikat kebenaran Islam yang mencakupi hakikat agama Kristian yang sebenar, lalu tunduk kepadanya. Rahsia besar ini telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya: *“Nabi Isa akan turun kembali, menjadi sebahagian daripada umatku, dan akan beramal dengan syariatku.”*

22. Orang awam lebih ter dorong untuk taat bukan kerana kekuatan hujah, tetapi kerana kesucian sumbernya.

23. Syariat terdiri daripada sembilan puluh peratus perkara yang bersifat darurat dan prinsip-prinsip agama yang tidak dapat dipertikaikan, yang merupakan tiang-tiang berlian. Manakala, isu-isu ijtihad yang terbuka kepada perbezaan pendapat hanya sepuluh peratus sahaja. Oleh itu, tidak sepatutnya sembilan puluh tiang berlian berada di bawah perlindungan sepuluh tiang emas. Kitab-kitab dan hasil ijtihad harus menjadi teropong kepada al-Quran, menjadi cerminan baginya; bukan bayangan atau wakilnya.

24. Setiap orang yang memiliki kemampuan boleh berijtihad untuk dirinya sendiri, tetapi tidak boleh membuat syariat baru.

25. Menyeru kepada sesuatu idea atau pemikiran dalam agama memerlukan persetujuan ulama secara majoriti. Jika tidak, seruan itu dianggap sebagai bidaah dan harus ditolak.

26. Oleh sebab manusia diciptakan dalam keadaan mulia secara fitrah, maka dia akan sentiasa mencari kebenaran. Namun, kadang-kadang kebatilan sampai ke tangannya; dia menyangkanya sebagai kebenaran lalu menyimpannya di dalam hatinya. Ketika dia berusaha mengungkap hakikat, tanpa sengaja kesesatan menimpanya; dia menyangkanya sebagai kebenaran lalu menerimanya.

27. Terdapat banyak cerminan kekuasaan Allah yang setiap satunya lebih halus dan lembut daripada yang lain, dari air kepada udara, dari udara kepada eter, dari eter kepada alam misal, dari alam misal kepada alam roh, bahkan hingga kepada masa dan fikiran. Dalam cerminan udara, satu perkataan boleh berganda menjadi berjuta perkataan. Pena kekuasaan Ilahi menyalin rahsia pergandaan ini dengan cara yang sangat menakjubkan. Pantulan sesuatu sama ada mengandungi identitinya, atau identiti bersama hakikatnya. Bayangan benda-benda kasar hanyalah jasad mati yang bergerak. Tetapi, imej roh dalam cermin-cerminnya adalah makhluk hidup yang berkait dengan kehidupan; meskipun bukan zat yang sama, namun bukan juga sesuatu yang berbeza sepenuhnya.

28. Jika matahari berputar pada paksinya, buah-buahnya,

iaitu planet-planet, tidak akan gugur. Namun, jika ia tidak berputar pada paksinya, planet-planetnya akan jatuh berselerakan.

29.Jika cahaya akal tidak disinari dan dipadu dengan cahaya hati, ia akan menjadi kegelapan yang melahirkan kezaliman. Sebagaimana mata putih yang menyerupai siang tidak dapat berfungsi tanpa mata hitam yang menyerupai malam, maka mata itu tidak dapat melihat. Demikian juga, jika pemikiran yang jernih tidak disertai dengan rasa hati yang mendalam yang menjadi pusat perasaan dan iman, maka ia akan kehilangan kebijaksanaan dan pandangan yang benar (basirah).

30.Illu yang tidak disertai kesedaran hati yang mendalam adalah kebodohan. Berpegang kepada sesuatu adalah satu perkara, tetapi meyakininya dengan sepenuh hati adalah perkara lain.

31.Menggambarkan kebatilan dengan cara yang indah akan menyesatkan fikiran yang bersih.

32.Seorang ulama yang membimbing manusia hendaklah seperti seekor kambing, bukan seperti seekor burung. Kambing memberi susu yang bersih kepada anaknya, sedangkan burung menuapkan anaknya makanan separa hadam yang telah keluar dari perutnya.

33.Kewujudan sesuatu perkara bergantung kepada kewujudan semua juzuknya, sedangkan ketiadaannya boleh berlaku hanya dengan ketiadaan satu juzuknya sahaja. Oleh itu, orang yang lemah cenderung kepada perbuatan

merosakkan untuk menunjukkan kekuatannya, kerana perbuatan negatif lebih mudah dilakukan berbanding perbuatan yang positif.

34.Prinsip-prinsip hikmah dan undang-undang pemerintahan, serta undang-undang yang benar dan kekuasaan, jika tidak dipadukan dengan baik, maka, ia tidak akan menghasilkan kebaikan dalam kalangan masyarakat umum.

35.Kezaliman telah mengenakan topi keadilan di kepalanya, pengkhianatan telah menyarung pakaian patriotisme, jihad telah dinamakan pemberontakan, dan perhambaan telah dinamakan kebebasan. Segala perkara yang bertentangan telah bertukar rupa.

36.Politik yang berasaskan kepentingan semata-mata adalah seperti binatang yang buas.

37.Menunjukkan kasih sayang kepada binatang buas yang kelaparan hanya akan membangkitkan seleranya, bukan belas kasihannya. Bahkan, ia juga akan menuntut bayaran untuk taring dan kukunya!

38.Masa telah membuktikan bahawa Syurga bukanlah sesuatu yang murah, dan Neraka pula bukanlah sesuatu yang sia-sia.

39.Keistimewaan golongan atasan sepatutnya menjadi sebab untuk kerendahan hati dan kehambaan, tetapi sebaliknya telah membawa mereka kepada penindasan dan keangkuhan. Manakala, kelemahan orang-orang fakir dan kemiskinan orang awam seharusnya menjadi sebab belas

kasihan dan ihsan, namun akhirnya membawa kepada perhambaan dan penindasan terhadap mereka.

40. Apabila sesuatu perkara itu membawa kebaikan dan kemuliaan, ia akan diserahkan kepada golongan atasan sebagai suatu keistimewaan. Tetapi apabila ia mendatangkan keburukan, ia akan dibahagikan kepada orang awam.

41. Jika seseorang tidak mempunyai matlamat yang diimpikan atau sengaja melupakannya, maka fikirannya akan kembali kepada keakuan dan hanya berkisar di sekelilingnya.

42. Semua kekacauan dan kerosakan, serta segala akhlak yang keji berpunca daripada dua ungkapan ini:

Ungkapan Pertama: “*Selagi aku kenyang, aku tidak peduli jika orang lain mati kelaparan, itu bukan urusanku!*”

Ungkapan Kedua: “*Demi keselesaanku, biarlah engkau bersusah-payah; engkau bekerja, aku menikmati hasilnya.*”

Satu-satunya penyelesaian bagi ungkapan yang pertama adalah kewajipan berzakat. Manakala penyelesaian bagi ungkapan yang kedua pula adalah pengharaman riba. Sesungguhnya, keadilan al-Quran berdiri di hadapan dunia dan berkata kepada riba: “*Dilarang masuk! Engkau tiada hak untuk masuk!*” Tetapi manusia tidak mendengar amaran ini, lalu menerima tamparan yang hebat. Sebelum menerima tamparan yang lebih dahsyat, mereka perlu segera insaf!

43. Peperangan antara negara dan bangsa sedang digantikan dengan peperangan antara kelas dalam

masyarakat. Hal ini demikian kerana, manusia bukan sahaja tidak mahu menjadi hamba, bahkan mereka juga tidak mahu menjadi buruh upahan.

44.Seseorang yang mengejar tujuannya melalui jalan yang tidak benar, selalunya akan menerima akibat yang bertentangan dengan hasratnya. Seperti cinta terhadap Barat yang tidak wajar, akhirnya akan dibalas dengan permusuhan yang kejam oleh yang dicintainya.

45.Masa lalu dan musibah harus dilihat dengan pandangan takdir, manakala masa depan dan dosa harus dipandang dari sudut tanggungjawab syarak. Inilah titik di mana fahaman Jabariah dan Muktazilah bertemu.

46.Dalam perkara yang ada jalan penyelesaian, tidak sepatutnya berlindung di sebalik kelemahan. Manakala, dalam perkara yang tiada jalan keluar, tidak sepatutnya menyalahkan atau menghukum.

47.Luka dalam kehidupan boleh disembuhkan, namun luka terhadap kemuliaan Islam, kehormatan dan maruah bangsa adalah luka yang amat mendalam dan sukar diubati.

48.Ada waktu di mana satu perkataan boleh mengakibatkan kehancuran kepada sebuah bala tentera, dan satu tembakan meriam boleh menyebabkan kemasuhan tiga puluh juta jiwa.²³ Dalam keadaan tertentu, satu tindakan kecil boleh mengangkat seseorang ke darjah tertinggi di syurga (a'la 'illiyyin), dan dalam keadaan lain, satu perbuatan

23. Satu das tembakan oleh seorang askar Serbia terhadap Putera Mahkota Austria telah mencetuskan Perang Dunia Pertama yang meragut tiga puluh juta nyawa.

kecil boleh menjatuhkannya ke kedudukan paling hina di neraka (asfala safilin).

49. Secebis kejujuran boleh menghancurkan segunung pembohongan. Satu hakikat kebenaran lebih berharga daripada segudang khayalan. Setiap perkataan yang diucapkan hendaklah benar, tetapi tidak semua kebenaran harus diungkapkan.

50. Yang melihat dengan indah, akan berfikir dengan indah. Yang berfikir dengan indah, akan menikmati kehidupannya.

51. Harapan menghidupkan manusia, manakala keputusasaan membunuh mereka.

52. Sejak dahulu, negara Islam ini telah memikul tanggungjawab jihad fardu kifayah demi meninggikan kalimah Allah dan mempertahankan kemerdekaan Islam. Ia melihat dirinya berperanan untuk berkorban demi umat Islam yang bersatu ibarat satu jasad, sebagai pembawa panji-panji khilafah. Musibah yang menimpa negara Islam ini akan digantikan dengan kebahagiaan dan kebebasan masa depan umat Islam. Hal ini demikian kerana musibah ini telah mempersepatkan dengan luar biasa perkembangan ukhuwah Islamiyah, yang merupakan nadi kehidupan kita.

53. Menyandarkan keindahan peradaban yang bukan milik agama Kristian kepadanya dan menggambarkan kemunduran yang menjadi musuh Islam sebagai sahabatnya adalah tanda dunia telah terbalik.

54. Sebutir berlian yang tercalar tetap lebih bernilai

berbanding sebutir kaca yang bersinar.

55.Orang yang mencari segala sesuatu dalam kebendaan, akalnya berada di matanya. Namun, mata itu buta terhadap perkara-perkara kerohanian.

56.Kiasan, apabila jatuh daripada tangan ilmu ke tangan kejahilan, ia akan difahami secara literal lalu membuka pintu kepada khurafat.

57.Kurniaan yang melebihi melebihi kurniaan Ilahi bukanlah satu kurniaan. Segala sesuatu perlu digambarkan sebagaimana adanya.

58.Kemasyhuran membuatkan seseorang disandarkan dengan perkara yang bukan miliknya.

59.Sesungguhnya Hadis adalah sumber kehidupan dan pemberi ilham kepada kebenaran.

60.Menghidupkan agama bererti menghidupkan umat. Hidupnya agama adalah cahaya bagi kehidupan.

61.Al-Quran yang merupakan rahmat bagi seluruh umat manusia hanya menerima peradaban yang menjamin kebahagiaan umum, sekurang-kurangnya majoriti manusia. Peradaban moden hari ini dibina atas lima asas negatif:

1.Sandarannya adalah kekuatan, dan ini membawa kepada kezaliman.

2.Matlamat utamanya adalah keuntungan, yang membawa kepada perebutan dan persaingan.

3.Prinsip kehidupannya adalah pertentangan dan konflik,

yang akan membawa kepada perbalahan dan permusuhan.

4. Hubungan antara manusia dibina atas perkauman dan nasionalisme negatif, yang membawa kepada pertembungan yang dahsyat.

5. Bagi tamadun Barat, daya tarikannya adalah dorongan hawa nafsu dan kepuasan syahwat, yang akhirnya menghancurkan nilai rohani manusia.

Sebaliknya, tamadun yang diperintahkan oleh Syariat Nabi Muhammad SAW dibina atas asas kemuliaan yang berikut: Sandarannya bukan pada kekuatan, tetapi pada hakikat kebenaran, yang membawa kepada keadilan dan kerendahan hati (tawaduk). Matlamat utamanya bukanlah keuntungan peribadi tetapi keutamaan akhlak dan kebajikan umum, yang akan melahirkan kasih sayang dan saling tertarik kepada kebaikan. Asas perpaduannya bukanlah perkauman dan nasionalisme sempit, tetapi ikatan agama, kecintaan kepada tanah air dan solidariti dalam pelbagai kelas sosial, yang membawa kepada persaudaraan yangikhlas dan keamanan, serta hanya mempertahankan diri daripada pencerobohan luar. Prinsip kehidupannya adalah tolong menolong, bukan pertentangan, yang akan membawa kepada perpaduan dan saling menyokong. Sebagai ganti kepada hawa nafsu, Islam menawarkan petunjuk Ilahi (hidayah), yang membawa kepada kemajuan manusia dan kesempurnaan rohani.

Jangan longgarkan peganganmu terhadap Islam, pelindung sebenar kewujudan kita. Sebaliknya, berpegang teguhlah padanya dengan segenap kekuatanmu; jika tidak,

engkau akan binasa.

62. Musibah umum berlaku akibat kesalahan majoriti. Musibah adalah natijah daripada jenayah, serta permulaan kepada ganjaran dan pahala.

63. Seorang yang syahid menganggap dirinya masih hidup. Oleh sebab dia tidak merasai sakaratulmaut, dia melihat kehidupan yang telah dikorbankannya itu tetap kekal dan tidak terputus, bahkan dalam keadaan yang lebih bersih dan suci.

64. Keadilan murni menurut al-Quran tidak akan mengorbankan kehidupan dan darah seseorang yang tidak bersalah, sekalipun demi keselamatan seluruh umat manusia. Sebagaimana kedua-duanya (individu dan masyarakat) sama di sisi kekuasaan Allah, demikian juga ia adalah sama di sisi keadilan. Namun, kerana sifat pentingkan diri sendiri, terdapat manusia yang sanggup menghancurkan segala sesuatu yang menghalang nafsu dan keinginannya, bahkan jika berkuasa, dia akan merosakkan dunia dan membinasakan umat manusia.

65. Ketakutan dan kelemahan akan mendorong pengaruh-pengaruh luar untuk masuk dan berkuasa.

66. Kemaslahatan yang pasti tidak boleh dikorbankan demi kemudarat yang hanya bersifat andaian.

67. Politik Istanbul pada masa ini adalah seperti suatu penyakit, seumpama Selesema Sepanyol.

68. Bukan suatu perkara yang jarang berlaku apabila

orang gila menjadi sihat jika dikatakan kepadanya: “*Kamu sihat, kamu sihat*”. Demikian juga, apabila orang baik dikatakan kepadanya: “*Kamu jahat, kamu jahat*”, dia boleh menjadi jahat.

69. Musuh kepada musuh, selagi dia kekal sebagai musuh, adalah sahabat. Sahabat kepada musuh, selagi dia kekal sebagai sahabat, adalah musuh.

70. Sifat degil itu begini: Jika syaitan membantu seseorang, dia berkata, “*Itu adalah malaikat*”, lalu mendoakan rahmat ke atasnya. Tetapi jika dia melihat malaikat di pihak lawannya, dia akan berkata: “*Itu adalah syaitan yang menyamar*”, lalu dia melaknatnya.

71. Penawar bagi suatu penyakit boleh menjadi racun bagi penyakit yang lain. Penawar yang melebihi batas boleh membawa penyakit.

72. Jemaah yang memiliki semangat saling menyokong adalah seumpama alat yang menggerakkan keadaan yang statik. Sebaliknya, jemaah yang dikuasai hasad dengki adalah seumpama alat yang mematikan pergerakan.

73. Jika dalam satu jemaah tiada kesatuan yang benar, maka penyatuan mereka tidak akan membawa kekuatan, sebaliknya seperti operasi pecahan dalam matematik, ia hanya akan mengurangkan nilai.²⁴ Begitu juga, jika dalam

24. Dalam ilmu matematik, pendaraban meningkatkan jumlah. Sebagai contoh, empat kali empat menjadi enam belas. Namun, dalam operasi pecahan, pendaraban sebaliknya mengurangkan nilai. Sebagai contoh, apabila sepertiga didarab dengan sepertiga, hasilnya ialah sepersembilan.

kalangan manusia tiada kesatuan serta istiqamah dalam pegangan dan akhlak, maka kesatuan mereka bukanlah satu kekuatan, bahkan menjadikan mereka lemah, rosak, dan tidak bernilai.

74.Tidak menerima sesuatu sering disalahanggap sebagai menolak sesuatu. Tidak menerima sesuatu hanyalah tanda ketiadaan dalil bagi kewujudan; sedangkan menolak sesuatu memerlukan dalil bagi ketiadaannya. Yang pertama adalah keraguan, manakala yang kedua adalah penafian mutlak.

75.Dalam perkara-perkara keimanan, keraguan tidak dapat membantalkan hakikat kebenaran sesuatu perkara walaupun ia menolak dengan satu atau bahkan seratus dalil sekalipun. Hal ini demikian kerana terdapat ribuan dalil lain yang menyokongnya.

76.Golongan majoriti yang berada di jalan yang benar harus diikuti. Apabila majoriti dan kelompok terbesar umat Islam (al-Sawad al-A'zam) diikuti, akhirnya Bani Umayyah yang sebelum ini bersikap sambil lewa dalam agama, bergabung dengan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Sebaliknya, kumpulan Alawi yang tegas dalam pegangan namun merupakan golongan minoriti dari segi bilangan, akhirnya sebahagian kecil daripada mereka cenderung kepada golongan Rafidah (Syiah ekstrem).

77.Dalam perkara kebenaran, terdapat kesepakatan, tetapi dalam perkara yang lebih benar, sering terjadi perbezaan. Kadangkala sesuatu yang benar lebih utama daripada sesuatu yang lebih benar, dan sesuatu yang baik adalah lebih baik daripada sesuatu yang lebih baik lagi.

Setiap orang berhak berkata tentang pendiriannya: “Ini benar”, tetapi tidak boleh berkata: “*Hanya ini sahaja yang benar*”. Begitu juga, dia boleh berkata “*Ini baik*”, tetapi tidak boleh berkata “*Hanya ini sahaja yang baik*”.

78.Jika tiada syurga, maka neraka tidak akan menyeksa.

79.Semakin bertambah tuanya zaman, al-Quran menjadi semakin muda; rahsianya semakin jelas. Sepertimana cahaya kadangkala kelihatan seperti api; begitu juga kehebatan balaghahnya yang kadangkala tampak seperti berlebihan, padahal hakikatnya bukan begitu.

80.Tingkatan kepanasan hanya dapat difahami dengan kehadiran kesejukan; darjat keindahan muncul apabila dibandingkan dengan kehodohan. Sebaliknya, kudrat azali Allah adalah sifat zat yang mutlak, perlu, dan mustahil dicemari dengan kelemahan. Ia tiada tingkatan; segala sesuatu adalah setara di hadapan-Nya.

81.Bayangan pancaran cahaya matahari memantulkan keindahan yang sama, sama ada pada permukaan laut yang luas, atau pada setitis airnya.

82.Kehidupan adalah manifestasi tauhid, dan pada akhirnya, ia menuju kepada keesaan Ilahi.

83.Dalam kalangan manusia ada wali Allah, dalam hari Jumaat ada saat yang mustajab, dalam bulan Ramadan ada malam Lailatul Qadar, dalam Asma’ul Husna ada Ism A’zam (Nama Allah yang Agung), dan dalam kehidupan ada ajal yang tidak diketahui; selagi perkara-perkara ini kekal sebagai rahsia Ilahi, maka semuanya tetap bernilai

dan diberi perhatian. Umur dua puluh tahun yang tidak diketahui penghujungnya lebih utama daripada seribu tahun yang telah ditetapkan akhirnya.

84.Kesan daripada maksiat di dunia adalah bukti adanya azab di akhirat.

85.Kehidupan adalah hasil yang telah ditetapkan, tersusun dan dapat disaksikan. Rezeki pula adalah sesuatu yang tidak tetap, tersebar secara beransur-ansur, dan mendorong manusia untuk berfikir. Tiada kematian akibat kelaparan, kerana sebelum simpanan lemak dan zat lain dalam badan habis, seseorang sudah pun mati. Maka, yang menyebabkan kematian adalah penyakit yang timbul akibat meninggalkan kebiasaan, bukan kerana ketiadaan rezeki.

86.Bangkai haiwan yang tak terhitung jumlahnya adalah rezeki yang halal bagi haiwan liar pemakan daging (karnivor); mereka bukan sahaja memperoleh rezeki, bahkan turut membersihkan permukaan bumi.

87.Satu suapan berharga lima puluh sen, satu lagi berharga tiga ringgit. Namun, sebelum masuk ke mulut dan selepas melalui kerongkong, kedua-duanya tetap sama. Hanya terdapat sedikit perbezaan rasa di dalam mulut selama beberapa saat. Maka, berbelanja lebih mahal hanya untuk memuaskan lidah, yang bertindak sebagai penjaga deria rasa, adalah pembaziran yang paling bodoh.

88.Ketika nafsu terhadap makanan menyeru, katakanlah: “*Seolah-olah aku telah makan (Sanki yedim).*” Seseorang yang menjadikan ungkapan “*Seolah-olah aku telah makan*”

sebagai prinsip hidupnya telah membina sebuah masjid bernama “*Sanki Yedim*” dengan wang yang dijimatkan melalui kezuhudan dalam makan.²⁵

89.Dahulu, kebanyakan umat Islam tidak hidup dalam kelaparan; mereka memilih untuk hidup sederhana. Kini, mereka diuji dengan kelaparan, dan tidak lagi mempunyai pilihan untuk menikmati kesenangan.

90.Senyum kepada kesakitan yang sementara adalah lebih baik daripada senyum kepada kesenangan yang sementara. Kesenangan yang telah berlalu membuatkan seseorang berkata, “Ah!” dan “Ah” itu menterjemahkan derita yang tersembunyi. Tetapi kesakitan yang telah berlalu membuatkan seseorang berkata, “Oh!” dan “Oh” itu adalah pemberi khabar tentang kenikmatan yang terpendam.

91.Lupa juga adalah satu nikmat. Ia hanya membuatkan seseorang merasai kesakitan hari ini, dan melupakan penderitaan yang terkumpul.

92.Sepertimana kepanasan memiliki darjat, begitu juga dalam setiap musibah terdapat darjat kenikmatan. Maka, hendaklah seseorang memikirkan musibah yang lebih besar, agar dia dapat melihat kenikmatan dalam musibah yang kecil, lalu bersyukur kepada Allah. Hal ini demikian kerana jika musibahnya itu dibesar-besarkan, ia akan membesar; jika terlalu dirisaukan, ia akan berganda; bayangan dalam hati akan berubah menjadi kenyataan, dan akhirnya akan menyeksa hati itu sendiri.

25. Individu tersebut telah menyimpan wang hasil kezuhudannya dan membina masjid tersebut. Masjid ini terletak di daerah Fatih, Istanbul.

93. Setiap manusia memiliki satu ‘tingkap martabat’ dalam masyarakat untuk melihat dan dilihat. Jika tingkap itu lebih tinggi daripada martabat sebenarnya, dia akan meninggikan diri dengan kesombongan. Jika tingkap itu lebih rendah daripada martabatnya, dia akan merendahkan diri dengan sifat tawaduk agar dia dapat dilihat dan melihat pada tahap yang sepatutnya. Tanda kebesaran seseorang adalah sifat kerendahan hatinya (tawaduk), manakala tanda kerendahan seseorang adalah sifat sombongnya (takbur).

94. Harga diri si lemah di hadapan yang kuat adalah maruah, namun jika sikap yang sama muncul dalam diri yang kuat terhadap yang lemah, ia adalah kesombongan. Kerendahan hati si kuat di hadapan yang lemah adalah kemuliaan, namun jika sikap yang sama muncul dalam diri yang lemah terhadap yang kuat, ia adalah kehinaan. Keseriusan seorang pemimpin adalah kewibawaan; kerendahan diri adalah kehinaan. Namun di rumahnya, keseriusannya adalah kesombongan, dan kerendahan dirinya adalah tawaduk. Jika seseorang bertindak atas nama dirinya sendiri, sikap toleransi dan pengorbanannya adalah satu kebaikan; namun jika dengan sikap yang sama, dia bertindak atas nama orang lain, itu adalah satu pengkhianatan. Seseorang boleh merendah diri untuk dirinya, tetapi dia tidak layak untuk bermegah. Sebaliknya, dia boleh berbangga atas nama bangsanya, tetapi tidak boleh merendah diri bagi pihak mereka.

95. Menyerahkan urusan kepada takdir sebelum berusaha adalah suatu bentuk kemalasan, tetapi bertawakal setelah berusaha adalah sikap yang benar. Reda terhadap

hasil usaha dan ketentuan Allah adalah sifat qanaah, dan ia menguatkan semangat untuk terus berusaha. Namun, berpuas hati dengan apa yang ada tanpa bercita-cita untuk maju adalah tanda kelemahan semangat.

96. Sepertimana adanya ketaatan dan keingkaran terhadap perintah syariat, begitu juga terdapat ketaatan dan keingkaran terhadap hukum alam (sunnatullah). Dalam hal syariat, kebanyakannya ganjaran dan hukuman berlaku di akhirat, sedangkan bagi hukum alam, kesannya kebanyakannya dirasai di dunia. Sebagai contoh: Ganjaran bagi kesabaran adalah kejayaan; hukuman bagi kemalasan adalah kemiskinan dan kehinaan, usaha yang bersungguh-sungguh akan mendatangkan kekayaan, dan keteguhan dalam perjuangan akan membawa kemenangan. Keadilan tanpa kesaksamaan bukanlah keadilan yang sebenar.

97. Penyerupaan membawa kepada pertentangan; kesepadan adalah asas kepada kesatuan. Jiwa yang kecil adalah sumber kesombongan; kelemahan adalah sumber keangkuhan. Ketidakmampuan adalah punca penentangan, dan keingintahuan adalah guru kepada ilmu pengetahuan.

98. Kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta telah menundukkan manusia dan haiwan melalui keperluan, khususnya rasa lapar, lalu mengatur mereka dalam sistem yang teratur. Dia menyelamatkan alam daripada kekacauan, menjadikan keperluan sebagai guru kepada peradaban, dan menjamin kemajuan.

99. Kesusahan adalah guru kepada kebijatan. Keputusasaan melahirkan kesesatan pemikiran, dan

kegelapan hati menjadi punca kepada kesempitan jiwa.

100. Apabila lelaki hilang sifat kelelakiannya kerana menurut bisikan nafsu yang hina, wanita pula akan menjadi kasar dan kehilangan sifat kewanitaannya. Apabila seorang wanita cantik memasuki majlis kaum lelaki, sifat riak, persaingan dan hasad dengki mula bangkit dalam hati mereka. Jelaslah, apabila kaum wanita ditonjolkan secara tidak terkawal, maka, ia akan membawa kepada kerosakan akhlak dalam masyarakat moden.

101. Dalam jiwa manusia moden yang penuh dosa dan kegelisahan, gambar-gambar yang menyerupai ‘jenazah kecil yang tersenyum’ telah memainkan peranan yang sangat besar.

102. Patung yang diharamkan itu, sama ada lambang kezaliman yang membantu, nafsu yang menjelma, atau perwujudan riak yang nyata.

103. Seseorang yang benar-benar berada dalam batasan Islam kerana sepenuhnya berpegang kepada prinsip-prinsip asasnya, maka kecenderungannya untuk berkembang adalah keinginan untuk mencapai kesempurnaan. Namun, bagi seseorang yang berada di luar batas tersebut kerana kelalaian, kecenderungannya untuk berkembang sebenarnya adalah keinginan untuk merosakkan. Di saat fitnah dan pergolakan berlaku, bukan sahaja pintu ijtihad tidak boleh dibuka, malah tingkapnya juga harus ditutup demi kemasyhuran umum. Mereka yang lalai dan bersikap sambil lewa tidak harus dimanjakan dengan keringanan hukum (rukhsah); sebaliknya mereka harus ditegur dengan

ketegasan dan hukum asal yang tegas (*azimah*).

104. Betapa malangnya hakikat-hakikat kebenaran; ia menjadi tidak bernilai apabila jatuh ke tangan orang yang tidak menghargainya.

105. Bumi kita menyerupai makhluk hidup, dan menunjukkan tanda-tanda kehidupan. Jika bumi dikecilkan sebesar telur, tidakkah ia akan menjadi seperti seekor haiwan? Jika kuman dibesarkan sebesar bumi, tidakkah ia akan menyerupai bumi? Jika bumi memiliki kehidupan, maka tentu ia juga memiliki roh. Andai alam semesta mengecil sebesar manusia, dan bintang-bintangnya menjadi seumpama zarah atau permata kecil; tidakkah ia juga menjadi satu makhluk hidup yang mempunyai kesedaran? Sesungguhnya, Allah memiliki banyak lagi makhluk sebegini.

106. Syariat terbahagi kepada dua:

Pertama, syariat yang kita kenali, iaitu yang berasal daripada sifat Kalam Ilahi dan mengatur perbuatan serta keadaan manusia sebagai alam kecil (mikrokosmos). Kedua, Syariat Agung Penciptaan, yang berasal daripada sifat Iradah Allah, dan mengatur pergerakan serta keadaan diam alam semesta, yang merupakan insan besar (makroantropos), dan ia kadangkala disalah sebut sebagai “*semula jadi*”. Para malaikat adalah umat yang agung; mereka adalah pembawa, wakil dan cerminan perintah-perintah *takwiniiyyah* (hukum-hukum alam) yang berasal daripada sifat *Iradah* (kehendak) Allah dan disebut sebagai syariat fitrah.

107.Jika engkau membandingkan antara pancaindera mikroorganisma halus yang kelihatan di bawah mikroskop dengan pancaindera manusia, engkau akan mendapati suatu rahsia yang menakjubkan. Sesungguhnya manusia itu bagaikan rupa huruf يس (Ya Sin), dan padanya tertulis Surah Yasin.

108.Materialisme adalah sejenis wabak spiritual yang menimpa manusia dan menyeret mereka kepada kemurkaaan Ilahi. Semakin besar kemampuan manusia dalam menerima pemikiran dan membuat kritikan, semakin merebaklah wabak itu.

109.Manusia yang paling malang, paling menderita, dan paling gelisah adalah mereka yang menganggur. Hal ini demikian kerana kemalasan adalah saudara rapat kepada kehampaan, manakala usaha adalah kehidupan bagi kewujudan, dan kesedaran bagi kehidupan.

110.Faedah yang diperoleh daripada bank-bank yang menjadi sumber dan pintu kepada riba hanya menguntungkan golongan kafir yang keji, terutamanya yang paling zalim dan paling fasik dalam kalangan mereka. Bagi dunia Islam, ia membawa kemudaratannya mutlak. Kesejahteraan manusia sejagat langsung tidak diambil kira. Hal ini demikian kerana, jika si kafir itu bersikap memusuhi dan melampaui batas, maka dia tidak layak dihormati dan tidak memiliki maruah.

111.Khutbah Jumaat bertujuan untuk mengingatkan umat tentang perkara-perkara asas agama dan prinsip utama agama, bukan untuk mengajar teori-teori. Penggunaan

bahasa Arab adalah cara yang paling agung dalam menyampaikan peringatan agama ini. Jika dibandingkan antara hadis dan ayat al-Quran, akan nyata terlihat bahawa tiada siapa pun yang dapat menyaingi keindahan dan kefasihan bahasa al-Quran.

Said Nursi

Lampiran Kedua: Bahagian Kedua Suatu Isyarat daripada Surah al-Ikhlas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, penghulu para rasul.

أَيْ : لَا مَسْهُودٌ بِنَظَرِ الْحَقِيقَةِ إِلَّا هُوَ
 yang bermaksud (Katakanlah, Dia)

Frasa ini menunjukkan ketetapan yang mutlak dalam mengenal Allah. Ia merupakan suatu isyarat kepada penyaksian keesaan-Nya (Tauhid Syuhudi), iaitu:

أَيْ : لَا مَسْهُودٌ بِنَظَرِ الْحَقِيقَةِ إِلَّا هُوَ

(Tiada sesuatu yang disaksikan pada pandangan hakikat kecuali Dia semata-mata.)

أَيْ : اللَّهُ أَحَدٌ
 yang bermaksud (Allah Maha Esa)

Frasa ini merupakan penegasan kepada Tauhid Uluhiyyah, iaitu:

أَيْ : لَا مَعْبُودٌ إِلَّا هُوَ

(Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia).

اللهُ أَكْرَمُ الْحَمْدُ yang bermaksud (Allah tempat bergantung segala sesuatu)

Frasa ini merupakan isyarat kepada Tauhid Rububiyyah, iaitu keesaan Allah sebagai Pengatur dan Pemelihara seluruh makhluk.

أَيْ : لَا خَالِقَ وَلَا رَبَّ إِلَّا هُوَ

(Tiada pencipta dan tiada pemelihara melainkan Dia.)

Ia juga mengisyaratkan kepada keesaan Allah dalam kekuasaan dan keagungan mutlak-Nya (Tauhid Jabarut), iaitu:

أَيْ : لَا قُيُومَ وَلَا غَنِيَّ عَلَى الإِطْلَاقِ إِلَّا هُوَ

(Tiada yang Maha Menegakkan segala urusan dan tiada yang Maha Kaya secara mutlak melainkan Dia.)

لَمْ يَلِدْ yang bermaksud (Dia tidak beranak)

Frasa ini adalah isyarat kepada Tauhid Jalalah, iaitu keesaan Allah dalam keagungan-Nya. Ia menolak segala bentuk kesyirikan. Sesuatu yang mengalami perubahan, perpecahan, atau kelahiran tidak layak menjadi Tuhan. Frasa ini juga menolak kepercayaan syirik yang menganggap bahawa Allah memiliki anak, sebagaimana didakwa

terhadap ‘Akal Sepuluh’ (عقول عشرة), para malaikat, Nabi Isa a.s. dan Uzair.

وَلَمْ يُولِّْ yang bermaksud (Dan Dia tidak pula diperanakkan)

Frasa ini adalah penegasan terhadap keazalian Allah dan keesaan-Nya. Ia menolak kepercayaan syirik golongan penyembah sebab-akibat, penyembah bintang, penyembah berhala dan penyembah alam (Naturalisme). Maksudnya, sesuatu yang bersifat baharu (ciptaan), terpisah daripada asalnya, atau berasal daripada sesuatu bahan, tidak boleh menjadi Tuhan.

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ yang bermaksud (Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya)

Frasa ini merupakan pernyataan tauhid yang menyeluruh, iaitu bahawa tiada sesuatu pun yang setanding dengan-Nya dalam zat, sifat maupun perbuatan-Nya.

أَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar, Maha Melihat. (Surah asy-Syura: 11)

Surah al-Ikhlas ini menolak segala bentuk syirik, dan enam pernyataannya merangkum tujuh maqam tauhid; setiap pernyataan menjadi hujah bagi yang sebelumnya, dan sekaligus natijah daripadanya.

Alam semesta sebagai muwahhid terbesar dan dalil agung tauhid, bukan sahaja dengan unsur dan anggotanya, bahkan dengan setiap sel dan zarahnya, menjadi lidah

yang sentiasa berzikir akan keesaan Allah. Mereka semua bersatu menyertai seruan agung dalil ini dengan satu suara, seakan-akan berzikir seperti para darwis (abid) Mevlevi, mengucapkan: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Tiada Tuhan melainkan Allah).

Jika engkau mendekatkan telingamu pada dada al-Quran, yang merupakan dalil jelas bagi Tauhid, engkau akan mendengar bahawa di dalam hatinya bergema suara samawi (langit) yang sangat luhur, penuh keseriusan, keikhlasan, kemesraan dan keyakinan, serta dilengkapi dengan dalil-dalil. Suara itu mengulang-ulang zikir:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

(Allah, tiada Tuhan melainkan Dia).

Dalil tauhid ini berbahaya dari enam penjuru. Di atasnya terdapat cap mohor keajaiban Ilahi, di dalamnya terkandung cahaya petunjuk; di bawahnya tersusun dalil-dalil yang berasaskan akal. Di sebelah kanannya pula, ia mengajak akal untuk menyelidiki, di sebelah kirinya, ia menyeru hati nurani menjadi saksi. Di hadapannya terbentang kebaikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat; dan sandarannya adalah wahu yang suci. Maka, adakah sangkaan dan keraguan berhak untuk mencelah masuk ke dalam hakikat ini?

Keempat-empat unsur dalam jiwa iaitu kehendak, akal, perasaan dan fakulti halus dalaman (*Latifah Rabbaniyah*), masing masing mempunyai tujuan tertinggi. Kehendak menuju ibadah kepada Allah, akal menuju makrifatullah, perasaan menuju cinta kepada-Nya, dan Latifah Rabbaniyah

menuju penyaksian terhadap Allah. Takwa, yang merupakan ibadah yang sempurna, merangkumi keempat-empat unsur tersebut. Syariat pula berperanan menyuburkan, menyucikan, dan membimbing unsur-unsur ini menuju matlamat yang tertinggi.

Sekiranya sebab-sebab dan perantara dalam penciptaan diberikan kuasa hakiki, maka sudah tentu mereka mestilah dikurniakan kesedaran menyeluruh. Namun, hal ini akan bercanggah dengan kesempurnaan dan keteraturan seni yang terdapat dalam setiap ciptaan. Dari yang paling rendah hingga yang paling tinggi, dari yang paling kecil hingga yang paling besar, kesempurnaan dalam ciptaan berlaku mengikut darjat dan ukuran hakiki setiap makhluk. Maka, tidak boleh dikatakan bahawa Allah Yang Maha Mencipta bertindak sebahagiannya melalui perantara yang dekat, sebahagiannya melalui perantara jauh, atau sebahagiannya tanpa perantara langsung. Perbuatan manusia yang lahir dari kehendak bebas tetapi mengandungi ketidaksempurnaan, membuktikan adanya kehendak dan menolak konsep keterpaksaan.

Perhatikanlah: Dengan kehendak bebas manusia yang terbatas, sebuah kota ciptaan akalnya tidak mampu menyaingi keteraturan sarang lebah, hasil dari petunjuk Ilahi. Manakala, sarang lebah yang merupakan pameran seni dalam bentuk kota sel-sel heksagon itu, masih lagi lebih rendah dari segi keteraturannya berbanding sebijji buah delima atau sekuntum bunga. Maka, hal ini bermakna,

daya tarikan umum dalam alam ini, dari yang terbesar hingga kepada zarah yang tidak terbahagi lagi, semuanya adalah titik daripada pena Ilahi yang sama.

Islam menyatakan:

لَا خَالِقَ إِلَّا هُوَ

Tiada Pencipta selain Dia.

Islam tidak menganggap sebab-sebab dan perantara sebagai pencipta hakiki. Segala perantara dilihat dengan pandangan *ma'nayi harfi*, iaitu ia menunjukkan kepada Zat Yang Maha Esa, bukan kepada dirinya sendiri. Pandangan inilah yang dituntut oleh akidah tauhid, serta kewajipan penyerahan diri (*taslim*) dan penyerahan segala urusan kepada Allah (*tafwidh*). Sebaliknya, agama Kristian moden yang telah diselewengkan melihat sebab-sebab dan perantara sebagai memiliki kekuatan sendiri. Mereka melihatnya dengan pandangan *ma'nayi ismi*, iaitu memandangnya sebagai zat yang berdiri sendiri dan bukan sebagai petunjuk kepada Allah. Akidah ‘anak Tuhan’ yang disandarkan kepada Nabi Isa, dan konsep kerahiban mendorong mereka ke arah itu. Mereka memandang orang-orang suci mereka dengan pandangan *ma'nayi ismi*, iaitu sebagai sumber limpahan kurniaan dan cahaya, seumpama lampu yang kelihatan mengeluarkan cahaya sendiri, sedangkan hakikatnya cahaya itu berasal daripada matahari yang telah berubah menjadi bentuk lain. Sebaliknya, kita memandang para wali dengan pandangan *ma'nayi harfi*, iaitu seperti cermin yang memantulkan cahaya matahari,

bukan sebagai sumber cahaya itu sendiri.²⁶

Oleh sebab itu, dalam jalan kerohanian (*suluk*) kita, perjalanan ini bermula dengan sifat rendah diri (*tawaduk*), melalui kehancuran diri, dan mencapai *maqam fana fillah*, iaitu lenyap dalam keagungan Allah. Perjalanan ini bermula di dalam *maqamat* (tingkatan-tingkatan kerohanian) yang tidak terhitung. Dalam perjalanan ini, keegoan dan nafsu ammarah akan dipadamkan bersama sifat sombang dan bangga diri. Namun, ajaran Kristian yang dimaksudkan di sini bukanlah ajaran Kristian yang asal, tetapi versi Kristian yang telah diseleweng dan dipengaruhi oleh falsafah. Keadaan ini telah menguatkan ego manusia. Seseorang yang memiliki ego dan kedudukan yang tinggi, apabila dia seorang Kristian, dia akan menjadi fanatik dalam beragama dan bersikap keras terhadap pihak lain. Namun jika dia seorang Muslim dalam keadaan yang sama, dia biasanya menjadi acuh tak acuh dan lalai terhadap agamanya.

Kenikmatan yang mendalam dan beraneka dalam aktiviti yang bergerak daripada sesuatu potensi kepada perbuatan adalah asas perubahan di alam semesta serta menjadi teras ke arah kemajuan. Seperti keadaannya apabila keluar dari penjara menuju ke taman dan perubahan benih menjadi tangkai berbuah; kedua-duanya merupakan hakikat kenikmatan itu sendiri. Apabila sesuatu perbuatan mengandungi perubahan, kenikmatannya akan terus bertambah dan melimpah. Kenikmatan inilah

26. Rabithah dalam Tariqat Naqshbandiyyah adalah didasarkan kepada hakikat ini.

yang menjadikan beban terasa ringan. Sebagaimana kesempurnaan tertinggi sangat menarik bagi makhluk yang berakal, begitu juga, hakikat perbuatan itu sendiri sangat memikat bagi makhluk yang kurang sempurna akalnya, sehingga mendorong mereka untuk berusaha. Maka, itulah rahsianya; di sebalik keselesaan ada kesusahan, dan dalam kesusahan tersembunyi keselesaan.

* * *

●Ketamakan dan sikap terburu-buru adalah punca kerugian dan kehampaan. Oleh sebab si tamak tidak berjalan mengikut aturan fitrah yang bertingkat seumpama anak tangga, maka dia tidak akan berjaya. Meskipun dia berjaya, jalan pintasnya hanyalah mencapai satu langkah mendahului aturan fitrah. Namun, dia mudah berputus asa, dan hanya selepas tenggelam dalam kelalaian, barulah pintu kejayaan terbuka.

●Allah Yang Maha Agung menciptakan hati batin untuk beriman, mengenali dan mencintai-Nya, sementara hati zahir disediakan untuk urusan-urusan lain. Ketamakan yang melampaui batas menusuk ke dalam hati batin manusia, lalu memasukkan berhala-berhala ke dalamnya. Allah murka dan menghukum orang yang tamak dengan perkara yang berlawanan dengan niatnya.

●Kerana ketamakan, mereka yang menyeret fahaman politik hingga mencampuri urusan akidah Islam tidak memperoleh kemuliaan dan kehormatan, bahkan menjadi sasaran kehinaan dan cemuh. Kesengsaraan dan kehampaan dalam cinta yang berlandaskan nafsu adalah

berpunca daripada hakikat ini. Seluruh bait syair mereka hanyalah rintihan duka yang tidak berpenghujung.

●Jika engkau terlalu menginginkan tidur pada waktu malam, akhirnya engkau kehilangan seluruh malam dan hanya berjaga dalam keresahan.

●Terdapat dua jenis pengemis, seorang bersifat tamak dan mendesak, seorang lagi menjaga kehormatan dirinya dan menjauhkan diri daripada meminta-minta. Kita biasanya lebih terdorong untuk memberi kepada yang kedua. Hal ini merupakan salah satu contoh daripada hukum fitrah kemanusiaan yang luas.

Penyakit dan musibah yang paling dahsyat yang menimpa kita adalah kritikan yang bersandar kepada kepintaran hujah yang menyimpang dan kesombongan. Jika sesuatu kritikan itu dilakukan dengan keadilan dan ketulusan, ia akan memperhalusi dan menyerlahkan kebenaran. Tetapi jika kritikan itu didorong oleh kesombongan, ia hanya akan menghancurkan dan memecahbelahkan. Keburukan yang paling membinasakan adalah apabila kritikan sebegini menyentuh prinsip-prinsip keimanan dan perkara-perkara agama. Hal ini demikian kerana, iman bukanlah sekadar pengakuan, tetapi juga kefahaman mendalam, komitmen, ketundukan, dan kepatuhan rohani. Kritikan sebegini akan menghancurkan kepatuhan, komitmen, dan kefahaman mendalam, serta menyebabkan seseorang tidak lagi cenderung membenarkan hakikat keimanannya. Dalam zaman yang penuh keraguan dan kebimbangan ini, kita

seharusnya memandang dengan sangka baik akan buah fikiran positif dan kata-kata yang membangkitkan semangat yang lahir daripada hati yang bercahaya dan tulus, kerana ia menyuburkan dan menguatkan kefahaman yang mendalam serta komitmen terhadap agama. Apa yang mereka namakan sebagai ‘pemikiran berkecuali’ sebenarnya adalah suatu bentuk ketidakpercayaan yang sementara, yang dilakukan oleh mereka yang baru mendapat hidayah atau masih mencari kebenaran.

Sesungguhnya pandangan dan mata hati Nabi Muhammad (SAW) yang membawa khabar gembira dan memberi peringatan, yang telah diajarkan al-Quran yang penuh mukjizat, adalah amat halus, mulia, jelas dan menembusi sehingga hakikat kebenaran tidak mungkin bercampur atau disamakan dengan khayalan pada pandangannya. Jalannya pula adalah jalan kebenaran yang sempurna, suci dan tinggi martabatnya sehingga mustahil ia digunakan untuk memperdaya atau mengelirukan manusia.

Hal ini demikian kerana, mata yang melihat hakikat kebenaran tidak akan tertipu, dan hati yang mencintai hakikat kebenaran tidak akan menipu.

Al-Quran menggambarkan betapa kejinya perbuatan mengumpat dengan firman-Nya:

أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيِّتًا

Adakah seseorang di antara kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Surah al-Hujurat: 12).

Dengan hanya enam perkataan, al-Quran mengecam perbuatan mengumpat melalui enam peringkat kecaman yang sangat keras. Ia adalah seperti berikut:

Melalui bentuk pertanyaan, al-Quran seolah-olah bertanya: “*Gunakanlah akalmu! Adakah perbuatan sehina ini boleh diterima? Jika akalmu tidak mampu menilai, tanyalah kepada hatimu; adakah ia menyukai perbuatan sebegini? Jika hatimu telah mati, pandanglah nuranimu; adakah ia akan merestui tindakanyang akan menghancurkan kehidupan bermasyarakat, seperti menggigit dagingmu sendiri? Jika nuranimu tidak memiliki kesedaran sosial, lihatlah pada rasa kemanusiaanmu; adakah engkau berselera terhadap perbuatan yang zalim seperti binatang buas? Jika engkau sudah hilang rasa kemanusiaan, maka lihatlah kepada kasih sayang terhadap sesama manusia dan ikatan kekeluargaanmu; adakah engkau sanggup melakukan sesuatu yang hanya akan mencelakakan dirimu sendiri? Jika engkau juga tidak memiliki perasaan kasih sayang terhadap sesama manusia, adakah fitrahmu sudah begitu rosak sehingga engkau sanggup mengoyakkan daging mayat saudaramu dengan gigimu sendiri?”*

Maka jelaslah bahawa dari sudut akal, hati, jiwa, nurani, kemanusiaan, kasih sayang sesama manusia dan fitrahnya, serta pandangan syariat, mengumpat adalah perbuatan yang hina dan wajib dijauhi.

Sesungguhnya manusia yang tidak memahami rahsia kerjasama itu adalah lebih beku daripada sebuah batu. Hal ini demikian kerana, ada batu yang melengkung untuk menyokong batu di sebelahnya, seolah-olah membantu saudaranya. Ketika sebuah batu, dengan sifat batunya, berada di tangan seorang tukang bina yang mahir, lalu diletakkan di kubah yang melengkung, ia akan condong dan merendahkan dirinya untuk bersentuhan dengan batu di sebelahnya, agar kedua-duanya saling berpaut dan tidak jatuh.

Dari zarah yang paling halus dan tidak dapat dibahagi hingga kepada manusia, dan dari manusia pula hingga ke matahari, seluruh makhluk tersusun dalam satu rantaian kewujudan yang bertingkat dan berpusat, di mana manusia merupakan permata tunggal yang dimuliakan di tengah-tengahnya.

Selain daripada pancaindera yang diketahui umum, manusia juga memiliki deria-deria yang lain. Seperti deria rasa pada lidah, manusia turut memiliki dorongan untuk bertindak dan tarikan untuk mendekati sesuatu. Selain itu, dalam dirinya terdapat banyak lagi perasaan yang tidak disedari.

Kadangkala keinginan mengambil bentuk pemikiran. Orang yang tamak menyangka keinginan nafsunya sebagai

suatu pemikiran.

Sungguh aneh, terdapat orang yang jatuh ke dalam lumpur yang kotor, lalu untuk menipu dirinya sendiri, dia menganggapnya sebagai kasturi dan ambar, lalu melumurkannya ke wajah serta matanya.

Seorang yang syahid adalah seorang wali. Jihad yang pada asalnya merupakan fardu kifayah telah menjadi fardu ain. Bahkan ia telah mencapai kedudukan sebagai fardu ain yang berganda pada ketika ini. Seperti dalam ibadah haji dan zakat, peranan niat dalam jihad juga sangat terbatas. Bahkan ketiadaan niat pun, jika dilihat dari sudut hakikat, tetap dikira sebagai berniat. Maka, selagimana tiada bukti jelas tentang niatnya yang bertentangan, jihadnya itu akan membawa kepada kesyahidan yang hakiki. Hal ini demikian kerana apabila kewajipan untuk berjihad semakin meningkat, maka ia menjadi lebih khusus dan wajib secara peribadi. Dalam keadaan seperti ini, peranan niat yang bergantung kepada pilihan individu semakin berkurangan. Dalam kalangan umat yang banyak bergelumang dalam dosa ini, jika tiba-tiba puluhan ribu wali muncul dan menzahirkan diri, maka itu bukanlah suatu ganjaran yang kecil.

Jika seseorang menjadi fasiq dalam kalangan kita, dia biasanya turut kehilangan akhlak dan hati nurani. Hal ini

kerana keinginan untuk melakukan maksiat hanya dapat berkembang apabila suara iman dalam hati nurani dibisukan. Maka, seseorang tidak akan melakukan kejahanan dengan sepenuh kesedaran melainkan setelah dia menggugat hati nurani dan meremehkan nilai-nilai kerohanian dalam dirinya. Oleh sebab itu, Islam menganggap orang yang fasiq sebagai pengkhianat dan tidak menerima penyaksianya, manakala orang yang murtad pula dianggap sebagai racun yang membinasakan, dan dijatuhkan hukuman mati. Sebaliknya, Islam tetap memberi perlindungan kepada seorang Kristian zimmi dan orang kafir yang terikat dengan perjanjian damai (*muahad*) di bawah naungan pemerintahan Islam. Malah, mazhab Hanafi menerima penyaksian seorang kafir zimmi dalam urusan tertentu. Pelaksanaan keadilan harus dilakukan atas nama agama supaya akal, hati, dan jiwa manusia akan merasa terkesan, lalu mereka akan mematuhiinya dengan penuh sedar. Jika tidak, hanya sangkaan dan ketakutan semata-mata yang akan terkesan. Seorang penjenayah hanya akan takut kepada hukuman pemerintah jika ia benar-benar dilaksanakan, atau takut kepada celaan masyarakat jika perkara itu terbukti.

Sebuah kapal yang memuatkan ramai orang yang tidak bersalah tidak boleh ditenggelamkan hanya kerana adanya seorang penjenayah di dalamnya. Begitu juga, tidak sepatutnya ada permusuhan terhadap seorang mukmin yang memiliki banyak sifat terpuji, hanya kerana satu sifat buruk yang ada padanya. Lebih-lebih lagi, perkara yang menjadi sebab cinta iaitu iman dan tauhid adalah ibarat Gunung

Uhud, manakala perkara-perkara yang menjadi sebab permusuhan hanyalah seperti batu-batu kecil. Menganggap batu-batu kecil itu lebih berat daripada Gunung Uhud adalah suatu kebodohan. Maka, membenci seseorang yang beriman atas perkara remeh adalah tanda kerasnya hati seseorang. Permusuhan di antara orang-orang yang beriman tidak sepatutnya wujud kecuali dalam bentuk simpati dan belas kasihan.

Ringkasnya: Iman melahirkan cinta, dan Islam menyuburkan persaudaraan.

الْكَلَامُ كَالْمَالٍ لَا يَجُوزُ فِيهِ الْإِسْرَافُ

Kata-kata itu adalah seperti harta, maka ia tidak sepatutnya digunakan secara berlebihan.

Said Nursi

Sepucuk Surat: Prinsip-prinsip Al-Quran dalam Menyelamatkan Umat yang Sedar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama-Nya, Maha Suci Dia!

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ أَبَدًا دَائِمًا

*Salam sejahtera ke atas kamu, serta rahmat dan
keberkatan Allah selama-lamanya.*

Wahai saudara-saudaraku yang dikasihi dan setia,

Pertama: Aku mengucapkan tahniah dengan sepenuh jiwa dan ragaku atas segala perayaan dan malam-malam yang diberkati, baik yang telah berlalu maupun yang akan datang, sama ada yang bersifat zahir atau batin. Aku juga memohon dengan sepenuh hati daripada rahmat Ilahi agar segala ibadah dan doa yang kalian lakukan diterima, dan kami mengaminkan segala doa yang penuh keberkatan itu.

Kedua: Aku terpaksa memberikan jawapan yang bersifat peribadi terhadap dua persoalan yang sangat penting dari pelbagai sudut, baik secara rohani maupun secara zahir, yang sering kali ditanyakan kepadaku.

Soalan Pertama: Mengapa pada awal era Perlembagaan Kedua (Zaman Kebebasan), engkau begitu aktif dalam politik, tetapi selama hampir 40 tahun setelah itu, engkau telah meninggalkan politik sepenuhnya?

Jawapan: Salah satu prinsip utama dalam politik dunia adalah: “Demi keselamatan bangsa, individu boleh dikorbankan, demi keselamatan masyarakat, individu boleh dikorbankan dan demi tanah air, segala-galanya boleh dikorbankan”. Aku telah memahami dengan penuh keyakinan bahawa segala jenayah mengerikan yang telah berlaku dalam sejarah manusia sehingga kini berpunca daripada penyalahgunaan prinsip ini. Disebabkan prinsip dasar politik manusia ini tidak memiliki batasan yang jelas, ia telah membuka pintu kepada pelbagai penyalahgunaan dan kezaliman. Dua perang dunia telah lahir daripada penyalahgunaan prinsip yang zalim ini, menghancurkan seribu tahun kemajuan manusia, serta membenarkan pemusnahan ke atas sembilan puluh orang yang tidak bersalah hanya kerana terdapat sepuluh orang penjahat. Dengan berselindung di sebalik kepentingan umum, niat-niat jahat peribadi telah menyebabkan sebuah kota musnah hanya kerana seorang penjahat. Oleh sebab Risalah an-Nur telah membuktikan hakikat ini dalam beberapa koleksi dan hujah pembelaannya, maka aku merujuk kalian kepada kitab tersebut.

Maka, sebagai jawapan kepada prinsip kezaliman dalam politik manusia ini, aku telah menemui prinsip asas yang datang dari Arasy Dia Yang Maha Agung dalam al-Quran yang penuh dengan kemukjizatan dan keterangan yang jelas. Hukum-hukum ini ditegaskan dalam ayat-ayat berikut:

وَلَا تُثْرِرُ وَازِرَةً وَزِرَّ أُخْرَىٰ

Seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa

perbuatan orang lain. (Surah al-An'am: 164)

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَانَمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا

Barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. (Surah al-Maa'idah: 32)

Kedua-dua ayat ini mengajar akan prinsip bahawa: Seseorang tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kesalahan orang lain. Seorang yang tidak bersalah tidak boleh dikorbankan walaupun demi kepentingan seluruh manusia, tanpa kerelaannya sendiri. Namun, jika seseorang itu berkorban dengan kehendaknya sendiri, maka pengorbanannya itu dikira sebagai syahid, dan ia adalah perkara yang berbeza. Prinsip ini mewujudkan keadilan hakiki bagi manusia. Untuk perincian lanjut, aku merujuk kalian kepada Risalah an-Nur.

Soalan Kedua: Dahulu, ketika engkau mengembara dalam kalangan suku-suku Badwi di timur, engkau banyak menggalakkan mereka untuk maju dan mencapai peradaban. Tetapi mengapa sejak hampir 40 tahun, engkau menarik diri dari masyarakat dan menyebut peradaban moden sebagai “*peradaban tanpa mim*” (yakni peradaban tanpa nilai agama)?

Jawapan: Oleh sebab peradaban moden Barat adalah bertentangan dengan undang-undang Ilahi yang diturunkan dari langit, maka keburukannya adalah lebih banyak

daripada kebaikannya, kemudaratannya pula lebih besar daripada manfaatnya. Hasilnya, tujuan sebenar peradaban, iaitu ketenangan, keamanan dan kebahagiaan hidup duniawi, telah musnah. Nilai-nilai kesederhanaan telah digantikan dengan pemborosan dan kemewahan; usaha dan khidmat telah digantikan dengan kemalasan dan kecintaan kepada kerehatan. Akibatnya, peradaban moden Barat telah menjadikan insan yang malang ini terjerumus ke dalam jurang kemiskinan dan kemalasan. Sedangkan prinsip asas yang diajarkan oleh al-Quran adalah:

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا

Makan dan minumlah, serta jangan pula kamu berlebih-lebihan. (Surah al-A'raaf: 31)

لَيْسَ لِلنَّاسَ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Tiada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya. (Surah an-Najm: 39)

Prinsip ini menunjukkan bahawa kebahagiaan hidup manusia bergantung kepada kesederhanaan dan usaha, dan hanya dengan dua nilai inilah keharmonian antara golongan elit dan golongan awam dapat terjalin. Maka, untuk menjelaskan prinsip ini sebagaimana dihuraikan dalam Risalah an-Nur, aku akan menyebut dua noktah ringkas.

Noktah Pertama: Pada zaman kehidupan nomad, manusia hanya memerlukan tiga atau empat perkara, dan hanya dua daripada sepuluh orang yang tidak mampu memperolehnya. Namun, peradaban moden Barat yang zalim telah mencipta pelbagai bentuk penyalahgunaan dan

pembaziran. Ia telah membangkitkan hawa nafsu manusia dan menjadikan keperluan yang tidak penting sebagai sesuatu yang dianggap perlu. Oleh sebab itu, manusia moden hari ini, yang pada asalnya hanya memerlukan empat perkara, kini telah bergantung kepada dua puluh perkara untuk hidup. Daripada dua puluh keperluan ini, hanya dua perkara sahaja yang boleh diperoleh secara halal, manakala lapan belas selebihnya menjadikan manusia terus bergelut dalam ketergantungan.

Maka, peradaban moden ini telah menjadikan manusia sangat miskin. Akibatnya, manusia terdorong kepada kezaliman dan jalan yang haram, menyebabkan pertentangan yang berterusan antara golongan atasan dan bawahan. Sedangkan, sistem Islam yang berlandaskan kewajipan zakat dan larangan riba akan mengekalkan keseimbangan sosial, di mana golongan miskin menghormati golongan kaya, dan golongan kaya bersikap belas kasihan terhadap golongan miskin. Namun, prinsip ini telah ditinggalkan, lalu mendorong orang kaya menindas dan orang miskin memberontak. Hal ini telah meruntuhkan keamanan masyarakat.

Noktah Kedua: Pelbagai kemajuan hebat dalam peradaban moden sepatutnya menjadi nikmat Ilahi bagi manusia, digunakan dengan penuh kesyukuran dan dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat. Namun, kini kita melihat bahawa sebahagian besar manusia telah terdorong kepada kemalasan dan keseronokan, meninggalkan usaha dan kerja keras, serta lebih cenderung untuk berehat sambil mengikuti hawa nafsu mereka, sehingga melemahkan

semangat untuk berusaha. Selain itu, melalui sifat tamak dan sikap tidak berjimat cermat, mereka terdorong kepada hiburan melampau, pembaziran, kezaliman, dan perkara yang diharamkan.

Sebagai contoh, sebagaimana yang disebut dalam bahagian Kunci kepada Cahaya (Nur Anahtari) di dalam Risalah an-Nur, radio merupakan satu nikmat yang besar, dan sepatutnya dimanfaatkan untuk maslahat manusia sebagai tanda kesyukuran rohani. Namun begitu, sebahagian besarnya, iaitu empat perlima daripadanya telah digunakan untuk hiburan yang sia-sia dan perkara-perkara yang tidak bermanfaat. Keadaan ini telah mendorong manusia kepada kemalasan, melalaikan mereka dengan hiburan, melemahkan semangat untuk berusaha, dan menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab sebenar dalam kehidupan. Malah, banyak kemudahan moden yang bermanfaat sepatutnya digunakan untuk usaha dan keperluan manusia secara sah dan bermakna, tetapi aku sendiri melihat bahawa daripada sepuluh perkara itu, hanya satu atau dua sahaja yang benar-benar digunakan untuk keperluan asas manusia, manakala selebihnya terarah kepada keseronokan, hiburan dan kemalasan semata-mata. Dua contoh kecil ini hanyalah sebahagian daripada ribuan contoh lain yang wujud dalam kehidupan moden hari ini.

Kesimpulannya:

Tamadun moden Barat yang telah mengabaikan agama samawi telah menyebabkan manusia menjadi semakin miskin dan bergelumang dengan pelbagai keperluan. Ia

menghapuskan asas kesederhanaan dan mencetuskan kerakusan. Ia membuka jalan kepada kezaliman dan keburukan. Selain itu, dengan mendorong manusia kepada sarana hiburan dan kelalaian, ia telah menjatuhkan manusia yang serba kekurangan itu ke dalam kemalasan sepenuhnya. Ia melemahkan semangat mereka untuk berusaha dan bekerja, serta menyeret mereka kepada hawa nafsu dan kelalaian, sehingga kehidupan mereka menjadi terbuang sia-sia tanpa manfaat. Bukan itu sahaja, tamadun ini juga menyebabkan manusia menjadi sakit. Lebih daripada seratus jenis penyakit telah tersebar akibat pembaziran dan penyalahgunaan sumber.

Lebih dahsyat lagi, tiga tekanan utama (iaitu keperluan hidup yang mendesak, keinginan nafsu, dan penyakit yang berleluasa) serta penyebaran arus ateisme telah menyebabkan manusia sentiasa dihantui oleh bayangan kematian sebagai suatu kemasnahan abadi. Akibatnya, kehidupan dunia ini seolah-olah menjadi satu bentuk azab yang menyeksakan. Dalam menghadapi musibah besar yang menimpa umat manusia ini, al-Quran al-Karim sebagai mukjizat agung dan sumber petunjuk Ilahi telah menunjukkan jalan penyelesaiannya. Dengan kebangkitan dan kesedaran empat ratus juta pengikutnya, serta dengan hukum-hukum sucinya yang bersumber daripada wahyu, al-Quran mampu menyembuhkan tiga luka besar umat manusia; separtimana yang telah dilakukan sejak lebih seribu tiga ratus tahun yang lalu.

Sekiranya kiamat tidak berlaku dalam masa terdekat, maka al-Quran akan terus membimbing manusia menuju

kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Kematian tidak lagi dianggap sebagai kemasuhan yang kekal, bahkan menjadi satu pelepasan menuju alam cahaya dan kehidupan yang lebih baik. Hasil daripada petunjuk al-Quran, akan lahir satu bentuk tamadun baharu, yang mana kebaikannya mengatasi segala keburukannya. Bukan sebagaimana yang berlaku sebelum ini, di mana sebahagian daripada agama terpaksa dikorbankan demi memperoleh sedikit kemajuan; sebaliknya, tamadun itu sendiri akan menjadi pelaksana dan pembantu kepada hukum-hukum suci yang diturunkan dari langit. Inilah isyarat dan petunjuk yang terkandung dalam al-Quran yang penuh mukjizat, yang kini sedang dinantikan, dirayu dan dicari oleh manusia yang telah sedar, dengan penuh harapan kepada rahmat Ilahi.

الْبَاقِي هُوَ الْبَاقِي

Said Nursi

